

**JENTERA  
PENTADBIRAN  
KERAJAAN  
DI MALAYSIA  
SUATU  
PENGENALAN**

**TAN SRI DATUK  
ABDUL AZIZ ZAKARIA**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur  
1987

KK. 350 – 1982 5201

Cetakan Pertama 1976  
Cetakan Kedua 1978  
Cetakan Ketiga 1982  
Cetakan Pertama (Edisi Kedua) 1987  
© Hakipta Abdul Aziz bin Zakaria 1987

Hakipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, mana-mana bahagian artikel/ilustrasi isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diaturhuf oleh: Sistem Komset Sdn. Bhd.  
Rupa Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

M  
354.595  
AAZ

Dicetak Oleh:  
Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.,  
Kuantan, Pahang Darul Makmur.  
\$8.00

550552

- 9 JAN 1991  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PENDAHULUAN

Tujuan saya mengarang buku ini ialah hendak menghuraikan perihal jentera pentadbiran Kerajaan di Malaysia dan peranan kakitangan yang menjalankan jentera pentadbiran itu. Buku ini bukanlah menghuraikan secara mendalam kisah jentera pentadbiran itu kerana tujuan saya semata-mata hendak menerangkan jentera pentadbiran Kerajaan dan peranan kakitangannya secara ringkas sahaja.

Jentera pentadbiran Kerajaan di Malaysia ini adalah rumit. Banyak butir-butir di dalam buku ini diperolehi daripada pengalaman saya sendiri pada masa saya bekerja di beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan. Cara-cara pentadbiran dalam sesuatu jabatan atau Kementerian itu akan diketahui dengan sebenarnya jika seseorang itu bekerja dalam Jabatan atau Kementerian itu. Sungguhpun demikian tidaklah dapat seseorang itu hendak bekerja dalam semua Kementerian atau Jabatan. Tambahan pula cara-cara menjalankan pentadbiran dalam mana-mana Kementerian atau Jabatan adalah berubah dari semasa ke semasa dan cara yang dijalankan sekarang mungkin bertukar tidak berapa lama lagi.

Saya berpeluang dapat bekerja di pejabat daerah, di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, di Kementerian dan Jabatan Perdana Menteri serta juga di Jabatan Perkhidmatan Awam. Pengalaman-pengalaman saya di tempat-tempat itu sangatlah berguna kepada saya pada masa saya mengarang buku ini. Sungguhpun demikian tidaklah boleh saya mengaku saya tahu semuanya bagaimana jentera pentadbiran Kerajaan berjalan.

Mungkin ada beberapa kesilapan dalam buku ini dan saya akan berterima kasih menyambut apa-apa ulasan mengenai buku ini daripada pihak pembacanya. Barangkali ada juga kenyataan-

kenyataan di dalamnya yang tiada kemaskini. Sungguhpun demikian saya harap buku ini akan menerangkan secara am perihal jentera pentadbiran Kerajaan dalam negeri ini.

Saya seorang pegawai Kerajaan Persekutuan akan tetapi buku ini bukanlah terbitan rasmi Kerajaan. Apa-apa kenyataan tentang pentadbiran Kerajaan yang saya beri ialah kenyataan saya sendiri dibuat atas nama saya sendiri. Apa-apa yang salah dalam buku ini adalah kesalahan saya sendiri dan juga apa-apa pandangan yang saya berikan dalam buku ini ialah pandangan saya sendiri; bukanlah pandangan Kerajaan.

Sungguhpun demikian sebelum saya menulis buku ini saya telah berunding dengan beberapa orang pegawai Kerajaan berkenaan dengan cara-cara menjalankan pentadbiran di pejabat-pejabat mereka. Saya sangat menghargai pertolongan mereka itu dan masa yang telah mereka berikan kepada saya untuk berunding dengan mereka sungguhpun mereka sibuk menjalankan tugas-tugas yang berat. Dalam hal ini saya suka mengambil peluang di sini mengucapkan terima kasih saya kepada mereka kerana pertolongan mereka itu.

Khasnya saya sangat berterima kasih kepada Allahyarham Tun (Dr.) Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, S.M.N., D.U.S.M., bekas Gabenor Melaka kerana bermurah hati membaca manuskrip buku saya ini dan memberi ulasan serta nasihat tentang buku ini. Banyak maklumat dalam Bab I dan Bab VII buku ini ialah daripada karangan-karangan beliau semasa memegang jawatan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Jemaah Menteri. Saya sangat menghargai masa yang telah digunakan oleh beliau untuk membaca manuskrip saya itu lebih-lebih lagi memandangkan kepada tugas-tugas beliau sebagai Gabenor Melaka yang amat berat pada masa itu.

Abdul Aziz bin Zakaria

## PENDAHULUAN

(Untuk Edisi Kedua)

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana menerbitkan edisi kedua buku saya ini untuk digunakan sebagai bahan rujukan bagi penuntut-penuntut tingkatan enam bawah.

Sepuluh tahun sudah berlalu setelah buku ini dicetak pada kali pertamanya dan selepas itu sungguhpun ada cetakan kedua dalam tahun 1978 dan cetakan ketiga dalam tahun 1982, tidak ada apa-apa semakan yang mendalam diperbuat. Tentulah dalam masa satu dekad itu beberapa perubahan telah berlaku dalam pentadbiran Kerajaan.

Apabila saya kaji semula, saya dapati banyak perubahan telah berlaku dan banyak pindaan terpaksa dibuat kepada buku ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pegawai Kerajaan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Ada di antara mereka yang memberi saya beberapa pekeliling dan tulisan mengenai pentadbiran Kerajaan pada masa sekarang. Ada pula yang ikut dengan senang hati menyemak buku ini dan memperkemaskannya.

Saya sangat terutang budi kepada mereka kerana saya telah meninggalkan pentadbiran Kerajaan sejak akhir tahun tujuh puluhan dan perubahan-perubahan yang telah berlaku kebanyakannya tidak saya ketahui. Dalam tempoh itu banyak perubahan tentang cara-cara pentadbiran telah berlaku. Ini menyebabkan kerja-kerja pentadbiran menjadi bertambah kompleks dan ada di antaranya kerja-kerja itu yang bertindih. Tidak ada nampaknya kajian secara menyeluruh diperbuat mengenai jentera pentadbiran. Memang benar ada unit dalam Kerajaan untuk mengkaji cara menjalankan pentadbiran. Pada masa dahulu unit ini dikenal sebagai 'Development and Administration Unit' yang sekarang ini dikenali sebagai

MAMPU (Modernisation of Administration and Manpower Planning Unit). Ada tanda-tanda bahawa kajian menyeluruh haruslah diperbuat.

Sekali lagi saya berharap pembaca-pembaca dapat memberitahu saya jika ada apa-apa tersilap di dalam edisi ini. Saya telah cuba seberapa upaya mengemaskinikan mana-mana yang telah bertukar tetapi mungkin banyak pertukaran yang saya tidak ketahui.

Saya berharap buku ini dapat digunakan oleh penuntut-penuntut dan juga oleh mereka yang berminat hendak mengetahui jentera pentadbiran Kerajaan di negara kita ini.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Cik Valerie Wong kerana bantuan yang telah diberinya kepada saya pada masa menyemak buku ini dan membuat pindaan-pindaan yang banyak dan rumit itu. - AABZ

## KANDUNGAN

BAB	Muka Surat
Pendahuluan	v
Pendahuluan Edisi Kedua	vii
I Latar Belakang Sejarah – Politik dan Perlembagaan	1
II Ketua Negara	8
III Parlimen	13
IV Kabinet	20
V Kehakiman	27
VI Perkhidmatan Awam – Peranannya	32
VII Perkhidmatan Awam – Perkembangannya	39
VIII Kementerian dan Jabatan	47
IX Agensi Separa Kerajaan	53
X Kerajaan Negeri	58
XI Agensi Pusat Kerajaan – Unit Perancang Ekonomi	64
XII Agensi Pusat Kerajaan – Unit Penyelarasan, Pelaksanaan	73
XIII Agensi Pusat Kerajaan – Jabatan Perkhidmatan Awam	84
XIV Agensi Pusat Kerajaan – Perbendaharaan	96
XV Peraturan Khas bagi Sabah dan Sarawak	102
XVI Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan	107
XVII Peranan Kerajaan Dalam Masyarakat Berbilang Bangsa	114

## LAMPIRAN

	Muka Surat
Lampiran A	Pembahagian Jabatan mengikut Sistem Ahli dalam Tahun 1951 121
Lampiran B	Kawasan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri 126
Lampiran C	Kawasan Pilihanraya Dewan Rakyat 127
Lampiran D	Keanggotaan Dewan Rakyat pada 27 Mac 1985 128
Lampiran E(i)	Senarai Menteri Kabinet pada 10 Mei 1986 129
Lampiran E(ii)	Senarai Timbalan Menteri pada 7 Januari 1986 131
Lampiran F	Carta Organisasi Kerajaan Persekutuan 134
Lampiran G	Carta Organisasi Jabatan Perdana Menteri 135
Lampiran H	Carta Organisasi Unit Penyelarasan Pelaksanaan 136
Lampiran I	Carta Organisasi Majlis Tindakan Negara 137
Lampiran J	Carta Organisasi Wilayah Persekutuan 138
<i>Bibliografi</i>	139



## BAB 1

### LATAR BELAKANG SEJARAH POLITIK DAN PERLEMBAGAAN

Sebelum Perang Dunia Kedua, Semenanjung Malaysia<sup>1</sup> dibahagikan kepada tiga bahagian politik – Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Negeri-negeri Selat ialah negeri Melaka, Pulau Pinang dan Singapura dan negeri-negeri itu diperintah bersama oleh Kerajaan British sebagai sebuah jajahannya. Negeri-negeri Melayu Bersekutu terdiri daripada Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor. Keempat-empat buah negeri itu bersekutu dalam tahun 1895 setelah membuat satu triti. Lima buah lagi negeri di Semenanjung Malaysia ialah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang terdiri daripada negeri Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu.

#### **Semenanjung Malaysia hingga bulan Ogos 1945**

Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan juga Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada satu masa dahulu ialah negeri-negeri di bawah naungan Great Britain mengikut perjanjian-perjanjian yang telah diperbuat antara pihak-pihak yang berkenaan. Dalam perjanjian-perjanjian dengan Great Britain itu, pertahanan daripada serangan luar ialah tanggungjawab Kerajaan British dan Negeri-negeri Melayu itu bersetuju masuk di bawah kawasan pengaruh British.

Dalam Negeri-negeri Melayu yang Bersekutu kuasa Kerajaan British bergantung kepada beberapa perjanjian yang telah diperbuat

---

<sup>1</sup>Malaysia telah ditubuhkan pada 16 September, 1963 apabila negeri Sabah, Sarawak dan Singapura bersatu dengan Persekutuan Tanah Melayu. Sebutan Semenanjung Malaysia sekarang ini digunakan bagi Persekutuan Tanah Melayu dahulu.

dengan Raja-raja Negeri yang berkenaan mulai daripada tahun 1874. Sebelum Triti Persekutuan dalam tahun 1895, Penasihat-penasihat British di Negeri-negeri Melayu adalah bertanggungjawab kepada Gabenor Singapura kerana beliau adalah juga menjadi Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu tetapi selepas itu mereka bertanggungjawab kepada Residen Jeneral di Kuala Lumpur dan Residen Jeneral di Kuala Lumpur itu pula bertanggungjawab kepada Gabenor Singapura yang juga pada masa itu memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Tanah Melayu Bersekutu. Sungguhpun perjanjian-perjanjian itu tidak sama tetapi setiap satu perjanjian itu mengekalkan kedaulatan Raja dalam negerinya dan juga Raja itu hendaklah menerima apa-apa jua nasihat daripada seorang pegawai British dalam semua perkara pentadbiran am dalam negerinya kecuali perkara-perkara berkenaan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Kuasa yang tertinggi sekali di sesebuah negeri itu adalah pada Raja-raja dalam Majlis Mesyuarat (Ruler in Council). Perjanjian Persekutuan dalam tahun 1895 tidak membahagikan kuasa antara Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan oleh sebab pembangunan Kerajaan Negeri pada masa itu sangat pesat, maka banyak daripada kuasa yang dahulunya ada pada tangan Residen British dan Majlis Negeri di Negeri-negeri Melayu yang Bersekutu telah dipindahkan secara beransur-ansur kepada satu badan pusat yang tidak berdamping rapat dengan Raja-raja. Dalam tahun 1909 sebuah Majlis Bersekutu telah ditubuhkan dan dalam tahun 1927 Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan menarik diri daripada mengambil bahagian yang aktif dalam kerja-kerja Majlis Mesyuarat itu. Keadaan sehingga masa itu ialah kuasa Kerajaan Persekutuan hendak diperkuatkan dan kuasa Kerajaan Negeri dikurangkan.

Sungguhpun demikian, beberapa tahun selepas itu, percubaan telah dibuat untuk mengubah keadaan ini. Kerajaan-kerajaan Negeri telah diperkuatkan dan diberi kuasa perundangan dan juga kuasa "executive" yang pada masa dahulu dijalankan oleh Ketua Setiausaha Persekutuan sebagai Ketua Pegawai Kerja (Chief Executive Officer) Persekutuan. Jawatan Ketua Setiausaha itu dimansuhkan dan digantikan dengan jawatan Setiausaha Persekutuan (Federal Secretary). Kuasa ke atas jabatan-jabatan yang besar yang dahulunya terletak pada Setiausaha Persekutuan dipindahkan kepada Kerajaan Negeri secara beransur-ansur. Sungguhpun demikian, kuasa mengenai dasar am dan kewangan terus dipegang oleh Kerajaan Persekutuan.

Dan lagi Pesuruhjaya Tinggi British terus menjalankan kuasa memberi nasihat kepada Raja-raja melalui Residen.

Negeri-negeri yang Tidak Bersekutu di utara Semenanjung Malaysia iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu bersetuju diletakkan di bawah naungan Kerajaan British dalam tahun 1909 dan mengikut perjanjian-perjanjian yang telah diperbuat, seorang Penasihat British telah dilantik bagi tiap-tiap negeri itu. Negeri Johor pula, iaitu sebuah lagi daripada Negeri-negeri Melayu yang Tidak Bersekutu, telah memberi kuasa mengenai dasar luarnya kepada Great Britain dengan membuat Triti dalam tahun 1885. Sungguhpun demikian hanya dalam tahun 1914 baharulah satu perjanjian diperbuat dengan D.Y.M.M. Sultan Johor untuk melantik seorang pegawai British memegang jawatan Penasihat Am. Di Negeri-negeri Melayu yang Tidak Bersekutu, kuasa "executive" adalah terletak pada tiap-tiap Kerajaan Negeri dan dijalankan oleh pegawai-pegawai Melayu, diketuai oleh Menteri Besar. Kerajaan Negeri dan Penasihat British di negeri-negeri itu bekerjasama dengan erat dan oleh itu tidaklah payah kuasa memberi nasihat oleh Pegawai Penasihat British itu dijalankan.

Di Negeri-negeri Selat pula cara pentadbirannya ialah cara pentadbiran jajahan takluk yang terdiri daripada seorang Gabenor, satu Majlis Mesyuarat "Executive" dan satu Majlis Mesyuarat Perundangan. Majlis Mesyuarat "Executive" mengandungi kesemuanya ahli berjawatan dan Majlis Mesyuarat Perundangan mengandungi ahli yang dilantik semuanya tetapi ada mengandungi ahli berjawatan dan ahli tidak berjawatan yang sama bilangannya. Pusat Kerajaan Negeri-negeri Selat itu ialah di Singapura.

Sebelum berlaku Peperangan Dunia Kedua dahulu negara ini adalah dalam keadaan aman dan tenteram. Pada waktu itu orang-orang mempunyai masa yang banyak untuk berfikir dan kuasa boleh dijalankan dengan senang kerana tidak ada siapa yang akan mencabarnya. Dalam keadaan yang demikian, pegawai-pegawai Kerajaan yang kanan hanya dikehendaki mempunyai badan yang sihat dan keberanian, bermoral serta boleh hidup dalam keadaan yang serba susah. Mereka hendaklah juga mempunyai kebolehan membuat apa saja kerja yang dihadapinya. Pegawai-pegawai *Malayan Civil*

---

- Lihat Bah VII.

*Service*<sup>2</sup> bukan sahaja mentadbirkan negara tetapi juga menjadi pegawai pengadil di Mahkamah Rendah. Sebenarnya mereka dahulu menjadi pentadbir am.

Pentadbir-pentadbir British mempunyai masa untuk belajar adat resam dan sejarah penduduk tempatan. Banyak daripada mereka menjadi ahli penyelidikan yang masyhur seperti Sir Richard Winstedt dan R.J. Wilkinson. Ada pula di antara mereka yang menjadi seperti raja di sesuatu tempat iaitu seperti Berkeley di Ulu Perak. Dengan hal yang demikian, dapatlah pentadbir-pentadbir British mempengaruhi orang-orang besar negeri melalui kemahiran mereka tentang sejarah dan adat resam orang-orang Melayu.

Tentera British menyerah diri kepada tentera Jepun di Singapura dalam tahun 1942. Penduduk Malaysia pada masa itu sangatlah menderita menanggung pemerintahan Jepun. Tentera Jepun pada masa itu terlampau ganas kepada penduduk dan selain daripada itu, barang-barang makanan sangatlah berkurangan. Oleh sebab itu penduduk amatlah marah kepada tentera Jepun dan lama-kelamaan penduduk-penduduk makin berhasrat supaya pada masa akan datang, pemerintahan negara hendaklah ditangan mereka sendiri supaya mereka dapat menentukan pemerintahan negeri itu. Bolehlah dikatakan bahawa pemerintahan Jepun di Semenanjung Malaysia dari 1942 hingga 1945 telah membangkitkan perasaan politik di kalangan penduduknya.

Malaysia bernasib baik kerana tidak ada serangan daripada pasukan tentera bersekutu. Sebabnya ialah kerana Jepun telah menyerah diri beberapa hari sahaja sebelum Semenanjung Malaysia hendak diserang oleh tentera bersekutu. Oleh hal yang demikian tidaklah ada kerosakan besar yang berlaku. Sungguhpun demikian pada suatu tempoh yang pendek, iaitu selepas Jepun menyerah diri, percubaan telah dibuat oleh M.P.A.J.A. (Malayan People's Anti-Japanese Army) hendak memerintah di Semenanjung Malaysia. Pada waktu itu Pemerintahan tentera British belum lagi mengambil kuasa kerana sungguhpun Kerajaan Jepun telah menyerah diri tetapi tentera British mengambil masa untuk tiba di Semenanjung Malaysia.

### **Semenanjung Malaysia Selepas Bulan Ogos 1945**

Perubahan-perubahan yang pesat telah berlaku di Semenanjung Malaysia mulai daripada masa pemerintahan Malaysia diambil semula oleh tentera British dalam tahun 1945. Kerajaan yang telah dijalankan ialah Pemerintahan Tentera hingga 31 Ogos, 1946, Malayan Union hingga tahun 1948, Kerajaan Persekutuan yang telah

ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 dan kemudiannya Kerajaan Kabinet Malaya Merdeka mulai daripada 31 Ogos, 1957.

Kaum bumiputera menjangka pada masa itu bahawa setelah British balik ke Malaysia kedudukan politik yang berjalan sebelum perang dahulu akan kembali semula. Mereka berpendapat bahawa negeri-negeri Melayu akan terus menjadi negeri naungan Great Britain dan Pulau Pinang dan Melaka akan terus menjadi tanah jajahan British. Oleh itu mereka sangat terperanjat apabila Raja-raja Negeri Melayu telah dipaksa menerima Malayan Union yang boleh dikatakan telah mengambil semua kuasa kerajaan negeri dan Raja-raja. Tiap-tiap seorang D.Y.M.M. Sultan telah dipaksa memberi kuasa yang penuh dalam tiap-tiap negeri kepada Britain.

Tidak syak lagi bahawa perbuatan yang demikian menimbulkan kemarahan orang Melayu dan bolehlah dikatakan ini menyebabkan timbulnya kesedaran politik di kalangan orang Melayu untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Semenanjung Malaysia.

Mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, ketua Kerajaan Persekutuan yang baru itu ialah Pesuruhjaya Tinggi yang mempunyai kuasa pentadbiran dan perundangan yang luas. Kuasa yang ada padanya pada masa itu ialah kuasa sebagai wakil Raja Great Britain, dan menjalankan kuasa yang telah diserahkan kepadanya oleh Raja Great Britain dan semua D.Y.M.M. Sultan secara kuasa bersama. Pesuruhjaya Tinggi mempunyai kuasa yang boleh mengatasi Majlis Mesyuarat Perundangan kerana dia boleh menolak rang undang-undang yang telah diterima oleh Majlis Mesyuarat Perundangan dan juga dia boleh, jika difikirkannya perlu, bagi "interest of public faith or good government of the Federation" mengesyorkan apa-apa jua rang undang-undang atau syor yang tidak diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Perundangan dalam suatu tempoh dan cara yang difikirkannya berpatutan. Dia boleh menjadikan rang undang-undang itu sebagai undang-undang yang telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Perundangan.

Satu langkah yang besar dalam kemajuan politik Persekutuan berlaku dalam tahun 1951 dengan mengadakan satu sistem yang dinamakan Sistem Ahli dalam Kerajaan. Mengikut sistem ini 9 daripada ahli yang dipilih adalah bertanggungjawab bagi beberapa jabatan dan fungsi Kerajaan. Sistem itu ialah "quasi-ministerial", iaitu semacam sistem bermenteri dan satu daripada kebaikan sistem itu ialah ia membolehkan kerja-kerja awam dibahagi-bahagikan dan

juga tiap-tiap Jabatan Kerajaan ada mempunyai wakil dalam Majlis Perundangan Persekutuan melalui Sistem Ahli itu.<sup>3</sup>

Tiap-tiap sebuah negeri yang sebelas itu mempunyai Undang-undang Tubuhnya sendiri. Pentadbiran negeri di bawah Menteri Besar telah ditubuhkan dalam tiap-tiap negeri yang dahulunya menjadi Negeri Bersekutu dan seterusnya di Negeri-negeri Yang Tidak Bersekutu juga. Ada diperuntukkan dalam Perlembagaan Negeri bagi menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan dalam mesyuarat Majlis itu, Raja negeri tersebut biasanya menjadi Pengerusi Majlis. Tiap-tiap seorang Raja adalah diberi kuasa mengambil langkah yang bertentangan dengan nasihat yang telah diberikan oleh ahli-ahli Majlis jika difikirkan langkah yang diambil itu betul. Seorang Penasihat British dilantik bagi tiap-tiap negeri dan Raja-raja bersetuju menerima nasihatnya dalam semua hal-chwal negeri selain daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan Agama Islam dan adat resam orang Melayu.

● Ketua Pegawai Kerja di Negeri-negeri Selat seperti Melaka dan Pulau Pinang pada satu masa dahulu ialah "Resident Commissioner" dan pentadbiran dijalankan atas nama Pesuruhjaya Tinggi. Kuasa Khas yang dijalankan oleh Raja di negeri-negeri lain adalah dijalankan oleh Pesuruhjaya Tinggi di Negeri-negeri Selat.

Sementara itu M.P.A.J.A. telah menjadi satu pertubuhan komunis yang mula mengangkat senjata menentang Kerajaan. Keadaan ini terus berlaku selama 12 tahun, iaitu daripada tahun 1948 hingga 1960 dan darurat diisytiharkan tamat hanya setelah merdeka.

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957. Ini telah mengecewakan penganas-penganas komunis. Sebelum merdeka mereka mendapat sokongan daripada sebilangan penduduk yang agak ramai juga kerana mereka mengatakan yang mereka berjuang kerana hendak mendapatkan kemerdekaan bagi negeri ini. Apabila kemerdekaan telah tercapai melalui cara-cara perlembagaan, perjuangan komunis tidak lagi menarik minat orang ramai.

Perlembagaan Persekutuan tahun 1957 membahagi-bahagikan tanggungjawab perundangan kepada Persekutuan, Negeri dan Bersama. Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang dinyatakan dalam senarai Persekutuan dan senarai Bersama. Majlis Perundangan Negeri boleh meluluskan

---

<sup>3</sup>Senarai pembahagian Jabatan mengikut Sistem Ahli diberi pada Lampiran A.

undang-undang dalam senarai Bersama tetapi jika sekiranya undang-undang Persekutuan dan undang-undang Negeri itu bertelingkah maka undang-undang Persekutuan akan dipakai. Apabila Malaysia ditubuhkan dalam bulan September 1963, negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa perundangan lebih daripada negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Ini menyebabkan peraturan perundangan tidak sama di seluruh negeri di Malaysia. Sebagai satu misal, pelabuhan kecuali pelabuhan-pelabuhan yang diisytiharkan sebagai pelabuhan Persekutuan oleh undang-undang Persekutuan adalah perkara negeri di negeri-negeri Borneo tetapi menjadi perkara Persekutuan di negeri-negeri lain di Malaysia.

### **Sabah dan Sarawak**

Borneo Utara (sekarang dinamakan Sabah) dan Sarawak terletak di bawah pemerintahan Sultan Brunei dalam abad yang ke-19. Satu pemberontakan telah berlaku di Sarawak dan James Brooke campur tangan dalam tahun 1840. Dalam tahun 1841 James Brooke telah ditabalkan sebagai Raja dalam sebuah wilayah kecil dari Cape Duta ke Samarahan River. Di bawah pemerintahan keluarga Brooke, Sarawak telah diluaskan hingga ke sempadan sekarang.

Pada satu masa dahulu Sabah ditadbirkan oleh British Borneo Company dengan kebenaran Kerajaan British. Pada masa itu, Sultan Brunei telah pun memberi beberapa konsesi dan sesi di Sabah kepada peniaga-peniaga British.

Labuan telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada Kerajaan British dalam tahun 1847. Labuan menjadi tanah jajahan British di bawah Kerajaan Negeri-negeri Selat.

Dalam tahun 1888 Sabah dan Sarawak menjadi negeri di bawah naungan British. Tentera Jepun menduduki kedua-dua negeri itu dari tahun 1942 hingga tahun 1945. Sabah termasuk Labuan dan Sarawak telah menjadi tanah jajahan British mulai dari tahun 1946 sehinggalah Malaysia yang termasuk negeri Sabah dan negeri Sarawak ditubuhkan dalam tahun 1963.

## BAB II

### KETUA NEGARA

Ketua Negara Malaysia ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda ialah Raja yang berperlembagaan.

Boleh dikatakan bahawa semua keputusannya hendaklah mengikut apa yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri ataupun Kabinet. Hanya ada beberapa kuasa sahaja yang boleh dijalankan Baginda mengikut budibicaranya. Kuasa-kuasa ini terkandung pada Perkara 40(2) dalam Perlembagaan yang menyatakan.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak menurut budibicaranya pada melaksanakan tugas-tugas yang berikut, iaitu:

- (a) melantik seorang Perdana Menteri;
- (b) tidak mempersetujui permintaan membubar Parli-men;
- (c) meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan mengambil apa-apa tindakan dalam mesyuarat itu,  
dan dalam apa-apa hal lain yang tersebut dalam Perlembagaan ini.

Selain daripada menjadi Ketua Negara, Yang di-Pertuan Agong adalah juga menjadi Ketua Agama Islam bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang.

Di negeri-negeri yang ada Raja, Ketua Agama Islam di tiap-tiap negeri ialah Raja negeri itu. Negeri-negeri itu ialah Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu.



Di negeri Sabah dan Sarawak tidak ada Ketua Agama Islam. Yang di-Pertuan Agong bukan ketua Agama Islam di negeri-negeri itu.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilantik daripada Raja-raja. Raja yang dilantik sebagai yang di-Pertuan Agong memerintah selama 5 tahun.

Satu senarai pilihan diadakan bagi memilih Yang di-Pertuan Agong. Senarai pilihan yang pertama ialah senarai negeri-negeri yang ada raja dan mengikut susunan yang telah diakui oleh Duli yang Maha Mulia Raja-raja di antara mereka.

Dalam pilihan Yang di-Pertuan Agong, Raja yang pertama dalam senarai itu akan diundi kecuali jika Duli Yang Maha Mulia itu menyatakan Baginda tidak berkenan untuk dipertimbangkan. Jika demikian halnya Raja yang jatuh nombor dua dalam senarai itu akan diundi. Jika baginda mendapat sekurang-kurangnya 5 undi akan terpilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Jika baginda mendapat kurang daripada 5 undi Raja yang namanya jatuh nombor tiga dalam senarai itu akan diundi pula dan jika baginda mendapat sekurang-kurangnya 5 undi, baginda akan terpilih menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Negeri yang Rajanya tidak terpilih kerana tidak dapat sekurang-kurangnya 5 undi ataupun tidak berkenan untuk dipertimbangkan menjadi Yang di-Pertuan Agong akan dituliskan namanya di bawah senarai itu. Negeri yang Rajanya dipilih menjadi Yang di-Pertuan



*Istana Negara; tempat bersemayam D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Ketua Negara Malaysia)*

Agong tidak akan termasuk lagi namanya dalam senarai pilihan hingga semua negeri mendapat peluang Raja mereka dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Susunan negeri-negeri dalam senarai itu akan juga diubah apabila seseorang Raja mangkat. Negeri yang Rajanya mangkat akan diletakkan di bawah sekali kerana Raja yang menggantikannya baharu sahaja menjadi Raja jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain itu.

Dari huraian yang tersebut di atas nyatalah bahawa pemilihan Yang di-Pertuan Agong Malaysia adalah berbeza dengan cara pemilihan Raja di negeri-negeri asing.

Timbalan Ketua Negara ialah Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Baginda dipilih daripada Raja-raja negeri dan cara pemilihan itu adalah sama dengan pemilihan Yang di-Pertuan Agong. Pemilihan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dibuat selepas dipilih Yang di-Pertuan Agong.

Sama seperti Yang di-Pertuan Agong Timbalan Yang di-Pertuan Agong juga dipilih 5 tahun sekali tetapi jika sekiranya Yang di-Pertuan Agong mangkat dalam tempoh 5 tahun itu, perkhidmatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong pun akan tamat juga dan satu pilihan baru hendaklah dijalankan bagi melantik Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Timbalan Yang di-Pertuan Agong hanya akan mempunyai tanggungjawab pada masa Yang di-Pertuan Agong tiada dapat menjalankan kewajibannya lebih daripada 15 hari, misalnya jika Yang di-Pertuan Agong tidak berada dalam negeri kerana berangkat ke luar negeri lebih daripada jangka masa itu.

Peruntukan kewangan bagi Yang di-Pertuan Agong dan kakitangan di Istana Negara ditentukan oleh undang-undang dan peruntukan ini tidak boleh dibahaskan di Parlimen iaitu berbeza dengan peruntukan bagi semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang dibahaskan tiap-tiap tahun di Parlimen. Peruntukan kewangan bagi Timbalan Yang di-Pertuan Agong ialah juga peruntukan yang ditentukan mengikut undang-undang seperti peruntukan kewangan bagi Yang di-Pertuan Agong juga tetapi baginda hanya boleh menggunakan peruntukan kewangan ini jika baginda menjalankan kewajiban Yang di-Pertuan Agong. Jika sekiranya peruntukan kewangan itu tidak mencukupi bagi Istana Negara mustahaklah diluluskan satu undang-undang di Parlimen untuk meminda peruntukan kewangan itu.

Pegawai yang terkanan di Istana Negara ialah Datuk Paduka Maharaja Lela. Pegawai-pegawai lain yang terkanan selepas Datuk Paduka Maharaja Lela ialah Datuk Pengelola Bijaya Diraja dan Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Agong. Pada masa ini jawatan Datuk Pengelola Bijaya Diraja dan Setiausaha Sulit telah disatukan dan dipegangkan oleh seorang sahaja.

Semua Raja dan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang dan Melaka, Sarawak dan Sabah menjadi ahli Majlis Raja-raja. Tugas Majlis Raja-raja ada diterangkan pada Perkara 38(2) dalam Perlembagaan yang menyatakan seperti berikut:-

(2) Majlis Raja-raja hendaklah menjalankan tugas-tugasnya bagi:

- (a) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Kepala Utama Negara bagi Persekutuan mengikut peruntukan-peruntukan Jadual Ketiga;
- (b) memersetujui atau tidak memersetujui supaya apa-apa tindakan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan;
- (c) memersetujui atau tidak memersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan yang, menurut Perlembagaan ini, memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-raja,

dan boleh menimbangkan soal-soal mengenai dasar negara (misalnya perubahan-perubahan tentang dasar imigresen) dan apa-apa jua perkara lain yang difikirkannya patut.

Penyimpan Mohor Besar Raja-raja menjalankan tugas Setiausaha kepada Majlis Raja-raja. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja dilantik oleh Majlis Raja-raja dan bertanggungjawab bagi menyediakan agenda Majlis Mesyuarat itu.

Biasanya Persidangan Majlis Raja-raja boleh dibahagikan kepada 3 peringkat:-

- (1) sebelum diadakan Persidangan yang dihadiri oleh semua Raja dan Yang Dipertua Negeri, Ketua Menteri dan Menteri Besar mengadakan mesyuarat untuk membincangkan kertas-kertas dalam agenda Persidangan itu. Dengan

yang demikian dapatlah mereka membincangkan pendapat-pendapat mereka dan kemudian memberi nasihat kepada Raja-raja dalam masa Persidangan itu.

- (2) satu Persidangan yang dihadiri oleh semua Raja dan Yang Dipertua Negeri. Penasihat mereka dalam Persidangan ini ialah Ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar. Majlis ini ialah hari pertama Persidangan itu.
- (3) hari kedua Persidangan itu dihadiri oleh semua ahli Majlis Raja-raja, Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri.

Keputusan Persidangan pada hari pertama akan hanya disahkan pada hari yang kedua apabila Yang di-Pertuan Agong dan juga Perdana Menteri sama menghadiri Persidangan itu. Ada diperuntukkan dalam Perlembagaan bahawa apabila Majlis Raja-raja mempertimbangkan perkara-perkara mengenai dasar negara Yang di-Pertuan Agong hendaklah sama hadir dan disertai oleh Perdana Menteri. Keputusan Majlis Raja-raja pada hari pertama mungkin menyentuh dasar negara dan oleh hal yang demikian, keputusan-keputusan itu hanya boleh disahkan pada hari kedua Persidangan Majlis Raja-raja.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas tadi, satu daripada tugas Majlis Raja-raja ialah mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa tindakan, amalan atau upacara agama meliputi seluruh Persekutuan.

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu dari ini, tiap-tiap negeri yang ada Raja, Ketua Agama Islam di negeri itu ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri itu. Oleh sebab itu, ada kemungkinan tindakan, amalan ataupun upacara agama berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Dengan mengadakan perbincangan mengenai hal-ehwal agama di Majlis Raja-raja dapatlah Raja-raja mengambil keputusan sama ada hendak atau tidak hendak mengadakan perbuatan, amalan atau upacara agama yang sama.

Majlis Raja-raja hendaklah juga diminta fikirannya mengenai perlantikan-perlantikan tertentu sebelum dibuat. Perlantikan akan dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jikalau sekiranya mustahak membuat suatu perlantikan dengan segera, keputusan bolehlah juga diambil melalui surat pekeling kepada ahli Majlis Raja-raja. Ini kadang-kadang dilakukan kerana ada perlantikan tertentu yang terpaksa dibuat dengan segera dan tidak boleh ditunggu hingga Persidangan Majlis Raja-raja yang akan datang.

### BAB III

## PARLIMEN

Parlimen Malaysia terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan kedua-dua Dewan Parlimen, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Parlimen Malaysia berdasarkan Parlimen British.

Parlimen mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai beberapa perkara yang dinyatakan dalam Jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Sebagaimana dihuraikan terdahulu daripada ini, Malaysia mempunyai sistem Kerajaan Persekutuan, iaitu Parlimen Persekutuan mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai



*Bangunan Parlimen*

beberapa perkara yang tertentu dan Dewan Undangan Negeri\* mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai beberapa perkara tertentu yang lain. Selain daripada itu ada beberapa perkara

---

\*Senarai Dewan Undangan Negeri Dalam Lampiran B

dalam Perlembagaan yang dinamakan perkara bersama, iaitu perkara-perkara yang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sama-sama mempunyai kuasa membuat undang-undang. Sungguhpun demikian jika mana-mana peruntukan dalam undang-undang itu bertentangan dengan peruntukan dalam undang-undang Persekutuan, maka peruntukan dalam undang-undang Persekutuan akan dipakai.

Badan Perundangan Persekutuan boleh juga membuat undang-undang berkenaan dengan perkara-perkara negeri jika negeri-negeri itu bersetuju. Mungkin juga mustahak mengadakan undang-undang yang sama di seluruh negara mengenai perkara-perkara tertentu. Dalam keadaan yang demikian, adalah lebih baik bagi Kerajaan Persekutuan membuat undang-undang yang sama bagi perkara-perkara itu tetapi syaratnya Kerajaan Negeri bersetuju tentang hal itu. Misalnya, berkenaan dengan hal-ehwal tanah, Kerajaan Negeri telah pun bersetuju mengadakan satu undang-undang yang sama. Undang-undang Tanah Negara telah diluluskan oleh Badan Perundangan Persekutuan dan sekarang telah dipakai oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya tanah ialah perkara negeri akan tetapi nyatalah lebih baik bagi semua negeri di Malaysia mengadakan satu undang-undang yang sama daripada mengadakan undang-undang yang berlainan bagi tiap-tiap negeri.

Semua ahli Dewan Rakyat mestilah dipilih. Dengan perkataan lain mereka mestilah wakil yang dipilih oleh rakyat. Sekarang ini terdapat 180 kawasan pilihanraya Persekutuan.\*

Negeri-negeri Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada 133 buah kawasan pilihanraya. Sabah dibahagikan kepada 20 buah kawasan pilihanraya dan Sarawak dibahagikan kepada 27 buah kawasan pilihanraya. Kawasan pilihanraya Persekutuan bagi Sarawak sekarang ini (Mei 1986) masih lagi sebanyak 24. Sehingga ulangkajian, sempadan sebanyak 27 kawasan pilihanraya baru telah selesai. Dalam mana-mana pilihanraya, calon yang mendapat undi terbanyak dalam tiap-tiap satu kawasan pilihanraya menjadi ahli bagi kawasan itu di Parlimen.\*

Dewan Negara terdiri daripada ahli yang dipilih, iaitu ahli-ahli yang dipilih oleh Majlis Perundangan Negeri dan ahli-ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Per-tuan Agong mengikut nasihat Perdana Menteri.

\*Senarai Kawasan Pilihanraya Persekutuan Dalam Lampiran C.

\*Pembahagian Keanggotaan Dewan Rakyat pada 27 Mac 1986 Dalam

Lampiran D

Di Malaysia ada 13 buah negeri dan tiap-tiap sebuah Majlis Perundangan Negeri memilih 2 orang daripada ahlinya menjadi ahli Dewan Negara. Tujuannya ialah supaya pandangan-pandangan Kerajaan Negeri dapat dikemukakan dalam Dewan Negara itu oleh ahli-ahli yang dipilih oleh Majlis Perundangan Negeri. Bagi Wilayah Persekutuan, ada 3 orang ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu 2 orang mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang mewakili Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain itu ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan untuk melantik 40 orang ahli yang difikirkan mempunyai pandangan-pandangan yang berfaedah bagi Dewan itu. Mereka itu ialah orang yang ternama yang "telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan orang asli".

Ada juga peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan bilangan ahli yang dipilih ditambah menjadi 3 orang daripada tiap-tiap negeri. Satu lagi peruntukan menyatakan bahawa ahli Dewan Negara boleh dipilih dengan undi terus.

Suatu Rang Undang-undang hendaklah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan juga oleh Dewan Negara serta diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sebelum ia menjadi undang-undang. Kecuali Rang Undang-undang Kewangan, semua Rang Undang-undang yang lain boleh dimulakan di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara tetapi pada masa ini, semua Rang Undang-undang adalah dimulakan di Dewan Rakyat.<sup>4</sup> Notis terpaksa diberi kepada Dewan Rakyat atau Dewan Negara sebelum mana-mana Rang Undang-undang dibaca pada kali pertamanya di Parlimen. Dengan cara yang demikian dapatlah ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat meneliti Rang Undang-undang itu sebelum dibahasakan di Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

Biasanya Rang Undang-undang dimulakan di Parlimen oleh pihak Kerajaan tetapi tidak ada tegahan bagi mana-mana ahli Parlimen mengemukakan Rang Undang-undang bersendirian di Dewan

---

<sup>4</sup>Pembahagian Keanggotaan Dewan Rakyat pada 27 Mac 1986 dalam Lampiran D.

Negara atau Dewan Rakyat. Sungguhpun demikian amatlah susah bagi Rang Undang-undang itu diluluskan oleh Parlimen.

Sebelum Rang Undang-undang Kerajaan dikemukakan di Parlimen untuk dibahaskan, ia terlebih dahulu disampaikan oleh Kementerian yang berkenaan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan.

Kementerian-kementerian yang hendak mengemukakan Rang Undang-undang di Parlimen terlebih dahulu hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara berkaitan dengan Rang Undang-undang itu dan hendaklah membuat keputusan dasar sebelum suatu undang-undang digubal oleh Pejabat Peguam Negara, iaitu oleh Penggubal Undang-undang Parlimen. Satu kertas kerja Kabinet disampaikan kepada Kabinet dengan memberi sebab-sebab kenapa Kementerian yang berkenaan memikirkan mustahak dikemukakan sesuatu Rang Undang-undang itu di Parlimen. Bersama-sama dengan kertas kerja Kabinet itu biasanya dikembalikan Rang Undang-undang untuk pertimbangan Kabinet.

Kabinet boleh membuat pindaan kepada Rang Undang-undang itu dan selepas itu, jika sekiranya Rang Undang-undang itu diper-setujui oleh Kabinet, ia akan dihantar kepada Jabatan Percetakan Negara untuk dicetak secara Rang Undang-undang. Selepas itu Rang Undang-undang itu dikemukakan di Parlimen.

Menteri yang berkenaan bolehlah mengemukakan Rang Undang-undang itu bagi bacaan kali yang pertama di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara. Rang Undang-undang boleh dibaca pada kedua kalinya selepas sahaja daripada itu dengan satu usul ataupun pada hari yang berikutnya. Biasanya Rang Undang-undang tidak dibaca pada kedua kalinya sebaik-baik sahaja selepas dibaca bagi kali yang pertama.

Dalam bacaan kali yang kedua, prinsip Rang Undang-undang itu akan dibincangkan. Selepas itu Rang Undang-undang itu akan dibincangkan pada peringkat jawatankuasa seluruh Dewan. Pada peringkat ini perbahasan mengenai Rang Undang-undang itu adalah dihadkan kepada butir-butir Rang Undang-undang itu.

Di setengah-setengah Parlimen seperti Parlimen Australia, bagi Rang Undang-undang yang mungkin menimbulkan pendapat yang bertentangan, atau sebagainya, Rang Undang-undang itu diserahkan kepada Jawatankuasa Tetap supaya dapat Rang Undang-undang itu dikaji dengan teliti; hal seumpama ini tidak berlaku di Malaysia.

Rang Undang-undang boleh juga, dengan satu usul, diserahkan



kepada Jawatankuasa Pilihan Khas setelah Rang Undang-undang itu dibaca pada pertama kalinya. Langkah ini diambil untuk membincangkan dengan panjang lebar prinsip dan kebaikan Rang Undang-undang itu. Biasanya Rang Undang-undang yang disampaikan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas ialah Rang Undang-undang yang menyentuh kepentingan orang ramai dan mungkin menimbulkan pendapat yang bertentangan. Ahli Jawatankuasa Terpilih dilantik daripada ahli-ahli Parlimen. Apabila Jawatankuasa itu telah menyiapkan kerjanya, ia akan menyampaikan laporannya kepada Dewan.

Apabila Dewan Rakyat telah meluluskan sesuatu Rang Undang-undang, ia akan disampaikan pula kepada Dewan Negara melalui satu perutusan untuk pertimbangan Dewan Negara. Di Dewan Negara apabila Setiausaha Dewan itu membaca perutusan itu maka bacaan perutusan dianggap sebagai bacaan yang pertama bagi Rang Undang-undang itu. Selepas itu Rang Undang-undang itu akan dibaca pada kedua dan ketiga kalinya sama seperti cara di Dewan Rakyat.

Apabila sesuatu Rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat, ia akan dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan. Apabila Duli Yang Maha Mulia telah memperkenannya Rang Undang-undang itu pun menjadi undang-undang. Akan tetapi jika tidak ada cadangan supaya undang-undang itu dilaksanakan dengan serta-merta satu tarikh akan ditentukan bagi melaksanakannya.

Sungguhpun demikian Dewan Negara tidak boleh menahan sesuatu undang-undang sama sekali. Dewan Negara hanya boleh melengahkan Rang Undang-undang kewangan selama satu bulan. Bagi Rang Undang-undang yang lain, Dewan Negara boleh melenghakkannya hanya selama setahun sahaja. Ada beberapa syarat yang tertentu mengenai perkara ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan. Jika syarat-syarat itu ditepati Rang Undang-Undang itu boleh dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia untuk diperkenankan walaupun Rang Undang-undang itu belum diluluskan oleh Dewan Negara.

Baharu-baharu ini Perlembagaan Persekutuan telah dipinda menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam tempoh tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-undang dipersembahkan kepada Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan

Rang Undang-undang itu atau jika Rang Undang-undang itu bukan Rang Undang-undang wang, mengembalikannya ke Majlis Parlimen berkenaan di mana Rang Undang-undang itu dikemukakan pada asalnya bersama-sama dengan suatu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahannya terhadap Undang-undang itu atau mana-mana peruntukannya. Apabila Majlis berkenaan telah menerima Undang-undang itu maka hendaklah dibahaskan dan bagi pindaan kepada Perlembagaan hanya boleh diluluskan dengan kiraan undi tidak kurang daripada dua pertiga jumlah ahli Majlis Parlimen berkenaan. Bagi Rang Undang-undang lain mengkehendaki kelebihan suara. Kemudian hendaklah dihantar ke Majlis Parlimen satu lagi dan hendaklah Undang-undang itu diluluskan semula dengan cara yang sama. Kemudian Rang Undang-undang itu hendaklah dipersembahkan kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia untuk diperkenankan dalam tempoh tiga puluh hari. Kalau sekiranya Rang Undang-undang itu tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tempoh tiga puluh hari, maka Undang-undang itu akan dianggap sebagai telah diperkenankan oleh Baginda.

Dengan pindaan ini Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hanya mempunyai kuasa menitah Majlis Parlimen menimbangkan semula mana-mana Rang Undang-undang dan tidak mempunyai kuasa menahan mana-mana Rang Undang-undang yang telah dipersembahkan kepada Baginda.

Kalendar Parlimen terbahagi kepada penggal, mesyuarat dan persidangan. Satu penggal itu biasanya satu tahun dan satu mesyuarat itu ialah tempoh Parlimen mengadakan mesyuaratnya. Parlimen tidak mengadakan mesyuaratnya tiap-tiap hari. Parlimen hanya bermesyuarat dari semasa ke semasa kira-kira 4 kali setahun. Apabila Parlimen mengadakan mesyuaratnya, tiap-tiap hari mesyuarat itu disebut persidangan.

Ada dua mesyuarat Parlimen yang sangat penting iaitu Mesyuarat Belanjawan apabila belanjawan tahun itu dikemukakan kepada Parlimen dan pembukaan rasmi tiap-tiap penggal Parlimen di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memberi ucapan tentang dasar yang akan dijalankan oleh Kerajaan dalam tahun itu. Dalam Mesyuarat Belanjawan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi tahun itu dikemukakan. Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan akan menyediakan perbelanjaan untuk Kerajaan bagi tahun itu. Rang Undang-undang itu akan dibahaskan di Parlimen dan apabila diluluskan oleh Parlimen dan diperkenankan oleh Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda perbelanjaan itu menjadi sah di sisi undang-undang. Anggaran belanjawan pembangunan dikemukakan di Parlimen dengan satu usul untuk dibincangkan oleh semua ahli Dewan dan juga pada peringkat Jawatankuasa Terpilih sebelum diluluskan.

Pembukaan rasmi persidangan Parlimen ialah satu mesyuarat yang amat penting kerana dalam mesyuarat itu Kerajaan akan menerangkan dasar-dasarnya bagi tahun yang akan datang. Ucapan itu dibahaskan dengan panjang lebar kerana ia meliputi berbagai perkara.

Pada permulaan tiap-tiap persidangan Parlimen ada masa yang digunakan untuk soal jawab. Sebelum mesyuarat Parlimen, ahli-ahli bolehlah menyampaikan soalan kepada Setiausaha Parlimen sama ada bertulis ataupun lisan. Soalan-soalan ini hendaklah dijawab oleh Menteri yang bertanggungjawab. Tujuan mengadakan masa soal jawab ini ialah untuk memastikan supaya Kerajaan sentiasa mengetahui akan perjalanan Kementerian-kementerianya. Apa-apa juga soalan yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan boleh dikemukakan dalam soal jawab itu. Jika soalan itu soalan bertulis jawapannya diberi secara bertulis dan jika soalan itu soalan lisan jawapannya diberi secara lisan di Dewan. Masa soal jawab itu terhad kepada satu jam sahaja di permulaan persidangan. Jika ada apa-apa soalan yang tidak dijawab dalam masa satu jam itu jawapan yang bertulis akan diberi.

Ketua Dewan Negara ialah Yang Dipertua yang dipilih daripada ahli-ahli Dewan Negara. Ketua Dewan Rakyat ialah Yang Dipertua Dewan Rakyat. Beliau tidak semestinya daripada ahli Dewan. Pada satu masa dahulu Yang Dipertua mestilah seorang ahli yang dipilih tetapi beberapa tahun yang lalu, satu undang-undang telah diluluskan untuk membolehkan seorang ahli yang tidak dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Setiausaha Parlimen ialah ketua pentadbir di Parlimen. Dia juga menjadi Setiausaha kepada Dewan Rakyat. Dia dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Dewan Negara juga mempunyai seorang Setiausaha. Dia juga dilantik oleh Seri Paduka Baginda setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah bersara apabila mereka berumur 60 tahun. Mereka hanya boleh diberhentikan daripada jawatan dengan sebab-sebab dan cara yang sama seperti hakim Mahkamah Persekutuan.

## BAB IV

### KABINET

Apabila sesuatu pilihanraya telah diadakan, ketua parti yang mempunyai banyak calon yang berjaya dan boleh menubuhkan Kerajaan akan diundang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk berbuat demikian. Ketua parti itu akan memilih rakan-rakannya dalam parti untuk menubuhkan Kerajaan. Jika Kerajaan itu Kerajaan Campuran, beliau akan juga memilih ahli-ahli daripada parti-parti campuran yang lain itu.

Perdana Menteri sendiri hendaklah menjadi ahli Dewan Rakyat tetapi lain-lain ahli Kerajaan boleh dilantik daripada ahli Dewan Rakyat ataupun ahli Dewan Negara.

Apabila Perdana Menteri telah menentukan ahli Kerajaannya, nama-nama mereka akan diperakukan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Pada masa ini semua Menteri adalah menjadi ahli Kabinet sungguhpun tidak ada peruntukan dalam Perlembagaan bahawa semua Menteri hendaklah menjadi ahli Kabinet. Walau bagaimanapun telah menjadi amalan iaitu semua Menteri adalah juga menjadi ahli Kabinet.

Selain daripada Menteri, Perdana Menteri juga boleh melantik Timbalan Menteri. Sebagaimana Menteri-menteri lain, Timbalan Menteri hendaklah juga menjadi ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Akan tetapi mereka tiada menjadi ahli Kabinet seperti Menteri dan apabila seseorang Menteri itu tiada dapat menghadiri mesyuarat Kabinet, Timbalan Menterinya tiada hadir menggantikannya kecuali diundang oleh Perdana Menteri untuk berbuat demikian jika ada kertas-kertas daripada Kementerian itu disampaikan.

kan kepada Kabinet untuk mendapat keputusan. Jika seseorang Menteri itu berada di luar negeri bagi tempoh yang lama seorang Menteri lain akan mengambil tanggungjawab bagi Kementerian yang berkenaan sebagai tambahan kepada tanggungjawabnya sendiri. Perdana Menteri sendiri menentukan portfolio tiap-tiap Menteri. Akan tetapi ada Menteri yang baru yang tidak berportfolio dan baru-baru ini ada pula satu perubahan baru, iaitu perlantikan Menteri Tugas-tugas khas.

Seseorang Menteri itu boleh memegang satu portfolio atau lebih. Perdana Menteri sendiri ialah juga Menteri Pertahanan.

Tidak ada apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan yang menghadkan bilangan Kementerian. Walaupun demikian bilangan Kementerian janganlah terlampau banyak sangat supaya dapat Perdana Menteri mengawal dengan sempurna Kementerian-kementerian itu, semua Menteri, kecuali Menteri Hal-ehwal Negeri Sarawak, mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur.

Kabinet bertanggungjawab membuat dasar Kerajaan yang berkuasa. Pada amnya Kabinet mengadakan mesyuaratnya sekali seminggu tiap-tiap hari Rabu. Pada satu masa dahulu mesyuarat Kabinet diadakan pada tiap-tiap hari Selasa. Mesyuarat Kabinet diadakan juga pada hari yang lain jika dikehendaki. Sekali-sekala tidak ada mesyuarat Kabinet dan adakalanya lebih banyak lagi mesyuarat diadakan.



*Pejabat Perdana Menteri*

Pada masa dahulu sebelum mesyuarat Kabinet, Perdana Menteri ataupun sekiranya beliau tidak ada, Timbalan Perdana Menteri akan menghadap Duli Yang Maha Mulia memaklumkan kepada baginda perkara-perkara yang akan dibincangkan oleh Kabinet. Tujuannya ialah hendak memberitahu baginda akan perkara-perkara negara.

Pada masa sekarang oleh kerana DYMM Seri Paduka Baginda bersemayam di Johor, Perdana Menteri tidak lagi menghadap DYMM sebelum menghadiri mesyuarat Kabinet.

Seseorang Menteri yang berkehendakkan keputusan mengenai perkara-perkara yang tertentu menyediakan kertas Kabinet berkenaan dengan perkara-perkara itu. Kertas-kertas Kabinet itu adalah lengkap dan termasuk ulasan-ulasan daripada Kementerian serta Jabatan-jabatan yang lain yang ada kaitannya dengan perkara-perkara yang dibangkitkan. Jika sekiranya sokongan dalam kertas Kabinet itu mengandungi implikasi kewangan maka ulasan Perbendaharaan hendaklah dimasukkan.

Bukannya semua perkara dasar disampaikan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan. Adalah mustahil semua perkara yang mengandungi unsur dasar disampaikan kepada Kabinet. Hanya perkara-perkara yang difikirkan oleh Menteri yang berkenaan sangat mustahak sahaja disampaikan kepada Kabinet. Kertas Kabinet dihantar-kan kepada Sekretariat Kabinet untuk dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat Kabinet.

Kabinet boleh membangkitkan apa-apa jua perkara dan membuat keputusan mengenai perkara-perkara yang tidak termasuk dalam agenda mesyuarat Kabinet. Keputusan-keputusan Kabinet hendaklah dilaksanakan termasuk keputusan yang tidak termasuk dalam agenda. Akan tetapi jika sesebuah Kementerian atau Jabatan itu berpendapat bahawa Kabinet hendaklah memikirkan dahulu akibat keputusan-keputusan itu, Kementerian yang berkenaan bolehlah menghantar balik meminta dipertimbangkan semula keputusan Kabinet itu. Jika Kabinet tidak menukar keputusannya yang asal maka Kementerian atau Jabatan yang berkenaan terpaksa-lah juga menjalankan keputusan itu tidak kira Kementerian atau Jabatan itu bersetuju atau tidak.

Jika Kabinet berpendapat bahawa sesuatu perkara itu mustahak dikaji lagi sebuah Jawatankuasa Kabinet bolehlah dilantik untuk mengkajinya. Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Khas Kabinet. Selain daripada Jawatankuasa-jawatankuasa Khas ini ada

pula Jawatankuasa Tetap Kabinet. Jawatankuasa tersebut termasuk Jawatankuasa Perjawatan dan Jawatankuasa Kewarganegaraan. Misalnya, Jawatankuasa Perjawatan terdiri daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Ketua Setiausaha Negara. Tugas-tugasnya ialah menibangkan semua perkara dasar mengenai perkhidmatan awam dan (i) membuat keputusan mengenai perkara-perkara itu atau (ii) membuat rujukan terus kepada Kabinet untuk diputuskan. Khususnya perkara-perkara yang hendak disampaikan oleh Jawatankuasa itu ialah perkara-perkara berkaitan dengan perjawatan, gaji pegawai-pegawai Kerajaan, syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai Kerajaan, dasar pencen, perjalanan mesyuarat Whitley (sekarang ini telah diambilalih oleh National Joint-Councils), timbangtara, latihan dan peraturan-peraturan termasuk Perintah Am.

Mesyuarat Kabinet adalah tidak formal. Tidak banyak perbincangan diadakan bagi perkara-perkara yang tidak menimbulkan perbahasan kerana ahli-ahli Kabinet telah membaca kertas-kertas Kabinet sebelum menghadiri mesyuarat. Perkara-perkara yang boleh menimbulkan perbahasan mungkin berkehendakkan perhatian Jawatankuasa Kabinet. Tiap-tiap seorang ahli Kabinet memberikan pendapatnya dengan berterus terang mengenai perkara-perkara yang dibincangkan tetapi apabila sesuatu keputusan telah dicapai, dia hendaklah mempertahankan dasar Kerajaan yang telah dibuat sama ada dia sendiri setuju atau tidak dengan pendapat itu. Ini ialah kerana ahli Kabinet sama-sama bertanggungjawab mengenai semua keputusan Kabinet dan mereka hendaklah mempertahankan keputusan-keputusan itu. Jika sekiranya dia mendapati yang dia tidak dapat berbuat demikian, jalan yang hanya terbuka baginya ialah menarik diri daripada Kerajaan.

Perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet adalah rahsia dan Setiausaha Kabinet ialah Ketua Setiausaha Negara. Dia juga menjadi Ketua Perkhidmatan Awam dan Penasihat Utama kepada Kabinet mengenai perkara-perkara yang semata-mata berkaitan dengan perkara perkhidmatan. Setiausaha Kabinet dibantu oleh seorang Penolong Setiausaha untuk menyediakan minit mesyuarat Kabinet.

Kabinet mungkin menjemput Ketua Setiausaha sesebuah Kementerian atau Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai untuk menerangkan atau memberi keterangan lanjut mengenai perkara-perkara yang tidak terang dalam kertas Kabinet di mesyuarat

Kabinet supaya dapat dibuat keputusan dengan segera. Semua kertas Kabinet yang dikemukakan kepadanya hendaklah sampai ke Sekretariat Kabinet untuk disampaikan kepada ahli-ahli Kabinet sebelum akhir minggu. Ini dibuat untuk membolehkan Menteri-menteri membaca dan meneliti kertas-kertas mesyuarat Kabinet. Sungguhpun demikian, kertas-kertas yang berkehendakkan keputusan segera bolehlah disampaikan juga selepas daripada itu dengan satu perakuan segera yang diluluskan oleh Perdana Menteri.

Jika sekiranya Kabinet tidak dapat mengadakan mesyuarat pada bila-bila minggu, keputusan Kabinet boleh didapati dengan mengedarkan kertas-kertas Kabinet. Hanya perkara-perkara yang tidak menimbulkan perbincangan dan perkara-perkara yang mudah sahaja boleh diedarkan kerana kertas-kertas itu tidak perlu dibincangkan. Jika kertas-kertas yang diedarkan itu tidak dipersetujui oleh semua ahli Kabinet ataupun salah seorang ahli Kabinet tidak dapat memberikan pendapatnya, ataupun pendapat-pendapat Menteri bertentangan, maka kertas-kertas itu terpaksa dibawa ke dalam satu mesyuarat Kabinet. Apabila keputusan telah dibuat oleh Kabinet maka minit mesyuarat Kabinet itu akan diedarkan kepada Menteri-menteri yang berkenaan untuk dilaksanakan. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan menentukan bahawa keputusan-keputusan Kabinet itu dijalankan. Sekretariat Kabinet Jabatan Perdana Menteri membuat rekod tentang semua keputusan Kabinet dan akan bertanya dari semasa ke semasa tentang pelaksanaan keputusan-keputusan itu.

Pada masa dahulu minit mesyuarat Kabinet pendek sahaja dan hanya memberi keputusan Kabinet. Sekarang ini bukan sahaja perkara yang telah termasuk di dalam agenda mesyuarat Kabinet dibincangkan tetapi juga perkara-perkara lain dibincangkan dengan panjang lebar. Dahulunya perkara-perkara lain hanya dibincangkan secara ringkas sahaja. Kalau dahulu sebab-sebab bagi sesuatu keputusan itu diambil tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat Kabinet, sekarang ini semuanya tercatat. Lagi pula, sekarang ini sesuatu perkara dalam agenda Kabinet dibincangkan dengan panjang lebar, bukan macam dahulu, kerana hujah-hujah telah dimasukkan dalam kertas kabinet berkenaan dan tidak payah diberi lagi.

Sebab-sebab bagi satu-satu keputusan itu dicapai tidak dinyatakan dalam minit mesyuarat Kabinet. Semua kertas Kabinet adalah diminta balik dari semasa ke semasa kerana kertas-kertas Kabinet itu adalah milik Kerajaan yang berkuasa. Kertas-kertas ini akhirnya



dimusnahkan. Akan tetapi satu salinan keputusan yang telah dibuat sentiasa akan disimpan.

Ketua Setiausaha Kementerian adalah kakitangan Kerajaan. Pada masa ini semuanya dipilih daripada ahli kanan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Sungguhpun demikian tidak ada halangan bagi ahli-ahli perkhidmatan yang lain dilantik menjadi Ketua Setiausaha Kementerian. Seorang yang bukan pegawai daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pernah dilantik sebagai Ketua Setiausaha sebuah Kementerian. Jawatan Ketua Setiausaha Kementerian adalah jawatan khas, iaitu jawatan yang dilantiknya dibuat di bawah Perkara 144(3) dalam Perlembagaan oleh Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Sebabnya maka jawatan-jawatan ini dijadikan jawatan khas ialah supaya Menteri boleh memilih seseorang pegawai Kerajaan menjadi Ketua Setiausaha Kementeriannya. Ini bukanlah bermakna seseorang menteri itu boleh memilih sesiapa sahaja yang disukainya untuk menjadi Ketua Setiausaha Kementeriannya. Dia terpaksa memilih calon yang paling sesuai daripada beberapa orang calon yang layak memegang jawatan itu. Cara ini digunakan untuk menjamin supaya Menteri itu mempunyai seorang yang dipercayainya untuk menjalankan dasar-dasar Kementeriannya seberapa yang boleh. Nyatalah jika dia tidak boleh langsung memberikan pendapatnya mengenai lantikan seseorang Ketua Setiausaha Kementerian, ada kemungkinan Ketua Setiausaha Kementerian itu akan melambatkan pelaksanaan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian itu atau Kabinet.

Selain daripada Menteri dan Timbalan Menteri\* ada juga beberapa jawatan politik yang lain, iaitu Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik. Setiausaha Parlimen hendaklah daripada ahli Parlimen tetapi Setiausaha Politik tidak semestinya daripada ahli Parlimen. Mereka ini dilantik oleh Perdana Menteri dan bukannya Yang di-Pertuan Agong.

Tugas Setiausaha Politik dan Setiausaha Parlimen adalah ditentukan oleh Kabinet. Oleh kerana mereka itu dilantik oleh Perdana Menteri, mereka boleh diberhentikan mengikut budbicaranya semata-mata. Seseorang Setiausaha Politik hendaklah meletakkan jawantannya jika Menteriya tidak lagi menjadi Menteri kecuali jika Menteri yang baharu dilantik itu suka hendak mengekalkan perkhidmatannya.

---

\*Senarai Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri dalam Lampiran E(i) dan E(ii).

Tiadalah mustahak bagi tiap-tiap Menteri mempunyai seorang Setiausaha Parlimen dan seorang Setiausaha Politik dan bukanlah pula ertinya tiap-tiap Menteri itu tiada boleh mempunyai lebih dari seorang Setiausaha Parlimen dan seorang Setiausaha Politik.

Sebagaimana dapat difahamkan daripada namanya, Setiausaha Parlimen membantu Menteri mengenai tugas-tugas Parlimen mereka. Setiausaha Parlimen membantu Menteri menjawab soalan-soalan lisan di Parlimen, memberi keterangan atau menerangkan dasar bagi pihak Menterinya, mengesyorkan Rang Undang-undang atas nama Menteri yang berkenaan dan jika sekiranya dikehendaki oleh Menteri mereka, memberi jawapan kepada ucapan-ucapan penangguhan di Parlimen. Setiausaha Politik menguruskan perkara-perkara yang semata-mata bercorak politik. Pada amnya, mereka menguruskan terutama sekali perkara kawasan pilihanraya Menteri yang berkenaan.

## BAB V

### KEHAKIMAN

Bila membicarakan Kehakiman kita hendaklah sentiasa ingat bahawa Parlimen ialah kuasa tertinggi kerana kuasa perundangan terletak di tangan Parlimen. Sebenarnya Parlimen boleh menukar Perlembagaan jika sekiranya dikehendakinya. Beberapa pindaan telah pun diperbuat kepada Perlembagaan, undang-undang tertinggi di Persekutuan.

Hakim mentafsir undang-undang yang diperbuat oleh Parlimen, iaitu mereka menentukan apa maksud undang-undang tersebut dan menjalankan undang-undang dengan saksama.

Kehakiman terdiri daripada satu Mahkamah Agung dua Mahkamah Tinggi berasingan yang mempunyai bidang kuasa yang seimbang yang disebut dalam Perlembagaan sebagai "Mahkamah Tinggi di Malaya" dan "Mahkamah Tinggi di Borneo". Selain daripada ini ada Mahkamah Rendah yang dinamakan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Di Sabah dan Sarawak mahkamah yang serupa dengan Mahkamah Sesyen ini ialah Mahkamah Daerah. Yang Dipertua Mahkamah Agung digelar Ketua Hakim Negara dan dia juga menjadi Ketua bagi seluruh Kehakiman. Tiap-tiap sebuah Mahkamah Tinggi itu mempunyai seorang Hakim Besar.

Kebebasan Kehakiman adalah terjamin kerana hakim tidak boleh diberhentikan kecuali dengan alasan tidak berkelakuan baik ataupun tidak dapat menjalankan kerja kerana badan uzur atau fikiran tidak sihat. Sungguhpun demikian mereka hanya boleh diberhentikan oleh satu badan pengadilan atau tribunal yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Tribunal itu hendaklah terdiri daripada tidak kurang dari 5 orang hakim dan bekas hakim. Dan lagi kelakuan seseorang hakim itu tidak boleh dibahaskan dalam mana-mana Dewan

Parlimen kecuali dengan satu usul tertentu yang telah diberi notis oleh tidak kurang daripada satu suku dari jumlah ahli Dewan. Kelakuan seseorang hakim itu tidak boleh dibahaskan langsung dalam mana-mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Dan lagi, hakim-hakim menyandang jawatan hingga berumur 65 tahun dan saraan mereka tidak boleh dikurangkan apabila mereka telah dilantik.

Hakim Mahkamah Tinggi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-raja. Sebelum memberi nasihat mengenai lantikan Hakim Mahkamah Tinggi, Perdana Menteri hendaklah membincangkan lantikan itu dengan Ketua Hakim Negara dan (kecuali lantikan Hakim Besar) Hakim Besar. Sebelum memberi nasihat mengenai lantikan Hakim Besar sesebuah Mahkamah Tinggi, maka selain daripada dengan Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri hendaklah membincangkan lantikan itu dengan Hakim Besar tiap-tiap Mahkamah Tinggi dan jika lantikan itu untuk Mahkamah Tinggi di Borneo, Perdana menteri hendaklah juga membincangkan lantikan itu dengan Ketua Menteri Sabah dan Sarawak.

Ketua Hakim Negara dan Hakim-hakim Mahkamah Agung adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri dan setelah berunding dengan Majlis Raja-raja.

Hakim boleh dilantik daripada ahli-ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau daripada Peguam. Syarat-syarat bagi lantikan mereka ada ditetapkan dalam Perlembagaan.

Seseorang Hakim itu hendaklah warganegara Persekutuan dan telah menjadi peguambela Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi selama 10 tahun ataupun telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang sebelum dia dilantik menjadi hakim. Dia boleh juga dilantik menjadi Hakim jika sekiranya dia telah berkhidmat sebagai peguamcara dan juga menjadi ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang selama 10 tahun sebelum dilantik.

### **Mahkamah Atasan**

Mahkamah Agung terdiri daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung, Hakim-hakim Besar Mahkamah Tinggi dan empat orang Hakim lagi serta beberapa orang Hakim tambahan yang dilantik jika dikehendaki dari semasa ke semasa.

Mahkamah Agung ialah Mahkamah Rayuan dan rayuan-rayuan diperbuat kepadanya daripada Mahkamah Tinggi. Selain itu, ia adalah mahkamah yang mentafsirkan Perlembagaan. Ini adalah satu tugas yang penting kerana Malaysia mempunyai sistem Kerajaan Persekutuan dan ada kemungkinan timbulnya kes-kes mengenai bidang kuasa antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Ini boleh dilakukan kerana satu perjanjian telah pun dibuat antara Yang di-Pertuan Agong dengan *Queen of England* dalam tahun 1958 yang mana rayuan menentang keputusan Mahkamah Persekutuan boleh dibuat kepada *Privy Council*. Tetapi mulai daripada tahun 1985 kesemua rayuan dibuat hanya kepada Mahkamah Agung.

Mahkamah Tinggi terletak sebuah di Semenanjung Malaysia dan sebuah lagi di Sabah dan Sarawak. Masing-masing mempunyai bidang kuasanya sendiri dan juga bidang kuasa sivil serta jenayah, dan ia juga menjadi mahkamah rayuan mengenai keputusan-keputusan Mahkamah Rendah.

### **Mahkamah Rendah**

Mahkamah Rendah bolehlah dibahagikan kepada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Tiap-tiap sebuah Mahkamah ini ada mempunyai bidang kuasanya masing-masing. Presiden Mahkamah Sesyen dan Majistret-majistret Kelas Pertama selain daripada Majistret *ex-officio* ialah ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Lantikan mereka, kenaikan pangkat dan pertukaran adalah diperbuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang terdiri daripada seorang Pengerusi, iaitu Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Peguam Negara dan seorang atau beberapa orang lagi ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong setelah berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Agung iaitu orang-orang yang memegang jawatan ataupun yang telah memegang jawatan hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi sebelum Malaysia ditubuhkan.

Di negeri-negeri Borneo ada cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Cawangan itu terdiri daripada Hakim Besar Borneo, Peguam Besar Negeri di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Sarawak dan dua orang yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan daripada ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman

dan Undang-undang ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Peraturan ini boleh diberhentikan oleh Kerajaan Persekutuan jika dikehendakinya.

Setengah-setengah Majistret Kelas Pertama dan Kelas Kedua tidak semestinya daripada ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang. Setengah-setengah Majistret Kelas Kedua ialah Pegawai Daerah, iaitu pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Mereka menjadi Majistret kerana jawatan mereka jarang menjalankan pembicaraan di mahkamah dan jika mereka berbuat demikian, tugas mereka adalah berkaitan dengan penanganan kes jika Majistret yang biasa tidak ada. Mereka menguruskan perkara-perkara yang lain daripada pembicaraan di Mahkamah.

Selain daripada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret ada peruntukan untuk menubuhkan Mahkamah-mahkamah Penghulu dan Mahkamah Budak-budak di Semenanjung Malaysia. Seseorang Penghulu boleh membicarakan kesalahan-kesalahan yang kecil tetapi sebelum seseorang itu dituduh melakukan kesalahan di Mahkamah Penghulu, dia hendaklah diberitahu oleh Penghulu itu sebelum pembicaraan dimulakan bahawa dia berhak dibicarakan di Mahkamah Majistret. Jika orang itu memilih supaya dia dibicarakan di Mahkamah Majistret maka Penghulu hendaklah memindahkan kes itu kepada Mahkamah Majistret. Sungguhpun ada peruntukan bagi menubuhkan Mahkamah Penghulu, sebenarnya Penghulu tidak membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah.

Mahkamah Budak-budak boleh membicarakan orang-orang salah yang berumur kurang daripada 17 tahun. Mahkamah ini terdiri daripada Yang Dipertua Mahkamah Sesyen yang membicarakan kes dengan dibantu oleh dua orang penasihat. Jika seseorang budak itu, didapati salah, dia tidak dihukum dan tidak dihantar ke penjara tetapi dihantar ke sekolah pemulihan akhlak hingga dia berumur 21 tahun. Dalam masa dia di sekolah itu, dia akan diberi pelajaran supaya dapat menyesuaikan dirinya untuk membuat pekerjaan yang berguna kemudian hari kelak.

Ada juga Mahkamah Syariah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia oleh Majlis Perundangan Negeri. Mahkamah ini menjalankan kuatkuasa undang-undang agama dan menggunakan undang-undang keluarga orang Islam terutama sekali berkenaan dengan kes suami isteri.

Pendakwa Raya Kerajaan Persekutuan ialah Peguam Negara dan dia dibantu oleh pegawai-pegawai daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang untuk menjalankan tugasnya. Sungguhpun Pejabat Peguam Negara itu bukannya sebahagian daripada Kehakiman (tetapi satu Cawangan Pemerintah), pegawai-pegawai antara Pejabat Peguam Negara dengan Mahkamah Rendah boleh saling bertukar. Pegawai-pegawai Perkhidmatan ini juga dipinjamkan ke Kerajaan Negeri sebagai Penasihat Undang-undang kecuali di Sabah dan Sarawak di mana mereka itu ialah Pegawai Negeri dan digelar Peguam Besar Negeri.

Sebagai Pendakwa Raya, Peguam Negara mempunyai kuasa yang boleh dijalankannya mengikut budibicaranya sendiri, mengadakan, menjalan atau memberhentikan apa-apa pembicaraan bagi sesuatu kesalahan yang lain daripada pembicaraan di mahkamah Syariah, mahkamah bumiputera atau mahkamah tentera.

Ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang boleh mendapat pengalaman yang berguna kerana mereka membicarakan kes di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen dan juga mereka menjalankan kerja pendakwaan di Mahkamah. Kebanyakan daripada Hakim yang ada sekarang ialah dahulunya ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang dan pengalaman mereka itu sangat berguna kepada mereka sebagai Hakim Mahkamah Tinggi ataupun Hakim Mahkamah Persekutuan.

Bab II, III, IV dan bab ini memberi gambaran tentang tugas-tugas Yang di-Pertuan Agong, tugas-tugas Perundangan, Pemerintahan dan Kehakiman. Satu rajah yang menunjukkan cara pentadbiran Kerajaan\* ada diberi pada Lampiran F buku ini. Sungguhpun demikian patutlah dinyatakan bahawa sebenarnya kuasa Pemerintahan dan kuasa-kuasa Perundangan tiada berasingan. Bab III dan IV menunjukkan perhubungan antara kedua-dua ini.

---

\* Senarai Organisasi Kerajaan Persekutuan dalam Lampiran F

## BAB VI

### PERKHIDMATAN AWAM PERANANNYA

Pada masa ini belum ada lagi sesuatu takrif yang tepat mengenai istilah "civil service" di Malaysia. Akan tetapi istilah "perkhidmatan awam" yang menurut Perkara 132 dalam Perlembagaan adalah terdiri daripada:-

- (a) Angkatan Tentera;
- (b) Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang;
- (c) Perkhidmatan Awam Am Persekutuan;
- (d) Pasukan Polis;
- (e) Perkhidmatan Keretapi;
- (f) Perkhidmatan Awam Bersama yang tersebut pada Perkara 133 dalam Perlembagaan;
- (g) Perkhidmatan Awam tiap-tiap negeri; dan
- (h) Perkhidmatan Pelajaran.

Bukanlah maksud saya hendak menerangkan dengan panjang lebar mengenai istilah "civil service". Sungguhpun demikian Perbendaharaan British telah mentakrifkan bahawa "a civil servant is a servant of the Crown who is not the holder of a political or judicial office and is employed in a civil capacity with remuneration wholly paid out of monies provided by Parliament".

#### **Tugas Perkhidmatan Awam**

Terdahulu dalam buku ini telah disebutkan tiga cawangan peranan sesebuah negeri, iaitu perundangan, pemerintahan dan kehakim-



an dan tugas-tugas tiap-tiap cawangan itu telah dinyatakan. Maksud tiap-tiap satu bahagian ini adalah terang dan pada amnya, perkhidmatan awam berkhidmat di semua cawangan ini. Perkhidmatan awam di bawah kawalan terus pemerintahan dan tugasnya ialah menjalankan kerja-kerja negara dari sehari ke sehari, mentadbirkan undang-undang, mengarahkan perkhidmatan masyarakat dan mengendalikan pertumbuhan-pertumbuhan perkhidmatan seperti Pejabat Pos dan Jabatan Telekom.

Pegawai-pegawai pentadbiran, iaitu ahli Kabinet tidak ada masa untuk menganalisa nyataan-nyataan dan angka mengenai perjalanan pentadbiran sehari-hari. Mereka mempunyai pengetahuan khas tentang peraturan-peraturan yang dahulu ataupun kesulitan-kesulitan yang telah didapati pada masa menjalankannya. Oleh hal yang demikian mereka mestilah bergantung kepada pengetahuan yang telah terkumpul dan pengalaman pegawai-pegawai tetap yang kerja mereka adalah menasihatkan, menyelaras dan pada amnya, menentukan supaya Kerajaan berjalan dengan tidak ada apa-apa kesulitan.

### **Perkembangan Perkhidmatan Awam**

Perkhidmatan awam telah berkembang dengan pesatnya selepas merdeka. Sebelum Merdeka, kebanyakan kerja perkhidmatan awam ialah "regulatory", iaitu menjaga keamanan dan ketenteraman serta memungut hasil. Sejak merdeka, kerja-kerja perkhidmatan awam telah bertukar daripada tugas-tugas "regulatory" kepada tugas-tugas yang ada kaitan dengan kemajuan ekonomi dan masyarakat. Jika kita menganalisa sebab-sebab berlakunya pertukaran ini, kita dapati sebab yang utama ialah memenuhi kehendak-kehendak pengundi. Sungguhpun demikian bukanlah bermakna tugas-tugas "regulatory" itu tidak lagi mustahak. Ini bermakna ada lain-lain lagi tugas yang dikehendaki daripada perkhidmatan awam.

Oleh yang demikian adalah nyata bahawa besarnya perkhidmatan awam itu bergantung kepada kehendak-kehendak pengundi. Ia juga bergantung kepada keadaan pada masa itu. Misalnya dalam masa darurat beberapa tahun dahulu, perkhidmatan awam telah diperbesarkan dengan cepatnya supaya memenuhi kehendak-kehendak pada masa itu. Dan lagi dalam masa konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia, perkhidmatan awam telah juga diperbesarkan untuk menentang konfrontasi. Sebuah Jabatan Tenaga Rakyat terpaksa ditubuhkan untuk menjalankan tugas berkenaan dengan kerahan

tenaga dan pertahanan awam pun diperbesarkan untuk menentang konfrontasi.

Sebelum merdeka, pengundi-pengundi tidak boleh bersuara tentang semua aktiviti Kerajaan. Kerajaan menentukan dasar-dasar yang hendak dilaksanakannya. Selepas merdeka, pengundi-pengundi berharap akan mendapat taraf hidup yang lebih baik. Kerajaan tiap-tiap negeri yang sedang membangun sangatlah mengambil berat tentang tuntutan-tuntutan pengundi supaya kemerdekaan dapat memberi kepada mereka kemudahan-kemudahan dengan segera. Kerajaan yang tidak dapat menemui tuntutan ini akan jatuh ataupun terpaksa mengadakan satu pasukan keselamatan yang besar untuk mengelakkan kekacauan berlaku dalam negeri. Semua tuntutan ini, iaitu tuntutan untuk mendapat taraf hidup yang lebih baik tidak disuarakan sebelum merdeka tetapi telah terpendam. Tuntutan ini telah disuarakan setelah merdeka dan Kerajaan adalah dikehendaki memberi kemudahan-kemudahan dengan cara memajukan perusahaan dan menjalankan usaha-usaha kebajikan dalam beberapa tahun sahaja.

### **Tugas Perkhidmatan Awam Selepas Merdeka**

Boleh dikatakan dalam semua negara yang membangun, tugas yang besar sekali bagi Kerajaan yang dipilih setelah mencapai kemerdekaan ialah menyediakan rancangan kemajuan bagi negeri itu. Persekutuan Tanah Melayu pada masa itu mempunyai Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang pertama dan kedua. Selepas itu ada pula Rancangan Pembangunan Malaysia yang pertama dan kedua. Sekarang Malaysia sedang menjalankan Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang ketiga.

Dengan adanya rancangan-rancangan pembangunan, perkhidmatan awam menjalankan tugas-tugas yang tidak pernah dijalankan pada masa dahulu. Jentera pentadbiran pada masa dahulu ialah untuk menjalankan kerja-kerja mentadbirkan negara dan bukannya untuk menjalankan perusahaan, mengarahkan usaha perniagaan, menguruskan skim perkhidmatan masyarakat ataupun menggalakkan aktiviti kebudayaan. Tugas-tugas ini adalah berlainan sama sekali. Terpaksa-lah dihadkan kegunaan perkhidmatan awam yang terlatih menjalankan tugas-tugas "regulatory" itu supaya dapat dipelihara kekuatannya untuk menjalankan tugas yang hanya ia boleh melaksanakannya. Tiadalah munasabah menggunakan perkhidmatan awam untuk mentadbirkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu daripada ini, tugas utama perkhidmatan awam sebelum Perang Dunia Kedua ialah "regulatory". Oleh yang demikian mustahaklah diikuti betul-betul peraturan dan acara-acara pada masa itu. Pengetahuan undang-undang dan acara sangatlah penting bagi ahli-ahli perkhidmatan awam. Jika sekiranya peraturan-peraturan dan acara ini tidak diikuti perbuatan itu dianggap tidak baik. Perkhidmatan awam menjadi cekap menjalankan tugas-tugas "regulatory".

Keupayaan perkhidmatan awam menjalankan tugas-tugas baharu adalah terhad. Sungguhpun demikian, perkhidmatan awam dikehendaki melaksanakan tugas-tugas baharu kerana Kerajaan memegang tanggungjawab yang baharu dan semakin bertambah. Perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat, kemajuan kebudayaan, perusahaan dan perdagangan, pemasaran barang-barang, pengangkutan dan boleh dikatakan semua lapangan aktiviti manusia sekarang dikawal atau diatur atau arahkan oleh Kerajaan. Ini sebenarnya ialah keadaan biasa bagi semua Kerajaan. Peranan Kerajaan yang biasa sebagai memberi kebenaran dan mengaturkan sesuatu telah bertukar kepada konsep Kerajaan yang dinamis yang mengarah serta mengendalikan usaha-usaha yang besar, skim insurans, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, perusahaan, perdagangan dan sebagainya.

Tiap-tiap kali Kerajaan mengambil keputusan hendak mengawal tugas baharu negara, kerajaan boleh menggunakan tiga cara. Pertama, Kerajaan boleh menambah tugas baharu itu kepada Kementerian atau Jabatan yang sedia ada atau Kerajaan boleh mengadakan satu Kementerian atau Jabatan yang baharu atau Kerajaan boleh mengadakan pertubuhan separa Kerajaan yang dijaga oleh sesebuah Kementerian dengan cara yang berpatutan dengan keadaan yang tertentu. Cara pertama dan cara kedua itu bermakna Parlimen mengekalkan kawalan penuh ke atas aktiviti yang baharu itu. Dengan hal yang demikian, perjalanan Jabatan yang bertanggungjawab mungkin lambat sedikit kerana tiap-tiap tindakannya hendaklah diselaraskan oleh Kabinet dan tertakluk kepada perhatian yang rapi oleh Parlimen. Cara yang ketiga itu bermakna Parlimen akan melepaskan setengah kawalannya ke atas aktiviti yang baharu itu untuk membolehkan pertubuhan itu berjalan dengan lebih cekap. Keputusan bagi mana-mana cara itu bergantung kepada beberapa faktor politik dan kewangan dan juga kepada aktiviti yang akan dijalankan itu dan juga bergantung kepada setakat mana pertubuhan yang baharu itu boleh

berjalan dengan sendirinya dan akhirnya bergantung kepada darjah kecekapan yang dikehendaki daripadanya.

Oleh yang demikian beberapa perubahan telah berlaku dalam peranan perkhidmatan awam sejak kemerdekaan dicapai. Kita tidak boleh menafikan bahawa banyak juga perubahan berlaku tentang peranan perkhidmatan awam sebelum merdeka tetapi perubahan itu telah berlaku perlahan-lahan dalam masa berpuluh-puluh tahun. Tiga perubahan baharu telah berlaku kepada pentadbiran awam di Malaysia pada masa sekarang, iaitu maksudnya telah diubahsuai, tugas-tugasnya semakin lama semakin bertambah banyak dan rumit dan cara menjalankan kerjanya telah bertukar daripada cara mencuba-cuba kepada satu disiplin yang teratur dengan bertambahnya pengetahuan dan pengalaman.

Pada masa sekarang Kerajaan adalah diharapkan menjadi penderas perubahan ekonomi dan masyarakat dan tidak lagi semata-mata menjaga dan mengekalkan keadaan yang tidak berubah. Dalam peranannya yang baharu sebagai penggerak utama dan penggalak pembangunan negara, ia dijangka dapat meluaskan kemajuan ekonomi dan masyarakat kepada segenap peringkat masyarakat. Kerajaan adalah juga dikehendaki menjalankan tugas-tugasnya dengan persetujuan rakyat.

Oleh hal yang demikian pada masa ini tidak ada batasan tentang perkhidmatan yang dijalankan oleh Kerajaan. Kerajaan yang moden boleh bertindak sebagai pengarah, pengusaha atau penggalak pihak swasta atau ketiga-tiganya sekali.

Sebagaimana dinyatakan terdahulu daripada ini, tugas utama bagi negeri-negeri yang membangun selepas sahaja mencapai kemerdekaan ialah menyediakan rancangan pembangunan untuk memperbaiki keadaan ekonomi dan masyarakat rakyat. Perkhidmatan awam adalah dikehendaki menjalankan tugas-tugas baharu berkaitan dengan pembangunan. Perubahan telah dibuat tentang cara-cara kerja seperti melantik jawatankuasa pembangunan pada peringkat daerah untuk menyelesaikan perselisihan pendapat antara ketua-ketua jabatan dan menyelaraskan kerja. Satu cara memberi laporan mengenai kemajuan yang dicapai telah dipakai supaya kemajuan projek-projek dapat direkodkan dan sentiasa diketahui. Apa-apa kelambatan dapat diketahui daripada carta kemajuan dan cara-cara mengatasinya dicari.

Pada mulanya usaha Kerajaan ditumpukan terutamanya kepada rancangan-rancangan pembangunan ekonomi dan masyarakat. Boleh

dikatakan sedikit sahaja yang dibuat untuk memperbaiki jentera pentadbiran supaya boleh ia menjalankan tugas-tugas baharu dengan lebih cekap. Bukanlah maksudnya tugas ini tidak dijalankan langsung. Kerja yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan masyarakat telah diberi keutamaan dan ini memanglah sewajarnya.

### **Perubahan Pentadbiran**

Sungguhpun demikian, kemudian satu usaha yang teratur telah dijalankan untuk membuat perubahan pentadbiran. Aliran untuk mengelokkan jentera pentadbiran dapat diperhatikan di semua negeri yang sedang membangun. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah disuruh mengambil peranan dalam membuat perubahan pentadbiran. Pegawai-pegawai Kerajaan adalah diminta menggalakkan dan melaksanakan langkah-langkah mengubah cara pentadbiran dalam perkhidmatan awam dan melatih kakitangan mereka tentang nilai dan bagaimana hendak menggunakan cara-cara baharu itu dengan betul. Pemimpin politik dan juga ketua-ketua pegawai adalah dikehendaki memberi pimpinan dalam perkara ini.

Perubahan dalam pentadbiran awam tidak akan dapat dibuat dengan serta-merta. Masalah-masalah baharu selalu sahaja timbul dan kakitangan perkhidmatan awam hendaklah melatih diri menilai kerja mereka, bertanya dan menyelidik tentang cara menjalankan kerja. Dengan adanya perubahan-perubahan tentang dasar, perubahan-perubahan tugas pun akan timbul. Kakitangan perkhidmatan awam hendaklah berhati-hati tentang perubahan-perubahan ini dan menyesuaikan cara-cara pentadbiran mereka dengan perubahan-perubahan tersebut.

Pada masa ini seseorang pentadbir awam tidak lagi menjadi pegawai yang sukakan cara lama dengan menjalankan kerja mereka mengikut cara yang selamat dan biasa sahaja dan dalam negeri yang sedang membangun dia hendaklah memimpin suatu perubahan yang kreatif. Dia hendaklah menghadapi perubahan, memahaminya dan mengetahui segala halnya. Oleh kerana kekurangan sumber dan tugas-tugasnya besar, dia tidak boleh membuat banyak kesilapan; jika terlalu banyak kesilapannya, faedah-faedah pembangunan tidak akan sampai kepada rakyat. Dia mesti mengetahui kisah-kisah perubahan-perubahan politik yang berlaku di sekelilingnya dan dia mesti memahami perubahan-perubahan itu serta menyesuaikan diri dengannya.

Di Malaysia, sebagaimana dikebanyakan negeri lain, pegawai pegawai kanan tidak boleh mengambil bahagian cergas dalam aktiviti

politik tetapi mereka hendaklah mengetahui tentang pemikiran dan falsafah politik sekarang ini. Mereka hendaklah menukar sikap mereka dan menyesuaikan dengan pertukaran-pertukaran dasar. Memang benar pegawai Kerajaan membantu Menteri membentuk dasar tetapi apabila keputusan politik telah diperbuat mengenai satu-satu dasar itu, adalah menjadi tugas pegawai Kerajaan menjalankan keputusan itu tidak kira bagaimana pendapatnya sendiri tentang perkara itu.

Perkhidmatan awam kenalah menguruskan keadaan yang tiada berapa maju dan semua masalah yang timbul daripadanya. Masalah perkhidmatan awam ialah bagaimana hendak memulakan sesuatu usaha. Pegawai perkhidmatan awam mesti tahu bagaimana hendak menguruskan sumber yang terhad. Jika dia gunakan cara-cara penyelesaian yang digunakan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang melibati keadaan negeri yang mewah dan teknologi yang sofistikated, dia pasti tidak berjaya. Dia mesti tahu idea dan cara-cara yang baharu dan dalam pada itu, dia mestilah pandai memikirkan bagaimana idea dan cara-cara baharu itu hendak diamalkan dalam keadaan yang dihadapinya. Dan lagi kecekapan hendaklah disertai dengan hasil kerana kecekapan sahaja tiadalah sama dengan hasil yang diperolehi.

Kakitangan Kerajaan di Malaysia sekarang menghadapi perubahan-perubahan dalam kerja mereka yang rumit dan mereka hendaklah pandai memikirkan dan membentuk cara-cara baharu. Sungguhpun demikian tugas lama perkhidmatan awam masih ada lagi. Tugas itu bukanlah kurang mustahaknya dan tidak boleh diabaikan. Tugas lama ini menjadi tapak bagi tugas-tugas baharu. Tugas-tugas baharu itu sangat menarik dan menjadi cabaran. Perkhidmatan awam telah menjalankan tugas penderas bagi pembangunan ekonomi dan masyarakat dan juga menjadi pengurus usaha awam. Peranan perkhidmatan awam akan sentiasa berubah dari satu masa ke satu masa dan perubahan ini mungkin akan bertambah cepat. Kakitangan perkhidmatan awam sedang menghadapi perubahan ini dengan semangat perintis, bukan dengan cara mencuba-cuba sahaja tetapi dengan cara menganalisis dan dibantu oleh cara-cara dan idea yang baharu.

## BAB VII

### PERKHIDMATAN AWAM PERKEMBANGANNYA

Perkhidmatan Kerajaan yang ada pada masa sekarang bermula di Pulau Pinang dalam tahun 1786. Pada masa itu Pulau Pinang ialah sebuah pelabuhan kecil di mana kapal perang British mengambil perlindungan dalam masa musim monsun Timur Laut. Pulau Pinang juga adalah sebuah pelabuhan tempat singgah kapal dagang Inggeris yang berniaga dengan Negeri China. Kerja-kerja di pelabuhan itu dijalankan oleh sebilangan kecil pegawai yang diketuai oleh Kapten Light. Beliau ialah penguasa perdagangan dan di bawahnya ialah seorang penyelenggara stor, seorang pengurus pantai dan seorang ketua pantai. Sebenarnya, mereka adalah menjadi pelopor perkhidmatan awam sekarang ini.

Kemudiannya, Pulau Pinang telah dipajak oleh Kerajaan Kedah dan menjadi makmur. Dalam tahun 1805 seorang Residen telah dilantik. Apabila Pulau Pinang menjadi residensi, perkhidmatan awam Negeri-negeri Selat telah ditubuhkan dan pegawai-pegawainya diambil dari Perkhidmatan Awam Bengal. Ketika itu, pegawai-pegawai dari Bencoolen (Bangkahulu) yang telah pun diserahkan oleh kerajaan Belanda kepada Kerajaan British dan juga pegawai-pegawai dari Singapura dan Melaka telah disatukan dalam Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Selat. Dalam tahun 1832 ibu Negeri-negeri Selat berpindah dari Pulau Pinang ke Singapura di bawah seorang Gabenor Jeneral, iaitu Sir Stamford Raffles. Apabila Syarikat Hindia Timur dibubarkan dalam tahun 1867, Negeri-negeri Selat telah diserahkan kepada jajaan Pejabat India. Apabila Negeri-negeri itu kemudiannya menjadi tanah jajahan Negeri-negeri itu diletakkan di bawah jajaan Pejabat Tanah Jajahan British.

Pada suatu masa dalam abad yang ke-19, Ceylon (Sri Lanka), Tanah Melayu dan Hong Kong terletak di bawah jajaan Setiausaha Tanah Jajahan (Secretary of State for the Colonies). Sebelum itu Negeri-negeri Selat ditadbirkan sebagai sebahagian daripada Negeri India dan oleh kerana terdapat keadaan yang serupa dalam kedua-dua wilayah itu cara pentadbiran di India telah digunakan sebagai contoh. Semenjak tahun 1869 lagi, pengambilan pegawai-pegawai masuk perkhidmatan awam India, Negeri-negeri Selat dan perkhidmatan awam Hong Kong adalah dijalankan menerusi peperiksaan berasingan. Sungguhpun demikian, dalam tahun 1882, satu peperiksaan bersama diadakan dan calon yang berjaya telah diberi peluang untuk memilih di Tanah Jajahan mana mereka hendak berkhidmat. Sungguhpun begitu Negeri-negeri Melayu yang pada masa itu belum lagi bersekutu mengekalkan sistem perkhidmatan dengan cara perlantikan (nomination system). Dalam tahun 1896 peperiksaan-peperiksaan itu telah disatukan dengan peperiksaan perkhidmatan India dan Britain dan dimasukkan juga peperiksaan dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Peraturan ini yang dinamakan "eastern cadetship" berjalan hingga tahun 1932. Pegawai-pegawai yang diambil melalui peraturan ini boleh ditukarkan ke mana-mana Tanah Jajahan Wilayah Timur.

Pada 1 Julai 1932 sistem pengambilan pegawai dengan cara mengadakan peperiksaan tidak digunakan lagi dan calon-calon adalah dipilih melalui satu cara peperiksaan dan pemilihan oleh Setiausaha Tanah Jajahan atas nasihat satu Jemaah Perlantikan. Kesemua perkara mengenai perlantikan, pengesahan, kenaikan pangkat dan pencen adalah tertakluk kepada arahan Setiausaha Tanah Jajahan.

Mengikut dasar yang membenarkan pegawai bertukar antara tanah jajahan semasa perkhidmatan M.C.S. mula ditubuhkan, pegawai-pegawai M.C.S. tidaklah terhad kepada pegawai keturunan Eropah sahaja. Pada masa itu ada beberapa orang pegawai M.C.S. yang bukan keturunan Eropah. Semenjak tahun 1910, ada satu lagi punca perlantikan masuk M.C.S. iaitu melalui skim Perkhidmatan Tadbir Melayu tahun 1910. Pegawai Malaysia yang pertama sekali mendapat penghormatan tinggi masuk perkhidmatan itu melalui skim Perkhidmatan Tadbir Melayu ini ialah Datuk Hamzah bin Abdullah.

Antara tahun 1874 dengan tahun 1888, negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang terletak di bawah naungan British. Tempoh ini ialah tempoh yang banyak kemajuan dan oleh itu menjadi



mustahak diperbesarkan perkhidmatan awam. Kemajuan ini terus berkembang sehingga abad yang ke-20. Pada awal tahun-tahun tiga puluhan, satu perubahan telah berlaku dalam struktur perkhidmatan awam yang ada kaitannya dengan pegawai-pegawai kanan, iaitu pembentukan Perjawatan Tanah Melayu. Perjawatan Tanah Melayu ditubuhkan untuk menjaga dan membahagi-bahagikan pegawai-pegawai kanan antara Negeri-negeri atau Negeri-negeri Selat. Pada ketika itu, kebanyakan daripada negeri dan Negeri-negeri Selat telah mempunyai perkhidmatan awam sendiri dan juga mempunyai pegawai-pegawai rendahnya. Peraturan ini berjalan dengan tidak berubah sehingga tahun 1954, iaitu sehingga Perjawatan Tanah Melayu itu dibubarkan dan pegawai-pegawai kanan ditempatkan dalam dua unit, iaitu satu di Singapura dan satu lagi di Persekutuan. Pemecahan ini menimbulkan beberapa masalah oleh kerana tidak ada perjawatan untuk pegawai-pegawai Eropah yang memilih berkhidmat di Persekutuan. Untuk mengatasi kesulitan itu, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja bersetuju mengadakan Perjawatan Persekutuan (Federation Establishment) di mana pegawai-pegawai Eropah boleh berkhidmat, iaitu di Persekutuan dan juga Negeri-negeri. Pegawai-pegawai ini dinamakan pegawai Perjawatan Persekutuan. Satu lagi perubahan dibuat apabila tercapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Melaka dan Pulau Pinang menjadi sebahagian daripada Persekutuan dan adalah mustahak diadakan satu perkhidmatan bersama bagi semua negeri dalam Persekutuan.

Apabila negara merdeka dalam tahun 1957, Pentadbiran Kerajaan menghadapi cabaran baru, iaitu pentadbiran tempatan kenalah menyesuaikan kedudukannya untuk menjalankan kerja-kerja baru yang termasuk perkara-perkara berkenaan dengan dalam dan luar negeri.

Selain daripada itu, Kerajaan juga terpaksa mengambil perhatian mengenai hasrat dan cita-cita rakyat yang berharap kemerdekaan akan membawa kemewahan. Selain daripada mendapat kebebasan rakyat juga mahukan sumber kekayaan yang bertambah banyak daripada masa yang lalu.

Sebelum merdeka kebanyakan daripada jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam dipegang oleh pegawai asing British. Boleh dikatakan semua pegawai M.C.S., doktor, guru, jurutera, arkitek dan lain-lain lagi adalah pegawai asing. Ada sedikit sahaja orang tempatan dilantik untuk memegang jawatan tinggi tetapi mereka ini diambil khususnya untuk melaksanakan dasar Kerajaan.

Memang benar Negeri-negeri Melayu menikmati kedudukan istimewa, iaitu negeri-negeri itu adalah negeri di bawah naungan Great Britain. Sungguhpun pemerintahan pada masa itu mempunyai unsur-unsur Kerajaan sendiri (self-government) tetapi pada amnya boleh dikatakan negara ini ditadbirkan oleh pegawai asing.

Apabila kemerdekaan dicapai, terpaksa diadakan perubahan tentang sikap Kerajaan, iaitu Kerajaan yang dipersetujui rakyat dan bukan Kerajaan oleh orang asing yang memerintah orang-orang di bawah naungannya. Pegawai-pegawai pentadbir juga perlu mengubah cara pemikiran mereka. Jawatan-jawatan yang dipegang oleh pegawai asing kenalah diambil alih oleh pegawai tempatan dan mereka mestilah dilatih untuk mengambil alih tempat pegawai-pegawai asing itu. Cara ini bermakna bahawa yang sedia ada terpaksa digunakan bagi memenuhi jawatan-jawatan tinggi. Adalah mustahak juga bagi kerajaan memulakan kegiatan baru termasuk kegiatan pembangunan. Selain daripada itu, tugas-tugas baru juga dipikul termasuk tugas-tugas yang besar seperti hal-ehwal luar negeri, pertahanan dan perdagangan. Pegawai-pegawai tempatan perlu dilatih untuk menjalankan tugas-tugas ini.

Sebilangan kecil pegawai tempatan yang memegang jawatan tinggi khususnya telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja memelihara undang-undang dan peraturan dan memungut hasil. Apabila tercapai kemerdekaan, sebahagian daripada pegawai ini dihantar bertugas di Kementerian dan mereka terpaksa mengambil alih kerja-kerja baru seperti menentukan dasar-dasar Kerajaan. Memanglah benar Menteri bertanggungjawab bagi perkara-perkara dasar tetapi pegawai-pegawai kerajaan di kementerian berkenaanlah yang memainkan peranan besar membantu mereka.

Kemajuan ekonomi adalah mustahak dipercepatkan lagi tambahan pula kemerdekaan baru saja dicapai. Tujuannya ialah supaya rakyat tidak putus asa sebab mereka mempunyai harapan bahawa apabila kemerdekaan dicapai, mereka akan menikmati satu zaman yang makmur.

Oleh yang demikian pegawai-pegawai tempatan terpaksa dilatih bukan sahaja untuk mengambil alih kerja-kerja yang dijalankan oleh pegawai asing Ingeris bahkan pegawai-pegawai tempatan juga dilatih untuk membuat dasar-dasar baru yang ada kaitannya dengan pembangunan ekonomi.

Sebelum merdeka, ekonomi negara adalah diusahakan untuk mengeluarkan bahan-bahan mentah yang dieksport ke Britain supaya

dijadikan bahan-bahan mentah kilang dan juga untuk menjadi pasaran bagi barang-barang buatan British. Perkara ini boleh dilihat daripada keadaan pada masa itu, iaitu barang-barang buatan British diberi keutamaan dari antara barang-barang yang diimport ke Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka. Apabila kemerdekaan dicapai, Kerajaan mulai sedar bahawa keadaan yang sedemikian, iaitu keadaan bergantung kepada British hendaklah dihentikan dengan seberapa segera yang boleh. Dan lagi adalah mustahak bagi Malaysia bukan sahaja untuk mempelbagaikan ekonominya bahkan juga untuk menjalankan perusahaan membuat barang-barang.

Dari dahulu lagi dan hinggalah sekarang, Malaysia bergantung kepada dua hasil utama untuk dijadikan bahan eksport, iaitu getah dan bijih timah. Dengan adanya persaingan yang hebat dari getah tiruan, harga getah semakin lama semakin jatuh dan sungguhpun dapat dihasilkan getah yang banyak mengerluarkan susunya untuk mengatasi masalah kejatuhan harga getah, namun demikian pendapatan dari hasil getah semakin lama semakin kurang.

Tidak berapa lama selepas merdeka, satu bahagian baru telah ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dinamakan Bahagian Kemajuan Perusahaan. Bahagian ini menjalankan peranan untuk menggalakkan perusahaan membuat barang-barang di Malaysia. Berbagai usaha telah pun dibuat untuk menarik syarikat-syarikat asing menubuhkan kilang di negeri ini. Usaha-usaha ini termasuklah memberi kelepasan cukai bagi kilang-kilang bertaraf perintis, mengenakan sekatan ke atas import barang-barang yang serupa dengan yang dikeluarkan oleh kilang-kilang tempatan dan juga dengan mengadakan kawasan perusahaan.

Satu pertubuhan baru yang dinamakan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia telah ditubuhkan dan satu daripada tugas lembaga ini ialah mengadakan kajian kemungkinan untuk menentukan perusahaan-perusahaan yang patut diberi galakan. Satu peringkat yang baru di dalam kegiatan perusahaan telah dicapai, iaitu peringkat menggalakkan eksport barang-barang buatan Malaysia. Sebelum ini yang diutamakan ialah memberi galakan yang berpatutan kepada perusahaan-perusahaan yang boleh mengeluarkan ganti barang-barang yang diimport. Tetapi sekarang apa yang diutamakan ialah memberi galakan yang diperlukan bagi perusahaan itu mengeksport hasil keluarannya. Dengan hal yang demikian satu pentadbiran yang baru perlu bagi mentadbirkan negara ini iaitu dengan mengadakan

pegawai-pegawai pentadbiran yang mempunyai kemahiran yang diperlukan yang ada kaitannya dengan menggalakkan perkembangan, perusahaan. Dalam sektor pertanian pula, pegawai-pegawai baru adalah dikehendaki membuat kerja-kerja yang penting berkaitan dengan getah, padi dan kelapa sawit.

Adalah nyata daripada yang tersebut di atas bahawa selepas merdeka empat jenis pentadbir diperlukan:-

- (i) pegawai bagi memelihara undang-undang dan peraturan dan bagi memungut hasil;
- (ii) pentadbir yang bertanggungjawab membuat dasar hasil daripada tertubuhnya berbagai Kementerian;
- (iii) pentadbir yang telah dilatih bagi kerja-kerja berkaitan dengan pembangunan ekonomi;
- (iv) pentadbir bagi kerja-kerja berkaitan dengan pembangunan perusahaan.

Ada satu lagi jenis pentadbir yang diperlukan bagi negara ini. Sebelum merdeka lagi, sudah nyata satu pendekatan perlu dibuat untuk menggalakkan bumiputera mengambil bahagian dalam pembangunan perusahaan. Inilah sebahagian daripada dasar untuk menyatukan berbagai kaum di Malaysia. Pembahagian rakyat negeri kepada tugas-tugas yang ada kaitannya dengan kaum mereka tidak diinginkan.

Lembaga Kemajuan Perusahaan Kampung atau RIDA telah ditubuhkan untuk menggalakkan Bumiputera mengambil bahagian dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Pada satu masa dahulu perusahaan di rumah dan membuka kedai runcit di kampung-kampung saja diutamakan. Ini bermakna hendaklah ada satu jenis pentadbir yang baru untuk berkhidmat dengan lembaga itu. Kemudian RIDA telah bertukar menjadi MARA dan apa yang dititikberatkan sekarang ialah supaya kaum Bumiputera mengambil bahagian yang lebih cergas dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Jenis pentadbir yang diperlukan berkhidmat dengan MARA adalah berlainan daripada pentadbir-pentadbir yang diperlukan bagi memelihara undang-undang dan peraturan dan bagi memungut hasil negara. Pegawai yang dipilih untuk menjalankan tugas-tugas menjaga ketenteraman dan keamanan dan bagi memungut hasil negara mahir dengan kerja-kerja yang biasa dilakukan yang dijalankan dengan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ter-

tentu yang dikuatkuasakan dengan ketatny. Sebaliknya pula MARA memerlukan pentadbir-pentadbir yang boleh menjalankan peranan perindustrian seperti menguruskan kilang memproses getah ataupun kilang padi. Adalah buruk padahnya jika pentadbir-pentadbir ini terpaksa mengikut undang-undang dan peraturan yang ketat sebagaimana dikehendaki bagi pegawai-pegawai yang menjalankan peranan berkaitan dengan ketenteraman dan keamanan.

Kerajaan pada masa sekarang ini semakin banyak mengambil bahagian dalam lapangan yang berkaitan dengan perusahaan. Selain daripada MARA, badan-badan berkanun yang lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara telah ditubuhkan dan lembaga-lembaga ini memainkan peranan berkaitan dengan perusahaan. Sebahagian besar daripada jawatan tinggi dalam lembaga-lembaga ini dipegang oleh pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Oleh yang demikian, pentadbir-pentadbir yang baru ini hendaklah menyesuaikan diri mereka menjalankan kerja-kerja mereka yang baru itu.

Semua negeri sekarang telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada masa ini menjalankan peranan yang besar dalam mengadakan projek perumahan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Terengganu telah pun membuka ladang kelapa sawit. Kerajaan Negeri Terengganu berharap dapat menambah pendapatannya daripada kelapa sawit bagi kegunaan negeri itu. Pada hakikatnya semua perbadanan ini adalah perbadanan perniagaan yang menguruskan perusahaan perniagaan.

Pentadbir-pentadbir sekarang menjalankan lebih banyak lagi kerja yang sebelum merdeka dahulu adalah kerja-kerja yang dijalankan oleh pihak-pihak swasta sahaja. Adalah benar bahawa pentadbir pada masa dahulu menjalankan kerja-kerja lain seperti mengadakan bekalan elektrik dan air kepada orang awam tetapi perusahaan ini ialah perbekalan awam. Sebenarnya hanya selepas Perang Dunia Kedua sahaja pentadbir mengambil bahagian dalam kerja-kerja yang semata-mata berupa kegiatan perindustrian. Misalnya, pada satu ketika dahulu Pegawai Daerah menjadi pengurus bagi rancangan tanah pinggir untuk tanaman getah selain daripada tugas mereka yang biasa.

Pentadbir hendaklah memperoleh pengetahuan yang baru dalam menguruskan sesuatu projek. Bagi projek-projek yang besar mustahaklah projek "briefs" disediakan dan pentadbir dilatih menyedia-

kan "brief" itu. Apabila projek-projek itu diluluskan maka pengurus projek hendaklah dilantik untuk menjalankan projek-projek itu. Pengurus-pengurus itu sendiri perlu dilatih mengenai cara-cara menguruskan projek.

Oleh yang demikian peranan pentadbir telah banyak berubah. Perubahan-perubahan telah berlaku pada masa dahulu lagi, iaitu sebelum Perang Dunia Kedua sebagaimana yang dinyatakan terlebih dahulu dalam buku ini. Peranan pentadbir akan terus berubah pada masa hadapan. Tetapi jika dibandingkan dengan apa yang telah berlaku pada masa dahulu, perubahan-perubahan ini telah berlaku begitu cepat dan pentadbir hendaklah menyesuaikan diri mereka dengan segera dengan peranan-peranan yang baru.

Pada masa dahulu, pentadbir dikehendaki menjalankan apa-apa jua kerja yang diterima oleh mereka. Kerja-kerja yang dijalankan oleh pentadbir pada masa sekarang semakin banyak dan semakin rumit. Adalah mustahak memperolehi kemahiran-kemahiran baru oleh kerana pada masa sekarang akal fikiran sahaja tidaklah memadai. Masanya telah tiba untuk membuat sesuatu kerja itu dengan pengetahuan kepakaran.

Sehingga tidak berapa lama dahulu, negara ini mengharapkan pendapatan-pendapatan daripada komoditi seperti getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit. Tetapi oleh kerana harga barang-barang ini tidak menggalakkan jika dibandingkan dengan harga barangan buatan, maka Kerajaan sedang berusaha meninggikan eksport barangan buatan. Ini bukan perkara mudah dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan perkhidmatan awam melaksanakannya. Satu usaha telah dibuat bagi melatih kakitangan Kerajaan di syarikat swasta untuk memahami cara-cara syarikat pembuatan menjalankan tugas membuat barangan. Dengan hal demikian, apabila mereka balik menjalankan tugas semula, dapatlah mereka lebih memahami kerja-kerja yang dijalankan oleh sektor swasta. Dengan ini, mereka dapat mempengaruhi jabatan-jabatan mereka memperbaiki layanan jabatan-jabatan itu kepada sektor swasta.

Perkhidmatan Awam Malaysia sekarang ini menjadi sangat besar sehingga hampir 900,000 orang di Perkhidmatan Awam dan di syarikat-syarikat di mana Kerajaan mempunyai saham. Sudah sampai masanya bagi satu kajian menyeluruh diperbuat untuk mengadakan satu struktur Perkhidmatan Awam yang lebih kemas supaya perbelanjaan dapat dikurangkan dan Kerajaan memberi layanan yang lebih memuaskan kepada awam.

## BAB VIII

### KEMENTERIAN DAN JABATAN

Kuasa eksekutif Persekutuan terletak pada Yang di-Pertuan Agong. Sungguhpun demikian, Baginda hendaklah menjalankan tugas mengikut nasihat Kabinet ataupun Menteri yang menjalankan tugasnya dengan kuasa am Kabinet kecuali bagi beberapa kuasa tertentu menurut budibicara Baginda. Pegawai Eksekutif hendaklah menjalankan tugasnya mengikut undang-undang.

Tugas eksekutif Kerajaan Persekutuan dijalankan oleh berbagai Kementerian dan Jabatan. Ketua eksekutif di sesuatu Kementerian ialah ketua Setiausaha Kementerian itu. Pada satu masa dahulu orang yang memegang jawatan itu diketahui sebagai Setiausaha. Tetap tetapi sekarang nama ini telah ditukar menjadi Ketua Setiausaha. Hanya di Jabatan Perdana Menteri sahaja nama ini berlainan. Ketua eksekutif Kementerian ini ialah Ketua Setiausaha Negara.\* Beliau juga ialah ketua bagi seluruh perkhidmatan awam.

Kementerian adalah organisasi yang diwujudkan menggubal dasar, merancang program-program dan melaksanakannya di bawah arahan polisi seorang Menteri.

Pada amnya ada dua jenis Kementerian. Satu jenis ialah Kementerian yang menjalankan kerja-kerja agensi pusat seperti Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan. Satu lagi jenis Kementerian dinamakan Kementerian mengurus yang menjalankan kerja-kerja pembangunan. Kementerian yang termasuk dalam jenis ini ialah seperti Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pertanian.

Dalam sesuatu Kementerian mengurus biasanya ada satu Ibu Pejabat Kementerian dan Jabatan serta bahagian-bahagian di bawah

---

\*Senarai Carta organisasi Jabatan Perdana Menteri dalam Lampiran G.

Kementerian itu. Selain itu, ada juga beberapa badan berkanun seperti Lembaga Letrik Negara yang di bawah jagaan suatu Kementerian.

Ibu Pejabat Kementerian mengandungi Pejabat Menteri, yang dianggotai oleh Menteri, (termasuk Timbalan-timbalannya, dan Setiausaha Parlimen) dan Ketua Setiausaha dan kakitangan di bawahnya.

Agensi-agensi Pelaksana adalah termasuk Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian.

Ketua Setiausaha Kementerian ialah Eksekutif Utama yang mempunyai kuasa pengawal dan perakaunan ke atas Agensi-agensi Pelaksana Kementerian (tidak termasuk Badan-badan Berkanun).

Peranan Menteri dalam sesebuah Kementerian adalah seperti berikut:-

- a) Menteri adalah bertanggungjawab kepada Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan Parlimen.
- b) Menteri hendaklah mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri mengenai dasar-dasar penting.
- c) Dalam menggariskan dasar-dasar dan program-program yang diluluskan, Menteri hendaklah memutuskan corak dan keutamaan tugas-tugas Kementerian yang akan diselenggarakan.
- d) Menteri hendaklah berunding dan meminta pendapat Ketua Setiausaha Kementerian dalam segala hal penting yang menyentuh urusan pentadbiran Kementerian itu.

Pada amnya Menteri adalah bertanggungjawab mengenai pelaksanaan dan kekesanan dasar-dasar Kementeriannya, dan beliau dikehendaki berhubung dengan Ketua Setiausaha Kementerian mengenai dasar, objektif dan program Kementerian. Ini ialah untuk memastikan supaya Ketua Setiausaha Kementerian maklum atas sebarang perubahan atau keperluan baru yang dikehendaki.

Ketua Setiausaha sesuatu Kementerian itu adalah ketua penasihat kepada Menteri mengenai dasar. Dia bekerja rapat dengan Menteri dan membantu Menteri membuat dasar bagi Kementerian itu. Jika sekiranya dasar itu dasar yang besar maka dasar yang hendak dilaksanakan dikemukakan kepada Kabinet untuk dipertimbangkan. Ketua Setiausaha Kementerian tersebut bertanggungjawab menentukan dasar yang dibuat dilaksanakan di Kementerian itu.

Bagi Kementerian mengurus, kerja membuat rancangan adalah satu kerja yang sangat penting. Ketua Setiausaha hendaklah berunding



dengan Ketua-ketua Jabatan dalam Kementerian tersebut apabila mereka menyediakan pelan projek bagi Kementerian itu untuk disampaikan kepada Menteri. Dalam menjalankan kerjanya, Ketua Setiausaha Kementerian dibantu oleh Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai lain dalam Kementerian itu. Pengerusi Jemaah Perancang itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian itu sendiri.

Jawatankuasa ini membantu Ketua Setiausaha dalam perkara-perkara yang tersebut:-

- a) Menimbang dan memajukan dasar-dasar, program-program dan strategi-strategi baru dan yang telah dipinda.
- b) Mengkaji dan menyelaras permohonan-pemohonan belanjawan, tenaga manusia dan perbelanjaan tahunan daripada semua bahagian dan agensi pelaksanaan di bawah Kementerian dan segala maklumat yang hendak dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam/Perbendaharaan/Bahagian Perancangan Ekonomi bagi menyokong permohonan-pemohonan tersebut.
- c) Menilai semula dasar-dasar, program-program dan projek-projek dari segi kemungkinan, kesanggupan dan kadar kemajuan dalam mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan dan perbelanjaan yang terlibat serta jumlah dan jenis tenaga manusia yang diperlukan.
- d) Mengarahkan dan menyelaras program-program dan projek-projek yang sedia dijalankan oleh Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya, di samping mewujudkan penyelarasan di antara Kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang ada hubungan.
- e) Menimbang dan menilai kajian-kajian khas yang dilakukan oleh pegawai-pegawai Kementerian atau pakar-pakar lain berhubung dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan Kementerian itu.

Ketua Setiausaha adalah juga Pegawai Pengawal di Kementerian-nya. Tetapi ini adalah benar hanya bagi Kementerian yang telah disatukan. Bagi Kementerian-kementerian yang tidak disatukan, Ketua Setiausaha ialah Pegawai Pengawal bagi Ibu Pejabat Kementerian itu sahaja. Di Jabatan-jabatan di bawah Kementerian yang tidak disatukan,

Pegawai Pengawal ialah Ketua Jabatan yang berkenaan.

Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk membahagi-bahagikan wang perbelanjaan bagi Kementeriannya. Dia bertanggungjawab kepada Perbendaharaan, Pejabat Akauntan Negara dan Jawatankuasa Akaun Awam berkenaan dengan mengeluarkan perbelanjaan yang sepatutnya. Jawatankuasa Akaun Awam ialah Jawatankuasa Parlimen yang bertanggungjawab untuk memeriksa laporan Juruaudit Negara mengenai akaun Kerajaan Persekutuan. Pegawai Pengawal terpaksa memberi alasan dan jawapan kepada Jawatankuasa Akaun Awam mengenai apa-apa laporan yang buruk dalam Penyata Juruaudit Negara tentang akaun di bawah jagaannya.

Setengah-setengah Kementerian mempunyai beberapa Jabatan di bawahnya dan kebanyakan Jabatan ini ialah Jabatan ikhtisas seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Telekom. Ketua Jabatan-jabatan ini dinamakan Ketua Pengarah dan jawatan yang mereka sandang adalah jawatan khas. Sebagaimana jawatan Ketua Setiausaha Kementerian, Menteri-menteri yang berkenaan boleh memberi pendapat mereka mengenai perlantikan pegawai ke jawatan itu.

Tiap-tiap satu Kementerian bertanggungjawab mengenai perkara dasar dalam tugas Kementerian itu. Berkenaan dengan perkara-perkara teknik, pegawai-pegawai ikhtisas boleh terus memberi nasihat kepada Menteri-menteri tetapi mereka hendaklah memaklumkan perkara-perkara yang mereka bincangkan itu dengan Ketua Setiausaha mereka.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, ada dua jenis Kementerian yang dinamakan Kementerian yang bercantum dan Kementerian yang tidak bercantum. Pada suatu masa dahulu perbezaan adalah jelas di antara kedua-dua jenis Kementerian itu. Kementerian-kementerian yang bercantum ialah Kementerian yang tidak ada perbezaan antara Ibu Pejabat Kementerian dengan Jabatan-jabatannya. Satu contoh Kementerian demikian ialah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kementerian-kementerian yang tidak bercantum ialah Kementerian di mana jabatan-jabatannya boleh dikatakan berasingan daripada Kementerian kecuali mengenai perkara-perkara dasar. Contoh Jabatan yang demikian ialah Jabatan Telekom dan Jabatan Pos. Jabatan-jabatan ini mengawal peruntukan kewangannya iaitu peruntukan biasa dan untuk pembangunan dan kedua-dua jabatan ini juga mempunyai pegawai-pegawainya sendiri yang menjaga perkara berhubung dengan tugas-tugas perkhidmatan dan perjawatan.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bertanggungjawab bagi pengambilan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam. Sungguhpun demikian, kuasa mengenai kenaikan pangkat dan tata tertib telah diwakilkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Dalam perkara kenaikan pangkat ke jawatan kanan bagi mana-mana Kementerian, Ketua Setiausaha Kementerian itulah yang menjadi Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat dan Tata tertib yang tertinggi dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Lain-lain ahli lembaga itu ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam dan seorang pegawai ikhtisas.

Berkenaan dengan jabatan pula, ada setengah-setengah jabatan itu menjadi Jabatan Persekutuan semata-mata. Selain daripada itu, ada juga jabatan yang menjadi Jabatan Perkhidmatan Persekutuan di peringkat Persekutuan tetapi perkhidmatan Negeri di peringkat Negeri. Sebagai contoh ialah Jabatan Pertanian, iaitu Jabatan Persekutuan di peringkat Persekutuan tetapi Jabatan Negeri di peringkat Negeri. Pegawai-pegawai Pertanian di dalam negeri ialah pegawai Persekutuan dan telah dipinjamkan ke negeri-negeri berkenaan. Gaji mereka dibayar oleh Kerajaan negeri itu.

Sungguhpun Jabatan Kerja Raya Negeri adalah Jabatan Negeri tetapi jabatan itu menjalankan juga kerja-kerja Persekutuan selain daripada kerja-kerja Negeri. Oleh yang demikian Jabatan itu adalah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja Negeri dan juga kerja-kerja Persekutuan. Jabatan itu menerima wang daripada dua punca, iaitu satu daripada Kerajaan Persekutuan dan satu lagi daripada Kerajaan Negeri.

Selain daripada Jabatan, ada pula Pertubuhan-pertubuhan separa Kerajaan yang juga terletak di bawah Kementerian. Hubungan antara Jabatan separa Kerajaan ini dengan Kementerian ada dinyatakan dalam Bab IX.

Penyelarasan dasar antara berbagai Kementerian dan Jabatan adalah dijalankan oleh Sekretariat Kabinet dan oleh lain-lain Jawatan-kuasa dan juga dalam mesyuarat Ketua Setiausaha yang diadakan dua kali sebulan. Mesyuarat Ketua Setiausaha itu dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dalam mesyuarat ini, perkara-perkara dasar dibincangkan supaya semua Ketua Setiausaha mengetahui apa yang berlaku di Kementerian-kementerian lain. Setiausaha Kabinet juga memaklumkan kepada semua Ketua Setiausaha itu apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kabinet.

Kementerian-kementerian yang lebih besar mempunyai beberapa bahagian. Misalnya, Kementerian Kewangan mempunyai 11 bahagian yang besar termasuk Bahagian Cukai, Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Bahagian Pentadbiran dan sebagainya. Tujuannya ialah supaya setiap bahagian itu mengkhususkan dalam perkara-perkara yang tertentu. Di tiap-tiap sebuah Kementerian ada bahagian pentadbiran iaitu bahagian yang bertanggungjawab mengenai perkara-perkara perkhidmatan, perjawatan dan kewangan. Bahagian ini menjalankan kerja-kerja biasa di Kementerian itu. Bahagian perkhidmatan pula dibahagikan kepada beberapa bahagian kecil seperti bahagian kewangan dan bahagian kecil perkhidmatan dan bahagian kecil perjawatan dalam Kementerian-kementerian yang lebih besar.

Ada Kementerian mempunyai beberapa buah badan berkanun dan syarikat Kerajaan di bawah kelolaannya. Di antara kedua-duanya maka Ketua Setiausaha Kementerian lebih memahami dan tahu cara badan-badan berkanun menjalankan perannya. Badan-badan itu termasuklah badan-badan seperti Lembaga Elektrik Negara dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Mereka juga bertanggungjawab mengendalikan syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Oleh kerana mereka tidak mempunyai banyak pengalaman-pengalaman menjalankan syarikat-syarikat swasta maka kawalan tidaklah memuaskan. Ketua Setiausaha Kementerian hanya berharap kepada wakil-wakil mereka atau mereka sendiri menjadi ahli Lembaga Pengarah. Cara sedemikian tidak memadai untuk mengawal perjalanan syarikat-syarikat itu. Beberapa syarikat Kerajaan yang telah ditubuhkan telah gagal kerana tidak ada kawalan dan bimbingan yang sepatutnya untuk mereka.

Ini adalah satu perkara yang patut dikaji keseluruhannya untuk memperbaiki prestasi syarikat-syarikat Kerajaan. Bukan sahaja patut diadakan kawalan yang mencukupi tetapi juga satu cara hendaklah diadakan supaya mereka yang berkhidmat di syarikat-syarikat itu memang mempunyai kelayakan yang baik. Satu dilema yang dialami oleh setengah daripada syarikat-syarikat Kerajaan ialah bukan saja matlamat syarikat itu untuk mendapat keuntungan tetapi juga ada syarikat-syarikat itu ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kemasyarakatan (social service). Misalnya perlu diadakan perkhidmatan bas ke satu-satu tempat di luar bandar sungguhpun perkhidmatan itu tidak beruntung. Bagaimanakah hendak menentukan prestasi syarikat itu.

## BAB IX

### AGENSI SEPARA KERAJAAN

Pertubuhan-pertubuhan Separa Kerajaan bolehlah dikumpulkan di bawah pertubuhan berkanun dan pertubuhan yang bukan berkanun. Pada masa sekarang ada sebanyak lebih kurang 200 pertubuhan berkanun Kerajaan Persekutuan.

Pertubuhan-pertubuhan berkanun bolehlah dikumpulkan seperti di bawah:-

- (1) Pelajaran
- (2) Perkhidmatan
- (3) Ekonomi

Pertubuhan-pertubuhan yang dimasukkan di dalam kumpulan pelajaran termasuk Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan. Pertubuhan-pertubuhan yang termasuk dalam kumpulan perkhidmatan ialah pertubuhan seperti Lembaga Letrik Negara dan Lembaga Pelabuhan Kelang dan pertubuhan-pertubuhan bercorak ekonomi termasuk pertubuhan-pertubuhan seperti Lembaga Kemajuan Tenggara Pahang, Lembaga Beras dan Padi Negara dan Lembaga Persatuan Peladang.

Kerajaan telah pula menjalankan usaha-usaha perniagaan dengan menubuhkan PERNAS dan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad. Kedua-dua pertubuhan ini adalah pertubuhan perniagaan yang mempunyai tataurusan syarikat mereka sendiri.

Sebab yang utama ditubuhkan pertubuhan berkanun ialah untuk mencantumkan faedah-faedah yang terdapat daripada Kerajaan dengan faedah-faedah yang terdapat daripada syarikat-syarikat swasta seperti inisiatif dan keadaan fleksibel. Lebih baik bagi per-

tubuhan-pertubuhan seperti Lembaga Letrik Negara dijalankan sebagai satu badan berkanun daripada sebagai satu Jabatan Kerajaan. Pada suatu masa dahulu sebelum Perang Dunia Kedua, Lembaga Letrik Negara adalah satu Jabatan Kerajaan.

Satu lagi contoh Jabatan Kerajaan yang boleh dijadikan satu pertubuhan berkanun ialah Jabatan Telekom. Jabatan Telekom memberi perkhidmatan kepada orang awam. Sebenarnya di setengah-setengah negeri, telekom adalah pertubuhan swasta. *Cable and Wireless* Pulau Pinang pada suatu masa dahulu ialah suatu syarikat swasta tetapi telah menjadi satu bahagian daripada Jabatan Telekom apabila harta syarikat itu dibeli oleh Kerajaan.

Sebelum ditukar Jabatan seperti Jabatan Telekom menjadi suatu perbadanan awam atau syarikat maka beberapa masalah terpaksa dipertimbangkan dan masalah-masalah ini kebanyakannya adalah berkait dengan kawalan.

Sekarang ini keputusan telah dibuat oleh Kerajaan supaya Jabatan Telekom diswastakan. Satu daripada caranya ialah pada mulanya 100% daripada saham Jabatan Telekom akan dimiliki oleh Kerajaan.

Pertubuhan berkanun mempunyai Lembaga masing-masing, iaitu berlainan daripada Jabatan Kerajaan yang menjalankan kerja mereka terus di bawah Menteri. Ahli-ahli Lembaga dilantik oleh Menteri yang berkenaan. Kerja-kerja pentadbiran sehari-hari pertubuhan berkanun adalah di bawah kawalan Pengurus Besar pertubuhan itu. Sebenarnya perlantikan kakitangan pertubuhan itu adalah dibuat oleh pertubuhan itu sendiri. Ini adalah berlainan dengan Jabatan Kerajaan yang kakitangannya dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang bolehlah dikatakan bebas daripada Kerajaan.

Pada amnya bolehlah dikatakan bahawa kawalan seseorang Menteri terhadap pertubuhan berkanun adalah melalui belanjawan pertubuhan itu dan juga melalui arahan-arahan dasar Kementerian itu. Belanjawan pertubuhan berkanun itu mestilah disampaikan kepada Menteri yang berkenaan untuk diluluskan. Oleh yang demikian beliau bolehlah menggunakan belanjawan untuk menentukan cara yang dikehendakinya Lembaga menjalankan pertubuhan itu. Selain itu beliau boleh memberi arahan dasar kepada Lembaga-lembaga yang di bawahnya untuk dilaksanakan.

Satu lagi cara yang tidak terus untuk Menteri yang berkenaan mengawal pertubuhan ialah melalui lantikan ahli-ahli Lembaga. Oleh

kerana lantikan itu dibuat oleh Menteri maka ahli-ahli Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Menteri yang berkenaan.

Adalah nyata daripada apa yang disebutkan di atas, iaitu kawalan pertubuhan berkanun tidaklah terus dan oleh yang demikian, pertalian antara Menteri dan ahli-ahli Lembaga tidaklah rapat. Maka beberapa masalah mungkin timbul disebabkan keadaan yang demikian. Berkenaan dengan Kementerian dan Jabatan pula, pegawai-pegawai adalah sedia maklum mengenai pendapat Menteri-menteri mereka.

Satu cara baru dalam pertubuhan yang semata-mata berupa pertubuhan perdagangan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan ialah PERNAS dan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad. Sungguhpun cara ini baru tetapi hendaklah diingat bahawa pada masa dahulu pun telah ada pertubuhan-pertubuhan perdagangan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Satu daripada contohnya ialah Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu yang sebenarnya ialah suatu syarikat perdagangan. Walau bagaimanapun Lembaga itu telah ditubuhkan mengikut peruntukan suatu statut. Perkara yang baru mengenai pertubuhan seperti PERNAS dan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad itu ialah ia tidak ditubuhkan mengikut sesuatu statut tetapi ditubuhkan seperti syarikat-syarikat perdagangan swasta yang lain.

Kawalan Menteri yang berkenaan terhadap pertubuhan-pertubuhan berkanun tidaklah begitu ketat dan terhadap PERNAS dan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad, kawalan adalah lebih longgar lagi. Sungguhpun demikian oleh sebab ahli Jemaah pertubuhan-pertubuhan ini dilantik oleh Menteri yang berkenaan maka adalah juga sedikit kawalan secara tidak langsung terhadap pertubuhan-pertubuhan itu.

Pada tahun-tahun sudah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri memiliki saham secara 100% atau kurang di beberapa syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang syarikat. Sehingga sekarang ini tidak kurang daripada 900 buah syarikat ialah syarikat-syarikat di mana Kerajaan mempunyai saham. Ini ialah satu bilangan yang banyak. Setengah daripada syarikat-syarikat ini ditubuhkan terus di bawah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Ada pula di antaranya yang ditubuhkan di bawah badan-badan berkanun seperti di bawah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Kebanyakan kawalan ini tidak memuaskan dan banyak daripadanya

pula menanggung kerugian. Adalah jelas kedudukan demikian tidak seharusnya dibenarkan dan Kerajaan sedang berusaha untuk memperbaikinya. Apa yang dihadapi oleh Kerajaan pertamanya ialah mendapatkan mereka yang berkelayakan dan berpengalaman bagi menjalankan syarikat-syarikat itu. Tetapi apa yang lebih penting ialah mereka yang menjalankan syarikat-syarikat itu hendaklah pula amanah. Mengharapkan amanah saja tidak pula memadai. Hendaklah juga diadakan satu sistem kawalan supaya prestasi syarikat itu dapat sentiasa diketahui. Dengan cara demikian, usaha-usaha boleh diambil untuk mengatasi apa-apa masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat itu sebelum keadaan menjadi tidak terkawal.

Pertubuhan separa Kerajaan terletak di bawah berbagai Kementerian yang berkait dengan perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Menteri. Kementerian Perusahaan Utama misalnya bertanggungjawab terhadap getah, maka ia adalah bertanggungjawab terhadap pertubuhan-pertubuhan berkanun yang ada kaitannya dengan getah seperti Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu.

● Sehingga baru-baru ini tingkatan gaji kakitangan pertubuhan berkanun telah ditentukan oleh lembaga yang berkenaan setelah mendapat kelulusan daripada Menteri. Tiap-tiap suatu pertubuhan berkanun itu boleh menentukan tingkatan gaji masing-masing. Ini menimbulkan suatu keadaan yang tidak memuaskan kerana pertubuhan berkanun berlumba-lumba antara satu sama lain untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai ikhtisas yang sangat kekurangan. Mereka berlawan-lawan dengan cara memberi gaji yang lebih tinggi lagi kepada kakitangan lain-lain pertubuhan berkanun dan juga Jabatan Kerajaan. Baru-baru ini satu arahan telah pun dikeluarkan kepada pertubuhan-pertubuhan berkanun supaya jangan mengambil kakitangan daripada lain-lain pertubuhan atau Jabatan Kerajaan dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran pertubuhan atau Jabatan yang berkenaan.

Untuk menyelaraskan kesemua tingkatan gaji pertubuhan separa Kerajaan dan Jabatan Kerajaan, satu Suruhanjaya yang dinamakan Suruhanjaya Harun telah dilantik untuk mempertimbangkan tingkatan gaji pegawai-pegawai dalam pertubuhan berkanun dengan tujuan supaya gaji mereka sama selaras dengan gaji pegawai-pegawai dalam Jabatan Kerajaan.

Bagi pertubuhan-pertubuhan yang diadakan oleh Kerajaan untuk menjalankan perdagangan tidaklah diadakan apa-apa sekatan tentang pengambilan daripada pertubuhan-pertubuhan berkanun



atau Jabatan Kerajaan. Pertubuhan seperti itu boleh menarik kakitangan lain pertubuhan kepada syarikat mereka dan memberi gaji yang mereka fikir sesuai. Ini telah dibenarkan supaya mereka dapat bersaing dengan syarikat-syarikat perdagangan yang lain untuk mendapatkan pegawai-pegawai ikhtisas.

## BAB X

### KERAJAAN NEGERI

Malaysia mengandungi 13 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Ketua Negeri di negeri yang dahulunya diketahui sebagai Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu ialah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. Ketua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan dijadikan sebagai Gabenor (sekarang semuanya bergelar Yang Dipertua Negeri) di Melaka, Pulau Pinang, dan Sarawak dan Yang Dipertua Negara di Sabah. Ketua Negeri di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah turun-menurun dan diketahui sebagai Sultan di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Selangor dan Terengganu. Di Negeri Sembilan Ketua Negeri diketahui sebagai Yang Dipertuan Besar dan di Perlis pula sebagai Raja.

Pada masa sekarang semua Raja Melayu itu adalah Raja yang memerintah mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan. Kecuali sesuatu kuasa mengikut budibicara sahaja, baginda semua hendaklah menjalankan tugas mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Tiap-tiap buah negeri itu mempunyai suatu Majlis Perundangan masing-masing. Di Sarawak Majlis Perundangan ini digelar Majlis Negeri (Council Negeri). Di negeri-negeri lain Majlis itu diketahui sebagai Majlis Perundangan Negeri. Majlis Perundangan Negeri mempunyai satu Dewan sahaja, iaitu berlainan dengan Parlimen Persekutuan yang mempunyai dua dewan.

Bagi maksud pilihanraya ahli Majlis Perundangan Negeri, sesuatu negeri itu dibahagikan kepada beberapa kawasan pilihanraya.

Bilangan kawasan pilihanraya negeri adalah seperti berikut:-

Johor	36
Kedah	28
Kelantan	39
Melaka	20
Negeri Sembilan	28
Pahang	33
Perak	46
Perlis	14
Pulau Pinang	33
Sabah	48
Sarawak	56
Selangor	42
Terengganu	32

Kawasan pilihanraya ahli Majlis Perundangan Negeri bagi Sarawak sekarang ini (Mei 1986) masih lagi sebanyak 48, sehingga ulangkajian sempadan-sempadan sebanyak 56 kawasan pilihanraya baru telah selesai.

Dalam pilihanraya umum atau pilihanraya kecil, calon yang mendapat undi yang banyak sekali di kawasan pilihanraya menjadi ahli bagi Majlis Perundangan Negeri sebagai wakil daripada kawasan pilihanraya itu.

Ketua Kerajaan di negeri-negeri yang dahulunya Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu diketahui sebagai Menteri Besar. Di Melaka, Pulau Pinang dan juga di Sabah dan Sarawak mereka digelar Ketua Menteri.

Semua ahli Majlis Perundangan adalah ahli yang dipilih. Sesuatu Majlis Perundangan Negeri berjalan selama-lamanya 5 tahun sahaja. Lepas itu mestilah diadakan pula suatu pilihanraya yang lain.

Di Semenanjung Malaysia, tiap-tiap negeri mempunyai suatu Majlis Mesyuarat Kerajaan dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan mestilah daripada ahli Majlis Perundangan Negeri. Mereka dilantik oleh Raja atau Yang Dipertua Negeri yang berkenaan setelah mendapat nasihat daripada Menteri Besar dan Ketua Menteri yang berkenaan.

Sabah mempunyai Kabinet Negerinya sendiri dan tiap-tiap Menteri Kabinet mempunyai portfolio. Sarawak mempunyai suatu Majlis Tertinggi dan tiap-tiap ahli Majlis Tertinggi itu mempunyai portfolio.

Keputusan-keputusan Kerajaan Negeri adalah dibuat oleh

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetapi di Sarawak, keputusan adalah dibuat oleh Majlis Tertinggi dan di Sabah oleh Kabinet Negeri.

Untuk menjalankan pentadbiran, tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada beberapa daerah. Ketua pentadbiran bagi sesuatu daerah itu ialah Pegawai Daerah. Tiap-tiap daerah pula dibahagikan kepada beberapa mukim.

Sarawak dibahagikan kepada beberapa bahagian dan sesuatu bahagian itu dibahagikan pula kepada beberapa daerah. Ketua bahagian itu diketahui sebagai "Residen" dan ketua daerah diketahui sebagai Pegawai Daerah sama seperti di Semenanjung Malaysia.

Sabah pula dibahagikan kepada beberapa "Residency" dan ketua tiap-tiap "Residency" itu diketahui sebagai "Residen". Ketua daerah diketahui sebagai Pegawai Daerah.

Tiap-tiap Negeri ada perkhidmatan awamnya sendiri dan lantikan kepada perkhidmatan-perkhidmatan ini diperbuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri kecuali bagi Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Perlis yang tiada mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negerinya sendiri. Di negeri-negeri ini, lantikan ke jawatan-jawatan Negeri adalah diperbuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan. Di Melaka dan Pulau Pinang pula ada diperuntukkan dalam Perlembagaan bahawa lantikan ke jawatan Negeri hendaklah diperbuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diberi kuasa oleh undang-undang negeri untuk membuat lantikan kepada Perkhidmatan Awam Negeri.

Jawatan-jawatan dalam negeri-negeri adalah diisi oleh pegawai negeri, kecuali ada tempat-tempatnya jawatan itu diisi oleh pegawai Persekutuan yang dipinjamkan kepada negeri itu. Di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dahulu, semua jawatan Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah adalah diisi oleh pegawai negeri. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dahulu, semua jawatan Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah adalah diisi oleh pegawai Persekutuan yang dipinjamkan kepada negeri itu. Jawatan-jawatan ini ialah jawatan dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik atau Perkhidmatan Tadbir Melayu. Perkhidmatan Tadbir Melayu ialah perkhidmatan persekutuan bagi negeri-negeri yang dahulunya menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perkhidmatan yang sama di negeri-negeri lain ialah Perkhidmatan Awam Negeri. Sekarang ini Perkhidmatan Tadbir Melayu telah digantikan dengan Perkhidmatan Tadbir Am.

Ketua bagi Perkhidmatan Awam Negeri di tiap-tiap negeri ialah Setiausaha Kerajaan Negeri bagi negeri yang berkenaan. Di Sabah beliau diketahui sebagai Setiausaha Tetap kepada Ketua Menteri.

Penyelarasan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan diperbuat dalam beberapa peringkat. Pada peringkat Kementerian ada Majlis Tanah Negara, Majlis Kewangan Negara dan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan. Pada peringkat pegawai pula, ada beberapa Jawatankuasa yang mengadakan mesyuarat dari satu masa ke satu masa dan penyelarasan adalah diperbuat pada peringkat ini antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Perlembagaan mengadakan peruntukan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh membuat undang-undang mengenai perkara-perkara negeri untuk menyamakan undang-undang dalam semua negeri dengan syarat negeri-negeri yang berkenaan itu bersetuju supaya undang-undang itu diadakan. Suatu contohnya ialah Kanun Tanah Negara, iaitu suatu Undang-undang Persekutuan yang digunakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia. Ahli Majlis Tanah Negara terdiri daripada Menteri Persekutuan dan Menteri Besar dan juga Ketua Menteri. Satu lagi Majlis ialah Majlis Kewangan Negara yang bertanggungjawab mengenai perkara kewangan dan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab mengenai perkara-perkara kerajaan tempatan.

Berkenaan dengan kewangan pula, tiap-tiap Kerajaan Negeri mempunyai sumber kewangannya sendiri tetapi sumber-sumber itu tidak mencukupi untuk perbelanjaan sesuatu negeri itu. Kerajaan Persekutuan memberi pemberian kepada negeri.

Pemberian-pemberian itu termasuklah bantuan-bantuan seperti berikut:-

- 1) Pemberian-pemberian di bawah peraturan perlembagaan.
- 2) Pemberian-pemberian di bawah peraturan undang-undang.
- 3) Lain-lain bentuk bantuan.

Satu daripada pemberian di bawah peraturan perlembagaan ialah mengikut bilangan orang dalam negeri itu dan pemberian itu dinamakan *capitation grant*. Kerajaan Persekutuan juga adalah mengikut Perlembagaan bertanggungjawab memberi kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri pemberian bilangan orang atau *capitation grant*. Kerajaan Persekutuan juga mesti memberi Kerajaan Negeri suatu pemberian untuk menyelenggarakan jalan raya dalam negeri.

Mulai tahun 1976, kadar pemberian itu telah dipinda seperti berikut:-

100,000 orang yang pertama	- \$20 seorang
150,000 orang berikutnya	- \$10 seorang
250,000 orang berikutnya	- \$ 6 seorang
Baki selebihnya	- \$ 3 seorang

Satu lagi pemberian mengikut Perlembagaan Persekutuan ialah pemberian dengan tujuan membantu negeri-negeri menyenggarakan jalan raya mereka. Jalan raya dalam sesebuah negeri dibahagikan kepada jalan raya Persekutuan dan jalan raya negeri. Pemberian kepada negeri itu ialah membantu negeri-negeri dan menyenggarakan jalan raya mereka. Jumlah pemberian ini ditentukan dengan cara mendarabkan kos penyelenggaraan purata (National Average) sebatu jalan raya negeri dengan panjang jalan yang didaftarkan dua tahun sebelumnya. Pada amnya, jalan raya yang menghubungkan negeri-negeri dan ke pelabuhan-pelabuhan ialah jalan raya Persekutuan dan yang menghubungkan ibu negeri dengan bandar-bandar lain atau tempat-tempat lain dalam negeri itu ialah jalan raya negeri.

Ada lagi pemberian lain yang diberi kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Tempatan ialah perkara negeri. Kerajaan Tempatan adalah berkenaan dengan mentadbirkan pekan dan kampung-kampung baru. Yang tidak termasuk dalam peraturan ini ialah Ibu Negara Persekutuan iaitu Kuala Lumpur. Kerajaan Tempatan di Ibu Negara Kuala Lumpur ialah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sekarang ini Kuala Lumpur adalah di dalam Wilayah Persekutuan. Pihak berkuasa Tempatan mempunyai Majlisnya sendiri untuk mentadbirkan perkara-perkara di bawah pentadbirannya.

Pada suatu masa dahulu, pilihanraya diadakan bagi Kerajaan Tempatan yang tertentu seperti perbandaran dan majlis tempatan. Pilihanraya itu telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Pilihanraya bagi Kerajaan Tempatan telah diberhentikan pada tahun 1963. Sebabnya ialah ahli-ahli yang dipilih lebih berminat dengan perkara politik pada peringkat negeri dan antarabangsa daripada mentadbirkan perbandaran dan majlis tempatan seperti mengadakan lampu jalan raya dan menyelenggara jalan raya dan juga menjaga kebersihan pekan.

Sabah dan Sarawak mempunyai peraturan-peraturan kewangan yang berbeza jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia oleh sebab adanya Penyata Jawatankuasa Antara Kerajaan mengenai Malaysia. Kedua-dua negeri itu mempunyai sumber kewangan tambahan dari Kerajaan Persekutuan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Peraturan-peraturan ini adalah dikaji semula dari satu masa ke satu masa kerana tujuannya ialah pada suatu masa akan datang, semua peraturan kewangan adalah sama bagi semua negeri dalam Persekutuan.

## BAB XI

### AGENSI PUSAT KERAJAAN

#### Unit Perancang Ekonomi

Jentera pentadbiran bagi perancang pembangunan ekonomi di-Malaysia telah dimajukan selama tempoh lebih dari 10 tahun daripada dua sumber: (i) jentera pentadbiran sebelum merdeka pada masa perancang pembangunan ekonomi mula-mula dijalankan di Semenanjung Malaysia pada awal tahun lima puluhan dan (ii) peraturan-peraturan tetap yang telah diadakan dalam tahun enam puluhan berdasarkan pengalaman yang telah didapati daripada amalan merancang pembangunan ekonomi di negeri ini.

Suatu jentera pentadbiran yang kecil untuk membentuk, melaksanakan dan menaksir rancangan telah dimulakan dalam pentadbiran sebelum merdeka. Satu Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi yang dipengerusikan oleh Penasihat Ekonomi pada masa itu dan beberapa orang ketua jabatan sebagai ahlinya telah ditubuhkan pada penghujung tahun 1946. Jawatankuasa itu telah dibentuk bagi maksud memulihkan keadaan ekonomi negara daripada akibat Perang Dunia Kedua. Kerja yang diutamakan oleh Jawatankuasa itu mudah sahaja, iaitu mengumpulkan cadangan-cadangan untuk perbelanjaan modal daripada Jabatan Kerajaan untuk mendapat bantuan daripada *British Colonial Development* dan *Welfare Funds*. Jawatankuasa inilah yang membuat *Draft Development Plan* untuk Malaya dalam pertengahan tahun 1950. Rancangan itu ialah bagi tempoh tahun 1951 hingga 1960 dan mengandungi terutama sekali projek-projek yang sangat penting seperti menanam semula getah dan memperbaiki perhubungan dan bekalan kuasa elektrik. Sungguhpun rancangan ini bukanlah rancangan besar tetapi percubaan telah dibuat untuk melaksanakannya



dengan menggunakan jentera pentadbiran yang ada pada masa itu yang juga menyempurnakan kehendak-kehendak bagi menjaga keamanan dan ketenteraman di negeri ini. Satu laporan kemajuan mengenai Rancangan Pembangunan itu telah dibuat dalam bulan September, 1953 di pejabat Ahli Bagi Hal-ehwal Ekonomi (Member of Economic Affairs).

Oleh kerana Semenanjung Malaysia telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957 dan Kerajaan telah berjanji hendak mempercepat pembangunan ekonomi dan kemajuan masyarakat maka timbullah keperluan menubuhkan suatu jentera pentadbiran yang kuat bagi perancang pembangunan ekonomi dengan menggunakan struktur yang ada pada masa itu.

Satu kumpulan ahli-ahli Bank Dunia telah melawat Malaysia untuk menjalankan siasatan ekonomi negara ini. Laporan ini mengesyorkan supaya ditubuhkan satu pertubuhan perancang yang teratur. Sebuah Jawatankuasa khas telah dilantik untuk menimbangkan peringkat, tugas dan tanggungjawabnya serta kaitannya dengan Perbendaharaan. Adalah diputuskan bahawa Urusetia Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri hendaklah disusun semula dan diperkuatkan supaya ia boleh menjalankan tugas-tugas pertubuhan perancang yang berguna dan yang akan mengkaji semula apa-apa rancangan dari semasa ke semasa dan membuat apa-apa juga perubahan yang dikehendaki mengikut keadaan yang sentiasa berubah. Pertubuhan perancang ini dinamakan Unit Perancang Ekonomi. Selain daripada itu, sebuah Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara dan sebuah Jawatankuasa Ekonomi Kabinet telah ditubuhkan.

Tanggungjawab yang telah diberikan kepada Unit Perancang Ekonomi pada masa itu adalah seperti berikut:-

- (i) merancang dan menyampaikan rancangan-rancangan perbelanjaan modal untuk ekonomi seluruhnya kepada Jawatankuasa Ekonomi (sekarang diketahui sebagai Majlis Ekonomi) Kabinet;
- (ii) mengusaha dan menyelaraskan kerja-kerja yang berkaitan dengan menyediakan belanjawan perbelanjaan modal tahunan untuk dijalankan oleh beberapa bahagian dalam rancangan pembangunan negara;
- (iii) untuk menaksir kemajuan dan hasil dari rancangan-rancangan pembangunan dan jika mustahak mengesyorkan

kepada Majlis Ekonomi Kabinet ataupun kepada Kabinet apa-apa pindaan yang difikirkan mustahak;

- (iv) menyenggarakan semua "economic intelligence" berdasarkan kepada penerangan lengkap yang didapati mengenai ekonomi, dengan ini dapatlah Pertubuhan Perancang itu menyediakan dan menaksir betul-betul rancangan-rancangan pembangunan;
- (v) memberi nasihat kepada Kerajaan berkenaan dengan masalah-masalah am ekonomi dan memberitahu Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan ekonomi antarabangsa tentang perkara-perkara ekonomi yang ada kaitannya dengan Malaysia;
- (vi) memulakan apa-apa penyelidikan yang mustahak dalam bidang ekonomi dan masyarakat bersama-sama dengan Jabatan Perangkaan dengan syarat penyelidikan itu bukanlah satu daripada tanggungjawab biasa mana-mana jabatan;
- (vii) merancang dan menyelaraskan skim teknik dan bantuan modal dan menaksir serta mengkaji semula perkara itu.

Sekarang ini tanggungjawabnya adalah seperti berikut:-

- (i) menggubal matlamat-matlamat kerajaan dalam perancangan pembangunan dan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun;
- (ii) menyediakan belanjawan pembangunan tahunan untuk disampaikan kepada JPPN dan Jemaah Menteri;
- (iii) menyelaraskan pelaksanaan berbagai projek pembangunan;
- (iv) menilai kemajuan dan hasil-hasil pelaksanaan rancangan pembangunan lima tahun dan memperakukan perubahan dari masa ke semasa apabila diperlukan;
- (v) mengesan dan mengumpul maklumat-maklumat semasa mengenai ekonomi;
- (vi) memberi nasihat kepada Kerajaan di atas masalah-masalah ekonomi pada amnya;
- (vii) mengadakan penyelidikan sosial dan ekonomi yang diperlukan; dan

- (viii) merancang dan menyelaras bantuan teknik dan pinjaman dari luar negeri bagi pelaksanaan rancangan pembangunan lima tahun dan menjadi urusetia untuk Program Bantuan Teknik Malaysia untuk negara-negara asing yang ditentukan oleh Kerajaan.

Tiga Seksyen lain telah ditambah kepada organisasi Unit Perancang Ekonomi, iaitu Urusetia Jawatankuasa Pelaburan Asing, Panel Ekonomi dan Pasukan Khas Penswastaan.

Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee - FIC) dipengerusikan oleh Penasihat Khas Ekonomi kepada Y. A. B. Perdana Menteri dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian berkenaan, Gabenor Bank Negara Pengerusi MIDA dan Pendaftar Syarikat-syarikat.

FIC bertanggungjawab menggubal garis-garis panduan dasar mengenai pelaburan asing bagi semua sektor ekonomi untuk menjamin tercapainya objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru, mengawasi kemajuan dan menolong menyelesaikan masalah-masalah mengenai pelaburan asing, menyelia dan memberi nasihat kepada agensi-agensi Kerajaan berkenaan semua perkara yang berkaitan pelaburan asing, menimbangkan permohonan-permohonan daripada sektor swasta yang bercadang melabur melalui perolehan harta-harta, kepentingan, penyatuan dan ambil alih Syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan di Malaysia.

Panel Ekonomi pula yang anggotanya terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan, ahli-ahli akademik, profesional dan perniagaan bergiat sebagai forum untuk memberi pendapat dan maklum balas terhadap penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi kerajaan.

Seterusnya, Pasukan Khas Penswastaan telah diwujudkan untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada Jawatankuasa Antara Jabatan mengenai penswastaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah UPE dan dianggotai oleh Ketua-ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan, Ketua Pengarah UPP dan Peguam Negara. Jawatankuasa Antara Jabatan tentang penswastaan adalah bertanggungjawab bagi merancang, mengawas dan menilai kemajuan pelaksanaan dasar penswastaan yang bertujuan, antara lain, mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan serta menolong mempercepatkan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dalam menjalankan tugas-tugasnya, UPE dibantu oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat pusat dan Kerajaan-kerajaan

negeri. Bagaimanapun, agensi-agensi pusat yang penting dalam memastikan keberkesanan perjalanan UPE ialah Perbendaharaan, Bank Negara, bahagian-bahagian dalam Jabatan Perdana Menteri seperti Unit Penyelidikan Sosioekonomi (SERU), Unit Penyelaras Pelaksanaan (UPP) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), serta Jabatan Perangkaan. Di peringkat Kerajaan Negeri, agensi utama yang membantu ialah Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Dalam memulakan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun, satu pekeliling am dikeluarkan kepada semua Kementerian, jabatan, Badan Berkanun dan Kerajaan Negeri. Pekeliling ini menggariskan secara am dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi, pengurusan, prosedur dan jadual penyediaan rancangan, serta panduan mengenai laporan yang perlu dikemukakan. Semua agensi diminta untuk mengkaji semula dasar dan strategi masing-masing dan mewujudkan program dan projek serta memohon peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek berkenaan dalam tempoh lima tahun.

Di samping itu, UPE bersama dengan agensi-agensi pusat yang lain seperti Perbendaharaan, Bank Negara dan Jabatan Perangkaan, menyediakan matlamat pertumbuhan ekonomi makro dan mengkaji implikasi matlamat tersebut terhadap saiz program pembangunan sektor awam. Antara faktor-faktor yang diambil kira ialah keadaan ekonomi antarabangsa, adanya sumber-sumber (tempatan dan luar), keupayaan pelaksanaan, kekurangan pencapaian daripada pembangunan yang lepas dan keadaan keselamatan di rantau ini.

Beberapa Kumpulan Perancang Antara-agensi (Inter Agency Planning Group – IAPG) ditubuhkan untuk meneliti, antaranya, isu-isu dasar dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agensi. Isu-isu dasar yang baru dan perubahan kepada dasar-dasar yang sedia ada dikemukakan kepada JPPN untuk pertimbangan. Projek-projek yang dicadangkan dinilai dan dipertimbangkan mengikut saiz keseluruhan program sektor awam dan pembahagiannya mengikut sektor dan negeri. Dalam hal tersebut, rundingan secara berterusan diadakan dengan agensi-agensi dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Peruntukan mengikut sektor dan jabatan yang diperakukan dikemukakan kepada JPPN, MPN, dan akhir sekali kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan sebelum dokumen rancangan lima tahun dibentangkan di Parlimen.

Untuk menjalankan dan menyeliakan rancangan, sebuah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah ditubuhkan dan diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu. Kementerian ini dilengkapi dengan teknik bilik gerakan yang istimewa. Penaksiran rancangan sentiasa dijalankan oleh Kementerian ini dan juga oleh Unit Perancang Ekonomi terutama sekali dalam masa menyiapkan anggaran belanja pembangunan tiap-tiap tahun. Selepas tertubuhnya Malaysia dalam tahun 1963 dan setelah Sabah dan Sarawak juga merdeka, jentera pentadbiran ini telah menjalankan tugas perancang pembangunan ekonomi bagi seluruh Malaysia.

Rancangan Malaysia Kedua sebenarnya ialah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Keempat bagi Persekutuan. Dua rancangan pertama Tanah Melayu ialah bagi tempoh 1956 hingga 1960 dan bagi tempoh 1961 hingga 1965. Rancangan Malaysia Pertama ialah bagi tempoh 1966 hingga 1970, yang kedua ialah bagi tempoh 1971 hingga 1975, ketiga ialah bagi tempoh 1976 hingga 1980 dan yang keempat ialah bagi tempoh 1981 hingga 1985. Rancangan yang ada sekarang ini ialah bagi tempoh 1986 hingga 1990.

Rancangan Tanah Melayu pertama sebahagian besarnya ialah kumpulan projek kerajaan. Rancangan Tanah Melayu Kedua termasuk di dalamnya anggaran bagi sektor swasta, iaitu berapa banyak sektor swasta dijangka akan menanam modal dalam tempoh itu. Rancangan Malaysia Pertama ialah satu rancangan yang lebih lengkap dan termasuk di dalamnya tenaga manusia yang diperlukan dalam rancangan itu. Rancangan Malaysia Kedua termasuk di dalamnya rancangan perspektif bagi 20 tahun yang akan datang. Huraianya tidak dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua tetapi di dalam Kajian Semula. Di dalamnya termasuk juga penyusunan semula masyarakat, iaitu berlainan sedikit daripada rancangan-rancangan yang dahulu di mana perkara yang utama ialah perkembangan ekonomi.

## Membuat Rancangan

Sebagaimana yang dinyatakan terdahulu dari ini, pertubuhan pusat dalam jentera pentadbiran untuk merancang pembangunan ekonomi di Malaysia ialah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Unit Perancang Ekonomi menjalankan kerja mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan perancangan ekonomi yang diperlukan untuk membuat rancangan-rancangan pembangunan. Rancangan-rancangan pembangunan diserahkan

kan kepada Majlis Perancang Negara (ataupun kepada Kabinet) melalui Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara untuk pertimbangan. Majlis Perancang Negara telah ditubuhkan dalam tahun 1969 dan Majlis ini menggantikan Jawatankuasa Ekonomi Kabinet. Unit Perancang Ekonomi menyediakan perkhidmatan urusetia bagi kedua-dua badan ini, iaitu Majlis Perancang Negara dan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN).

Rancangan itu mula-mulanya diserahkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara dan Jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang memberi pendapat dan nasihat mereka mengikut kepakaran mereka sendiri. Kemudian rancangan itu disampaikan kepada Majlis Perancang Negara yang terdiri daripada Menteri-menteri kanan dan Perdana Menteri sebagai Pengerusinya.

Majlis Perancang Negara menasihatkan Kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara am dasar ekonomi yang disampaikan kepadanya oleh Kerajaan. JPPN bertanggungjawab membuat, menaksir dan mengkaji semula rancangan pembangunan sebagaimana dinyatakan dalam tugas-tugas mereka seperti di bawah ini:-

- (1) membuat dan mengkaji semula semua rancangan bagi pembangunan negara dan membuat syor-syor mengenai peruntukan sumber;
- (2) mengkaji semula sebab-sebab berlaku kelambatan dan kesulitan pada masa melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara dan memberi cadangan untuk menyelesaikan perkara-perkara itu;
- (3) menentukan pindaan dalam rancangan-rancangan pembangunan negara sebagaimana yang perlu mengikut keadaan ekonomi yang sentiasa berubah;
- (4) dalam menjalankan tugas-tugas yang di atas tadi, JPPN menggunakan budibicaranya sendiri apabila membuat keputusan ataupun menyampaikan perkara itu kepada Kabinet ataupun Majlis Ekonomi Kabinet;
- (5) mempertimbangkan semua perkara yang hendak disampaikan kepada Kabinet oleh Kementerian dan Jabatan yang ada hubungannya secara langsung atau tidak langsung dengan pembangunan dan jika difikirkannya mus-

tahak, mertasihatkan Kabinet berkenaan dengan aspek pembangunan bagi tiap-tiap perkara.

Dapatlah diperhatikan bahawa JPPN mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang luas terutama sekali apabila ia diberi kuasa "mempertimbangkan semua perkara yang hendak disampaikan kepada Kabinet oleh Kementerian dan Jabatan yang ada hubungannya secara langsung atau tidak langsung dengan pembangunan". Oleh itu, Kementerian-kementerian berkenaan dikehendaki mengikut satu arahan pentadbiran supaya menyampaikan semua perkara dasar yang ada kaitannya dengan ekonomi, kewangan dan pembangunan kepada JPPN untuk dipertimbangkan sebelum disampaikan kepada Kabinet yang kerap kalinya menerima syor JPPN.

Untuk menyiapkan kerja kakitangan dan membuat rancangan, Unit Perancang Ekonomi boleh dikatakan dibantu oleh semua jentera pentadbiran dalam negara. Misalnya Unit Perancang Ekonomi bekerja bersama dengan Bahagian Ekonomi Perbendaharaan dan Bank Negara Malaysia (Jabatan Perangkaan) untuk mengira keperluan pelaburan dan sumber-sumber yang ada untuk menjalankan Rancangan Pembangunan. Dalam pada itu, Unit Perancang Ekonomi bekerja rapat dengan Kementerian-kementerian Persekutuan, Kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun untuk menentukan pembahagian wang pembangunan mengikut sektor-sektor kasar dan menyusun projek mengikut mana yang utama supaya selaras dengan matlamat-matlamat Rancangan Pembangunan itu seluruhnya.

## Menjalan dan Menyeliakan Rancangan Pembangunan

Pada satu masa dahulu, pertubuhan pusat bagi menjalan dan menyeliakan rancangan pembangunan ialah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Inilah Kementerian yang memberi galakan untuk menjalan dan menyeliakan Rancangan Pembangunan dengan jayanya dalam negeri ini. Sekarang, tugas ini dijalankan oleh Unit Penyalarsan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri.

Anggaran Belanja Pembangunan Tahunan menetapkan perbelanjaan tahunan rancangan pembangunan lima tahun bagi sektor kerajaan dalam Rancangan Pembangunan Negara. Setelah Anggaran Belanja diluluskan oleh Parlimen tugas menjalankan rancangan-rancangan pembangunan terpulang kepada Kementerian dan Jabatan yang mengendalikannya.

U.P.E. dan Hubungan dengan Badan-badan Kerajaan yang lain.

U.P.E. berhubung rapat dengan pimpinan politik negara ini. U.P.E. ditempatkan di pusat kuasa politik, iaitu dalam portfolio Perdana Menteri. Ia dapat melaksanakan tugas-tugas perancangannya dengan berkesan kerana ia mendapat sokongan politik yang kuat daripada Perdana Menteri sendiri.

Tanggungjawab muktamad bagi perancangan dalam negeri ini terletak kepada Kabinet tetapi pertimbangan yang teliti mengenai beberapa masalah dasar adalah menjadi tanggungjawab khas bagi Majlis Ekonomi Negara Kabinet dengan Unit Perancang Ekonomi menyediakan Urusetia dan perkhidmatan kakitangan yang diperlukan. Menteri yang secara langsung menguruskan rancangan pembangunan pada masa dahulu ialah Timbalan Perdana Menteri. Sekarang Perdana Menteri secara langsung menguruskan Unit Perancang Ekonomi.

Agensi yang mempunyai tugas penting dalam pembangunan ialah Unit Perancang Ekonomi, Perbendaharaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada amnya Unit Perancang Ekonomi merancang projek pembangunan dengan kerjasama Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang lain termasuk Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam. Unit Perancang Ekonomi bertanggungjawab mengadakan rancangan-rancangan lima tahun dan juga rancangan bagi projek setiap tahun. Perbendaharaan pada amnya bertanggungjawab mengadakan wang untuk menjalankan rancangan itu. Jabatan Perkhidmatan Awam pula bertanggungjawab mengadakan kakitangan yang terlatih untuk menjalankan rancangan-rancangan di bawah rancangan pembangunan lima tahun.



## BAB XII

### AGENSI PUSAT KERAJAAN

#### Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Unit Penyelarasan Pelaksanaan adalah satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ia ditubuhkan pada tahun 1971 dengan nama Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Penilaian (ICEU) dengan tujuan menentukan supaya dasar kerajaan diselaraskan. Setelah beberapa pindaan kepada nama dan tugas unit ini, maka sekarang ini telah dinamakan Unit Penyelarasan Pelaksanaan.

Dengan wujudnya Dasar Ekonomi Baru maka Kerajaan telah mengendalikan tugas yang semakin banyak. Oleh itu Unit Penyelarasan Pelaksanaan\* bertanggungjawab memerhatikan supaya semua Kementerian, Jabatan dan badan lain diselaraskan. Unit ini juga bertanggungjawab untuk menentukan dasar Kerajaan diselaraskan oleh semua Kementerian, Jabatan dan Badan Kerajaan yang lain.

Objektif-objektif utama Unit Penyelarasan Pelaksanaan ialah:-

1. Menentukan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan; khususnya Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penswastaan dan Dasar Persyarikatan Malaysia serta menentukan pencapaian matlamat-matlamatnya.
2. Menentukan pelaksanaan program/projek pembangunan.
3. Menentukan integrasi pelaksanaan dasar dan program pembangunan kerajaan persekutuan dan negeri.
4. Pelaksanaan program dan projek khas kerajaan yang ditentukan.

---

\* Senarai Carta Organisasi Unit Penyelarasan Pelaksanaan dalam Lampiran H.

Untuk mencapai objektif-objektif yang disebutkan tadi, fungsi-fungsi yang terdapat di Unit Penyelarasan Pelaksanaan ialah:-

1. Menjadi urusetia kepada Majlis Tindakan Negara.
2. Menjadi urusetia kepada Majlis-majlis Jawatankuasa Kabinet dan majlis-majlis seperti Majlis Penasihat Petroleum Negara, Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan, Majlis Bimbingan Kontraktor Bumiputera dan Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang.
3. Mengawasi agensi-agensi dan perbadanan kerajaan yang tertentu seperti PERNAS, MISC, ISIS, HICOM dan PETRONAS.
4. Menyelaras dan mengesan pelaksanaan projek pembangunan.
5. Mewujudkan dan memajukan sistem maklumat pengurusan.
6. Menilai dan menyemak semula dasar dan program kerajaan.
7. Campur tangan dalam pelaksanaan projek/program kerajaan.
8. Merancang dan melaksana program/projek khas kerajaan yang ditentukan.
9. Menyelaras program pembangunan kontraktor-kontraktor kerja bumiputera.
10. Menguruskan pendaftaran pemilihan dan perlantikan perkhidmatan perunding swasta.
11. Mengemaskan sistem pembinaan termasuk 'turnkey' dan 'pasang siap'.
12. Mengeratkan perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam menjayakan program pembangunan.
13. Memberi sumbangan kepada proses perancangan pembangunan negara.

Bahagian-bahagian yang terdapat di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini ialah:-

1. Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera atau PUSAKABUMI
2. Bahagian Basmi Kemiskinan
3. Bahagian Susun Semula Masyarakat
4. Bahagian Maklumat Pengurusan
5. Bahagian Petroleum
6. Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam
7. Bahagian Perhubungan
8. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
9. Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri/Pejabat-pejabat Pembangunan Negeri Sabah dan Sarawak

10. Bahagian Penyelarasan/Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang

Sebagaimana disebutkan di atas tadi Unit Penyelarasan Pelaksanaan ialah urusetia kepada Majlis Tindakan Negara. Unit ini bertindak untuk menilai kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh agensi-agensinya bagi menjamin pencapaian objektif-objektif dan matlamat pembangunan negara, khususnya yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Struktur organisasi dan Jawatankuasa yang wujud sekarang di bawah Majlis Tindakan Negara adalah berasaskan kepada arahan-arahan. Di peringkat Persekutuan, Majlis Tindakan Negara (MTN) merupakan badan pengawasan pelaksanaan yang tertinggi dalam negara. Majlis Tindakan Negara dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan diurusetiakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahlinya selain daripada Timbalan Perdana Menteri ialah Menteri-menteri Kanan Kabinet yang berkaitan. Biasanya majlis ini mengadakan mesyuarat dua minggu sekali atau apabila dirasakan perlu. Majlis ini bertindak sebagai badan utama menilai, mengawas dan menyemak semula kemajuan pelaksanaan dasar dan rancangan-rancangan pembangunan negara termasuklah menilai semula perjalanan dan pelaksanaan program dan aktiviti agensi-agensinya kerajaan supaya selaras dengan matlamat dan fungsi agensi-agensinya berkenaan.

Pada peringkat negeri pula, Jawatankuasa Tindakan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri yang berkenaan dan ahli-ahlinya termasuklah di antara lain Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Polis Negeri, Panglima Briged dan Ketua-ketua Jabatan Negeri yang berkaitan. Khidmat Urusetia diberikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri. Jawatankuasa Tindakan Negeri pada lazimnya mengadakan mesyuarat sebulan sekali. Jawatankuasa Tindakan Negeri mengawasi pelaksanaan dasar dan rancangan pembangunan di peringkat negeri, termasuklah membuat keputusan untuk mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan yang wujud berkaitan dengan pelaksanaan dasar-dasar, program atau projek-projek pembangunan di peringkat tersebut.

Sebuah lagi Jawatankuasa peringkat negeri ialah Jawatankuasa Pembangunan Negeri yang dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan. Jawatankuasa ini menyelaras dan mengesan ke-

majuan pelaksanaan projek-projek pembangunan serta mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi masalah-masalah berbangkit.

Di peringkat daerah pula fungsi yang sama dimainkan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Ahli-ahlinya termasuklah Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, dan Ketua-ketua Jabatan di peringkat daerah yang berkaitan. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sebulan sekali. Jawatankuasa Tindakan Daerah menyelaras, mengesan dan mengawasi kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan di peringkat daerah serta juga mengambil tindakan-tindakan perlu untuk mengatasi masalah dan kelemahan pelaksanaan pembangunan di peringkat tersebut.

Salinan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri dan Jawatankuasa Tindakan Daerah dihantar ke Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM. Dengan cara ini dapatlah Unit ini mengesan kemajuan dan pencapaian pembangunan di seluruh negara. Carta organisasi Majlis Tindakan Negara adalah seperti di Lampiran I.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan juga bertanggungjawab mengawas supaya laporan mengenai penubuhan kumpulan perusahaan dan perdagangan Bumiputera dilaksanakan. Membentuk kumpulan ini adalah satu daripada matlamat kerajaan yang besar dalam tugasnya menyusun semula masyarakat.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan juga mengawas supaya semua program agensi Kerajaan melaksanakan matlamat Kerajaan, iaitu supaya 30% daripada perniagaan, perdagangan dan perindustrian dimiliki dan dijalankan oleh kaum Bumiputera selewat-lewatnya dalam tahun 1990. Sekarang ini adalah jelas matlamat ini tidak dapat dicapai kerana hingga tahun 1985 hanya 18% sahaja dicapai. Bagi kaum bukan Bumiputera pula tingkatan yang telah dicapai ialah 57%.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, unit ini juga berperanan memperakukan tindakan campur tangan yang bertujuan memastikan kejayaan program-program besar seperti program infrastruktur dan kemudahan awam. Ini termasuk pembangunan sosial untuk mengendalikan soal pelajaran, perumahan, kesihatan, kebajikan masyarakat dan sebagainya. Ini adalah selaras dengan peranan unit ini untuk mengesan, menganalisa dan menyelaras pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan negara untuk mencapai matlamatnya.

Salah satu kaedah pengesanan kemajuan pelaksanaan projek yang digunakan oleh unit ini ialah melalui sistem maklumat pengurusan yang menggunakan kemudahan komputer. Sistem ini boleh mengeluarkan berbagai bentuk maklumat yang diperlukan mengenai kedudukan projek untuk maksud perancangan dan pengawasan supaya langkah-langkah yang sesuai dapat diambil bagi mengatasi masalah-masalah kelewatan yang timbul. Sistem pengesanan berkomputer yang terletak di bawah Bahagian Maklumat Pengurusan ini dilaksanakan pada tahun 1978 bagi menggantikan sistem lama yang dilakukan secara manual.

Bagi menjelaskan lagi peranan setiap bahagian yang terdapat di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan ini, diterangkan program dan aktiviti-aktiviti menurut fungsi setiap bahagian.

1. Pusat Penyelarasan Khidmat Kontraktor-kontraktor Bumiputera (PUSAKABUMI).

Pusat ini telah diberikan tugas-tugas yang berikut:-

- (i) Melaksanakan Sistem Pendaftaran Pusat Kontraktor-kontraktor kerja serta urusan berkaitan untuk seluruh negara.
- (ii) Memberi pengiktirafan Bumiputera kepada kontraktor-kontraktor kerja yang layak.
- (iii) Menjadi pusat rujukan perihak kontraktor-kontraktor kerja.
- (iv) Mengumpul, memproses dan memberi maklumat mengenai peluang kerja-kerja kontrak, sumber bekalan bahan-bahan binaan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera; dan
- (v) Menyelaraskan kerja-kerja dan peraturan-peraturan mengenai sistem tender, sistem bayaran kemajuan dan pinjaman modal.

2. Bahagian Basmi Kemiskinan

Bahagian Basmi Kemiskinan berperanan memastikan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam aspek pembasmian kemiskinan. Bahagian ini dibahagikan kepada 3 sektor iaitu pembangunan pertanian, pembangunan masyarakat dan pembangunan sosial dan urbanisasi. Secara umum bahagian ini bertanggungjawab untuk mengesan dan menyelaras pelaksanaan program-program ke arah pembasmian kemiskinan.

- (a) *Sektor Pertanian*. Bertanggungjawab mengesan pelaksanaan program/projek dalam bidang pertanian, sama ada pertanian in-situ ataupun pembangunan tanah baru dan pembangunan wilayah. Kementerian-kementerian yang diawasi adalah Kementerian Pertanian, Pembangunan Tanah dan Wilayah serta Perusahaan Utama. Sektor ini secara langsung mengikuti pelaksanaan projek-projek khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti pemulihan tanah terbiar di Sungai Burung, Balik Pulau, bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Penyelaras Dasar Pertanian Negara.
- (b) *Sektor Pembangunan Masyarakat*. Bertanggungjawab mengesan dan menyelaras program-program pembangunan masyarakat (Community Development), yang kebanyakannya dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Antara *output* terpenting Sektor ini ialah penyediaan laporan mengkaji pengubahsuaian strategi pembangunan masyarakat. Sektor ini secara langsung mengendalikan latihan/kursus JKKK dengan kerjasama institusi latihan yang berkaitan dan juga mengawasi ciri-ciri pemakanan negara melalui sistem pengawasan yang khas.
- (c) *Sektor Pembangunan Sosial dan Urbanisasi*. Sektor ini bertanggungjawab untuk mengawas dan menyelaras program/projek dalam bidang sosial dan urbanisasi seperti perumahan, pelajaran dan latihan, kesihatan dan kependudukan serta pembangunan sosioekonomi secara umum. Sektor ini secara langsung mengesan pencapaian Fasal 153, Perlembagaan dan bertindak sebagai urusetia Jawatankuasa Skim Pinjaman Khas Perumahan untuk Bumiputera dan penubuhan kampus Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia di Kubang Krian.

### 3. Bahagian Susun Semula Masyarakat

Bahagian ini terbahagi kepada 3 sektor iaitu Sektor Pengawasan Penyertaan Bumiputera, Sektor Pembangunan Usahawan dan Sektor Perbadanan Awam. Bahagian inilah yang mengesan pencapaian

Dasar Ekonomi Baru dari segi penyusunan semula masyarakat melalui angkatunjuk-angkatunjuk yang telah ditentukan.

Bahagian ini bertanggungjawab antara lain dalam rancangan mewujudkan masyarakat dagangan dan industri Bumiputera melalui beberapa program, antara lainnya khidmat bantuan nasihat kepada usahawan Bumiputera yang disediakan khusus untuk menggalak dan memajukan perusahaan kecil. Dalam hal ini unit ini secara langsung menyediakan bantuan dan kemudahan seperti gerai-gerai terbuka, pinjaman membeli motosikal dan alat-alat perniagaan. Bahagian ini sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan kaum Bumiputera menunjukkan kemajuan dari semasa ke semasa dalam menyertai berbagai lapangan kegiatan ekonomi negara terutamanya dalam penyusunan semula guna tenaga dan penyusunan semula pemilikan harta sektor swasta. Berbagai-bagai pendekatan dan kaedah baru seperti penubuhan konsortium, *franchise* dan sebagainya dikenal pasti untuk mempertingkatkan usaha penyertaan kaum Bumiputera.

Dalam usaha membangunkan usahawan Bumiputera, bahagian ini mengendalikan skim latihan usahawan ke luar negeri yang bertujuan mewujudkan usahawan baru, meninggikan kecekapan usahawan yang sedia ada dan mencari peluang-peluang perniagaan dan per-usahaan.

Skim latihan usahawan ke luar negeri ini telah dimulakan pada tahun 1983 di mana seramai 160 Bumiputera telah dihantar ke beberapa buah negara maju di Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Jepun dan Korea. Ramai daripada mereka telah menunjukkan tanda-tanda kejayaan dalam perusahaan masing-masing. Pada tahun 1986 seramai 330 orang lagi usahawan/bakal usahawan dihantar ke luar negeri. Selain itu, bahagian ini juga mengadakan skim latihan untuk kakitangan Bumiputera kerajaan dalam kumpulan C dan D. Di bawah skim ini kakitangan kerajaan peringkat rendah diberi latihan perniagaan dan digalakkan meletak jawatan untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Bahagian ini juga bertanggungjawab secara langsung mengawal dan menilai prestasi PERNAS, MISC dan ALAM yang meliputi dasar, strategi dan program badan-badan tersebut dan anak syarikat masing-masing. Selain itu, bahagian ini juga menyelaras dan mengesan prestasi semua syarikat kepentingan kerajaan melalui sistem maklumat pengurusan dan penilaian perusahaan awam (PEMANIES).

Di bawah program pemindahan saham-saham syarikat kepentingan kerajaan kepada Bumiputera, bahagian ini menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan (JPP) dan Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Pelaburan (JKPP). Bahagian ini juga bertanggungjawab terhadap kempen-kempen pemasaran Amanah Saham Nasional di semua peringkat iaitu pusat, negeri dan daerah.

#### 4. Bahagian Maklumat Pengurusan

Bahagian ini menggunakan sistem komputer yang boleh dikatakan agak komprehensif dan moden dalam pentadbiran kerajaan di negara ini. Sistem maklumat pengurusan berkomputer ini membolehkan data-data yang diterima, diproses dengan segera supaya dapat menghasilkan berbagai jenis bentuk maklumat (atau output) untuk tujuan campur tangan dan keputusan pihak pengurusan. Misalnya maklumat yang diperlukan mengenai kedudukan prestasi projek-projek pembangunan dapat dikeluarkan supaya langkah-langkah yang sesuai boleh diambil bagi mengatasi sebarang masalah kelewatan yang timbul.

Selain itu, kemudahan-kemudahan komputer juga diberikan kepada pelbagai agensi kerajaan. Sehingga kini terdapat 19 agensi kerajaan yang dihubungkan kepada sistem komputer, Jabatan Perdana Menteri. Mulai pertengahan bulan Jun, 1984, empat buah negeri, iaitu Kelantan, Kedah, Pahang dan Johor telah juga diberikan kemudahan komputer supaya penyampaian maklumat dapat diberikan melalui talian data dan tidak lagi melalui borang-borang yang perlu disemak secara manual dan akan mengambil masa.

#### 5. Bahagian Kemajuan Petroleum

Bahagian ini bertanggungjawab tentang pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan industri petroleum, termasuk menentukan adanya undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkesan dalam industri petroleum.

Pelaksanaan projek-projek industri petroleum di negara ini diawasi oleh bahagian ini. Misalnya mengawasi perancangan dan pelaksanaan projek-projek mencarigali dan pengeluaran minyak mentah, serta mengawasi projek-projek penapisan dan pembuatan barang-barang petroleum supaya bersesuaian dengan Dasar Petroleum Negara dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Bahagian ini juga mengawasi organisasi dan pentadbiran syarikat PETRONAS dan syarikat-syarikat minyak yang lain.



Bahagian Kemajuan Petroleum menjadi urusetia kepada Majlis Penasihat Petroleum Negara (NPAC) yang bertugas sebagai badan penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai dasar, kepentingan dan perkara-perkara negara berkenaan dengan petroleum, sumber tenaga dan penggunaannya. Melalui tugas ini bahagian ini memainkan peranan yang positif untuk sentiasa menilai dan mengkaji dasar-dasar industri petroleum.

#### 6. Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam

Bahagian ini merupakan perhatian kepada program kemudahan-kemudahan perhubungan seperti:-

- (a) Mengesan kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan utama di negara ini.
- (b) Membantu atau campur tangan di dalam hal projek-projek yang menghadapi masalah pelaksanaan - contohnya masalah tanah, kewangannya kekurangan bekalan, kontraktor dan sebagainya.
- (c) Mengendalikan Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas (Special Task Force) yang ditubuhkan dari semasa ke semasa atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.
- (d) Mengendalikan urusan perlantikan pakar runding di seluruh negara bagi tujuan pelaksanaan projek-projek pembangunan.
- (e) Mengendalikan pendaftaran kontraktor-kontraktor *turnkey* (antarabangsa dan tempatan) untuk maksud *prequalified* bagi tujuan pelaksanaan projek-projek. (Terdapat kira-kira 700 kontraktor 'turnkey' antarabangsa dan tempatan yang terlibat).
- (f) Mengendalikan urusan pendaftaran firma-firma *prefab* (*prefab firms*) dan menasihati Jabatan/Agensi-agensi kerajaan berkenaan tentang hal ini. (Terdapat kira-kira 120 firma 'prefab').
- (g) Memperkenalkan konsep-konsep baru di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti *turnkey*, *cost plus* dan sebagainya.

## 7. Bahagian Perhubungan

Bahagian ini dibentuk untuk mewujudkan satu rangkaian dokumentasi audio/visual yang lengkap dan sistematik untuk keperluan Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Jabatan Perdana Menteri. Ia menyediakan bentuk-bentuk penerbitan seperti *multivision*, filem, video, slaid dan transperansi. Selain itu, Bahagian Perhubungan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan bertindak dalam urusan ehwal awam seperti mengendalikan keperluan Bilik Gerakan Negara, Dewan Taklimat dan Bilik Persidangan di Jabatan Perdana Menteri. Pegawai-pegawai Bahagian Perhubungan juga dikehendaki mengurus serta memberi taklimat kepada pelawat-pelawat ke Jabatan Perdana Menteri. Bahagian ini juga menyelaras penerbitan rancangan dengan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mengenai pembangunan negara untuk siaran. Ini adalah selaras dengan objektifnya menyampaikan maklumat mengenai rancangan-rancangan pembangunan kepada orang ramai.

● Semua pegawai dan kakitangan profesional dan teknik bahagian ini adalah pegawai-pegawai yang didatangkan dari Jabatan Penyiaran Malaysia atau RTM.

## 8. Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Bahagian ini menjalankan beberapa aktiviti utama iaitu:-

- (i) Menjadi Sekretariat kepada Majlis Tindakan Negara dari segi bantuan logistik;
- (ii) Mengurus dan memastikan pelaksanaan projek di bawah Peruntukan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pengurusan peruntukan di bawah Kumpulan Wang Amanah dan Kemasyarakatan;
- (iii) Menyelaraskan pengumpulan maklumat-maklumat mengenai tindakan susulan terhadap lawatan-lawatan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, dan
- (iv) Bertanggungjawab mengenai urusan-urusan seperti pentadbiran am, perkhidmatan, perjawatan, keselamatan dan kewangan bagi Unit Penyelarasan Pelaksanaan termasuk Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri/Pejabat Pembangunan Negeri.

## 9. Pejabat-pejabat Kemajuan/Pembangunan Negeri

Setiap negeri di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak mempunyai pejabat pembangunan/kemajuan negeri masing-masing di bawah kuasa Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Pejabat-pejabat kemajuan dan pembangunan negeri ini bertanggungjawab terhadap projek-projek yang dilaksanakan di setiap negeri itu.

Antara program yang dilaksanakan oleh Pejabat-pejabat Kemajuan/Pembangunan Negeri meliputi projek kecil dan peruntukan Persekutuan/Negeri dan projek-projek kecil kawasan ahli-ahli dewan parlimen/undangan negeri. Program ini bertujuan membantu dan memandu Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat negeri dan jabatan-jabatan negeri/badan-badan berkanun dalam pelaksanaan projek-projek dengan cara yang paling berkesan.

Pejabat-pejabat kemajuan/pembangunan negeri ini juga bertanggungjawab terhadap program seperti bekalan elektrik dan air ke kawasan-kawasan luar bandar. Ia juga menyelenggara jalan-jalan luar bandar dan ke kampung-kampung.

#### 10. Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang

Bahagian ini berfungsi dalam membantu Bumiputera di Pulau Pinang bagi memperbaiki dan meninggikan taraf hidup mereka. Di antara program bahagian ini ialah:-

- (i) Pembangunan tanah dan perumahan; seperti bank tanah, rancangan pembangunan kawasan dan rancangan pembangunan tanah individu.
- (ii) Perdagangan dan perindustrian, dengan cara menilai peluang yang *viable* untuk diceburi oleh Bumiputera, memberi pengesahan taraf Bumiputera serta memberi sokongan mendapatkan pinjaman kewangan.
- (iii) Program perkhidmatan bantuan dan nasihat. Di bawah program ini, bahagian ini membantu pemaju-pemaju perumahan Bumiputera menjadi orang tengah bagi menyalurkan rumah-rumah yang didirikan oleh PDC/swasta kepada pembeli-pembeli Bumiputera dan melengkapkan data-data/maklumat-maklumat berkenaan pembangunan Pulau Pinang.

Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang juga menjalankan bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk projek-projek pembangunan kawasan.

## BAB XIII

### AGENSI PUSAT KERAJAAN

#### Jabatan Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam terletak di bawah portfolio Perdana Menteri. Dahulunya nama Jabatan ini ialah Pejabat Perjawatan Persekutuan

Jabatan Perkhidmatan Awam ialah pusat agensi kakitangan Kerajaan. Jabatan ini bertanggungjawab bagi menggubal dan melaksanakan kesemua dasar yang ada kaitannya dengan pengurusan kakitangan di sektor awam. Dasar ini termasuk di dalamnya perkara-perkara berkenaan dengan penggajian, keadaan bekerja dan kebajikan kakitangan seperti pertukaran, perlantikan, naik pangkat dan latihan, tata tertib, pembayaran pencen dan faedah-faedah *fringe*. Jabatan ini juga bertanggungjawab mentadbirkan gaji dan perkara-perkara perjawatan seperti mewujudkan, menilai dan menarafkan jawatan-jawatan dalam sektor awam dan juga menentukan skim perkhidmatan. Jabatan Perkhidmatan Awam tidak bertanggungjawab dalam pengambilan kakitangan kerana ini sebenarnya ialah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan) dan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan lain di atas perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Peranan utama Jabatan ini ialah:-

- (i) Menggubal dasar-dasar pengambilan dan penamatan kerja, perlantikan, kenaikan pangkat serta disiplin dalam Perkhidmatan Awam;
- (ii) Menggubal, mewujudkan, mengkaji serta menyelaras keperluan jawatan serta struktur organisasi dalam Perkhidmatan Awam;

- (iii) Menggubal dasar gaji, elaun serta kemudahan-kemudahan lain bagi pekerja-pekerja sektor awam, termasuk kakitangan Tribunal Perkhidmatan Awam, Mahkamah Perusahaan, Lembaga Penasihat Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Khas Cukai Pendapatan;
- (iv) Merundingkan tuntutan-tuntutan anomali yang dikemukakan oleh 'Pihak Terkilan', di samping mewakili Kerajaan dalam perbicaraan-perbicaraan Awam;
- (v) Menyediakan tenaga manusia yang cekap dan terlatih dalam berbagai bidang dengan secukupnya, termasuk bidang profesional dan pengurusan dalam Perkhidmatan Awam;
- (vi) Mentadbir dan melaksanakan segala undang-undang berkaitan dengan pencen serta faedah persaraan lain dalam Perkhidmatan Awam, termasuk Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai agensi pusat, Jabatan Perkhidmatan Awam berpandukan kepada objektifnya iaitu berusaha mengambil langkah yang sesuai supaya Perkhidmatan Awam yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang cekap dan berdisiplin dapat menjalankan peranannya dengan berjaya dan berkesan terutama di dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara.

Bagi mencapai tujuan yang tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:-

- (a) Bahagian Pentadbiran
- (b) Bahagian Perjawatan
- (c) Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya
- (d) Bahagian Perkhidmatan
- (e) Bahagian Gaji dan Elaun
- (f) Bahagian Perundingan
- (g) Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya
- (h) Institut Tadbiran Awam Negara
- (i) Bahagian Pencen

(j) Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan

Di perenggan-perenggan di bawah ini diberi huraian berkenaan dengan beberapa bahagian penting di Jabatan Perkhidmatan Awam.

Bahagian Perjawatan bekerja rapat dengan Perbendaharaan. Satu daripada tugasnya ialah untuk mengkaji permohonan untuk mengadakan jawatan-jawatan baru daripada Kementerian dan Jabatan. Apabila Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menjalankan kerja-kerja yang tertentu, Kementerian yang bertanggungjawab hendaklah diberi kakitangan untuk menjalankan kerja-kerja itu. Sebagai langkah permulaan, Kementerian atau Jabatan yang berkenaan itu hendaklah membincangkan perkara-perkara itu dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menentukan kaedah yang paling cekap untuk menjalankan kerja-kerja itu. Kemudian Perbendaharaan hendaklah turut sama berbincang menentukan wang yang diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja itu. Banyak perbincangan diadakan di antara Kementerian yang berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan. Kerja-kerja yang baru itu hendaklah dijalankan dengan perbelanjaan yang seberapa kecil seimbang pula dengan kecekapan yang dikehendaki.

Bukanlah Kementerian dan Jabatan sahaja yang dikehendaki mendapat kebenaran Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengadakan jawatan-jawatan baru. Bahkan badan-badan berkanun juga mesti berbuat demikian. Sungguhpun demikian, peraturan ini tidaklah dikenakan kepada organisasi-organisasi seperti PERNAS dan Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan yang sebenarnya ialah badan-badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menjalankan perniagaan.

Kerajaan Negeri juga hendaklah berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan apabila mengadakan jawatan berpencen. Perkara ini adalah disebabkan Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab membayar pencen kepada semua pegawai Negeri dan juga pegawai Persekutuan. Sungguhpun Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab bagi perjawatan tetapi Perbendaharaanlah yang mengeluarkan waran perjawatan. Tujuannya ialah untuk menentukan ada wang bagi membayar gaji pemegang-pemegang jawatan itu.

Sungguhpun demikian tidaklah terdaya bagi Jabatan Perkhidmatan Awam atau Perbendaharaan mengkaji dan mempertimbangkan semua permohonan mendapat jawatan baru. Oleh itu Kerajaan

Negeri telah pun diberi kuasa untuk mengadakan jawatan-jawatan yang tanggungajinya di bawah peringkat yang tertentu.

Bahagian Perjawatan bertanggungjawab juga mengadakan skim perkhidmatan yang menetapkan susunan gaji, kelayakan yang dikehendaki bagi jawatan itu dan juga peperiksaan yang kakitangan Kerajaan dikehendaki lulus sebelum mereka boleh disahkan dalam jawatan mereka dan hal-hal yang lain berkenaan dengan skim perkhidmatan.

Bahagian Perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Awam adalah bertanggungjawab mengenai perkara-perkara seperti kenaikan pangkat dan tata tertib pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam. Bahagian ini boleh berhubung terus dengan pegawai-pegawai tersebut ataupun ia boleh berhubung melalui ketua Jabatan mereka. Peraturan-peraturan dan perintah tentang kenaikan pangkat dan tata tertib adalah ditetapkan oleh Bahagian Perkhidmatan. Ia juga bertanggungjawab bagi kelakuan pegawai-pegawai awam yang tertentu.

Perlembagaan mempunyai peruntukan yang membolehkan Lembaga Kenaikan Pangkat dan Tata tertib dilantik bagi tiap-tiap satu Kementerian atau Jabatan untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan kenaikan pangkat atau tindakan tata tertib. Sungguhpun demikian tindakan tata tertib menyebabkan buang kerja atau penangguhan kenaikan gaji masih lagi di bawah jagaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Suruhanjaya-suruhanjaya lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman belum lagi mewakili kuasanya kepada Lembaga.

Pada amnya boleh dikatakan perkhidmatan gunasama (common user service) adalah di bawah jagaan Jabatan Perkhidmatan Awam. Perkhidmatan gunasama itu adalah seperti Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Perkhidmatan Tadbir Am, perkhidmatan perkeranian, perkhidmatan pegawai kerja dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang sama digunakan oleh beberapa Jabatan. Ketua perkhidmatan-perkhidmatan ini ialah Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Latihan bagi pegawai adalah tanggungjawab Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya di Jabatan Perkhidmatan Awam. Bahagian ini meneliti jenis kakitangan yang diperlukan oleh Kerajaan dan menentukan cara-cara bagaimana memenuhi kehendak itu. Pada masa sekarang Kerajaan sangat-sangat kekurangan kakitangan dalam kumpulan pengurusan dan ikhtisas dan juga dalam kumpulan teknik. Untuk mengatasi masalah kekurangan ini, Jabatan Perkhid-

matan Awam bekerja rapat dengan Kementerian Pelajaran dan jabatan-jabatan yang berkenaan mencari jalan bagaimanakah hendak mendapat kakitangan yang diperlukan. Jabatan Perkhidmatan Awam kenalah berganding bahu dengan Kementerian Pelajaran untuk menentukan bilangan calon yang layak mendapat pelajaran tinggi dan pelajaran teknik. Dalam hal ini, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya mempertimbangkan juga berapa ramai sesuatu kaum di dalam berbagai perkhidmatan Kerajaan itu.

Biasiswa diberi tiap-tiap tahun kepada calon-calon yang dihantar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melanjutkan pelajaran. Untuk menentukan supaya pelajar-pelajar itu akan bekerja dengan Kerajaan apabila balik kelak, perjanjian dibuat di antara mereka dengan Kerajaan supaya mereka berkhidmat dengan Kerajaan selama beberapa tahun selepas tamat latihan atau menerima sijil kelayakan.

Beberapa kejadian telah berlaku apabila pemegang-pemegang biasiswa yang dilatih di luar negeri meletakkan jawatan mereka dan masuk ke sektor swasta dengan membayar denda kerana mereka berpendapat adalah lebih menguntungkan bekerja dengan sektor swasta daripada terus berkhidmat dengan perkhidmatan awam. Ini adalah kerugian yang besar kerana perkhidmatan awam sentiasa kekurangan kakitangan baik di dalam kumpulan pengurusan dan ikhtisas mahupun dalam kumpulan teknik.

Sebenarnya kakitangan yang terlatih masih kekurangan bukan sahaja dalam perkhidmatan awam bahkan juga dalam sektor swasta. Oleh itu Jabatan Perkhidmatan Awam terpaksa menghadapi masalah bagaimana hendak mendapatkan calon-calon yang cukup untuk dilatih mengisi jawatan Kerajaan. Dalam sesebuah negara yang pesat membangun seperti Malaysia, adalah nyata bahawa kakitangan banyak dikehendaki lebih-lebih lagi dalam kumpulan pengurusan dan ikhtisas, bukan sahaja bagi Kerajaan tetapi bagi sektor swasta juga. Jabatan Perkhidmatan Awam juga menggalakkan orang Melayu masuk ke sektor swasta dan perkara ini menyebabkan bertambah susah mendapatkan pegawai bagi sektor awam.

Bahagian Gaji dalam Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab bagi gaji dan syarat-syarat lain perkhidmatan bagi keseluruhan perkhidmatan awam Persekutuan dan Negeri. Bahagian ini telah meluaskan tanggungjawabnya mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan kepada badan-badan berkanun. Bahagian ini tidak bertanggungjawab mengenai perkhidmatan pertubuhan yang ditubuh-



kan oleh Kerajaan seperti PERNAS (Perbadanan Nasional) dan MAS (Malaysian Airline System) yang semata-mata menjalankan perniagaan.

Sekarang ini gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi badan-badan berkanun adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam kerana ada persaingan kuat di antara Kerajaan dan badan-badan berkanun bagi mendapatkan khidmat pegawai-pegawai ikhtisas dan teknik. Kadar gaji yang dibayar oleh badan-badan berkanun adalah lebih tinggi daripada yang dibayar oleh Kerajaan. Oleh sebab itu ramai pegawai yang terlatih telah meninggalkan Jabatan dan Kementerian dan masuk bekerja dengan badan-badan berkanun. Oleh yang demikian Kerajaan menuhuhkan satu Suruhanjaya supaya gaji dan syarat-syarat perkhidmatan dalam badan-badan berkanun diselaraskan dengan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai Kerajaan.

Satu daripada masalah yang sedang dihadapi oleh sektor awam ialah ramai pegawai teknik dan ikhtisas meninggalkan perkhidmatan awam dan masuk bekerja dengan perkhidmatan swasta. Perkhidmatan awam mempunyai peraturan dan undang-undang yang tertentu mengenai syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai yang di bawah jagaannya. Dengan demikian peraturan-peraturan dalam sektor awam adalah lebih ketat daripada peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan dalam sektor swasta. Pada amnya dalam perkhidmatan Kerajaan, pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan yang sama dapat gaji permulaan yang sama. Tambahan pula boleh dikatakan pihak Kerajaan tidak dapat mengambil pegawai-pegawai yang terlatih daripada sektor swasta yang telah mempunyai pengalaman. Dalam sektor swasta pula gaji bolehlah ditentukan oleh syarikat-syarikat berkenaan mengikut keadaan pada masa itu dan pegawai-pegawai boleh diletakkan dalam mana-mana tingkatan yang difikirkan sesuai pada mereka.

Dengan perkembangan perindustrian, semakin ramai kakitangan yang terlatih dikehendaki di bidang teknik dan ikhtisas dalam sektor swasta. Satu punca yang biasa digunakan oleh sektor swasta untuk mendapat kakitangannya ialah sektor awam.

Pada satu masa dahulu gaji dan lain-lain syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dirundingkan melalui badan yang dinamakan Majlis Whitley. Majlis Whitley ini berasal dari Britain atas syor sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Encik J.H. Whitley. Tugas Jawatankuasa itu ialah "untuk mencari

satu cara yang kekal bagi memperbaiki perhubungan di antara majikan dan pekerja mereka supaya apa-apa pertikaian buruh dapat dielakkan dengan mengadakan perbincangan dan persetujuan dan untuk mengadakan satu sistem ulangkaji dalam lapangan perindustrian yang bertujuan memperbaiki keadaan dalam perindustrian pada amnya". Bagi perkhidmatan awam di Malaysia, Majlis Whitley mempunyai pihak pegawai dan pihak kakitangan dan rundingan dijalankan oleh Majlis ini. Pada peringkat jabatan pula, ada ditubuhkan Majlis Whitley Jabatan dan Majlis ini hanya merundingkan perkara-perkara yang berkaitan dengan jabatan sahaja.

Selain itu ada lagi badan perundingan lain yang telah dibentuk oleh Kerajaan. Ada 8 badan perundingan semuanya iaitu:-

- (i) Majlis Whitley Kebangsaan (Bahagian I - IV);
- (ii) Majlis Whitley Kebangsaan (IMG);
- (iii) Majlis Polis;
- (iv) Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru (NJTC);
- (v) Majlis Bersama bagi Badan-badan Berkanun (seperti Lembaga Elektrik Negara dan Pusat Penyelidikan Getah);
- (vi) Majlis Bersama bagi Majlis Tempatan (seperti Majlis Perbandaran, Kuala Lumpur pada masa dahulu; Majlis Bandaran Seremban, Lembaga Bandaran Petaling Jaya);
- (vii) Majlis Bersama Sabah;
- (viii) Majlis Bersama Sarawak.

Kesemua badan perundingan ini telah ditubuhkan dengan persetujuan pihak pegawai dan pihak kakitangan kecuali Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru yang telah ditubuhkan mengikut Akta Pelajaran Tahun 1961.

Selain itu, Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji dan membuat syor mengenai tangga gaji dan lain-lain syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam, badan berkanun dan dalam majlis tempatan. Tiga Suruhanjaya telah dilantik. Suruhanjaya-suruhanjaya itu ialah Suruhanjaya Gaji Suffian, Suruhanjaya Gaji Aziz dan Suruhanjaya Gaji Harun. Satu Suruhanjaya Gaji untuk menyelaraskan syor-syor dahulu telah dilantik. Tujuannya sekarang ialah supaya gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmat-

an awam, badan berkanun dan majlis tempatan disamakan untuk mengelakkan rasa tidak puas hati dan juga mencegah kakitangan daripada satu badan Kerajaan tukar bekerja dengan satu badan Kerajaan yang lain.

Kesemua badan perundingan yang telah dinyatakan di atas telah digantungkan setelah peristiwa bulan Mei 1969 dan sekarang ini badan-badan perundingan yang baru telah pun ditubuhkan.

Sekarang ini ada 3 badan perundingan semuanya yang dinamakan Majlis bersama, satu bagi perkhidmatan awam, satu bagi badan berkanun dan satu lagi bagi perkhidmatan polis. Tugas-tugas Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan pelajaran ialah untuk mempertimbangkan:-

- (a) prinsip-prinsip menentukan bagaimana cara menetapkan gaji;
- (b) kenaikan gaji yang dipakai bagi semua atau boleh dikatakan semua perkhidmatan awam;
- (c) syarat-syarat am perkhidmatan.

Ini ialah satu perubahan daripada cara lama, iaitu mengikut cara lama, pihak kakitangan Majlis Whitley merundingkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pihak tiap-tiap satu kesatuan. Mengikut peraturan sekarang tiap-tiap satu kesatuan boleh berunding terus dengan Majlis berkenaan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan, mengenai gaji mereka di dalam tangga gaji kakitangan tersebut dengan syarat tuntutan-tuntutan ini tidak bersangkutan dengan gred-gred lain dalam perkhidmatan awam.

Mengikut sistem Majlis Whitley yang lama sebagaimana dinyatakan dulu, ada Majlis Whitley Jabatan untuk merunding dan menetapkan perkara-perkara berkaitan dengan keadaan menjalankan kerja di Jabatan berkenaan kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan tiap seorang kakitangan di Jabatan itu. Dalam sistem yang baru itu, perbincangan Majlis Jabatan ini adalah dihadkan kepada perkara-perkara yang terletak di bawah jagaan Kementerian atau Jabatan yang berkenaan sahaja.

Adalah jelas bahawa tidaklah baik mengadakan rundingan yang berasingan bagi tiap-tiap satu perkhidmatan kerana hal ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain jika sekiranya satu-satu perkhidmatan itu berjaya di dalam run-

dingan yang diadakan. Adalah difikirkan bahawa badan perundingan yang baru itu akan menentukan gaji yang berseimbangan dengan keadaan ekonomi dan oleh itu adalah perlu diselaraskan gaji dalam sektor awam dengan gaji dalam sektor swasta. Untuk menjalankan tujuan ini maka satu Bahagian Penyelidik Gaji telah pun ditubuhkan di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Bahagian Penyelidik Gaji ini akan menyelidik gaji dalam sektor swasta dan menasihati Kerajaan supaya Kerajaan akan dapat menentukan tangga gaji di dalam sektor awam sebegitu rupa supaya tidak ramai pegawai ikhtisas dan teknik Kerajaan tukar bekerja dengan sektor swasta semata-mata disebabkan gaji yang berbeza antara sektor awam dengan sektor swasta.

Bahagian Perundingan telah diwujudkan pada bulan Oktober, 1977 berikutan dengan pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan gaji dalam Perkhidmatan Awam. Tujuan utama Bahagian Perundingan ialah untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang berbangkit dari pelaksanaan perakuan-perakuan laporan tersebut.

Pada masa yang lampau tuntutan-tuntutan dari pegawai-pegawai Kerajaan atau Kesatuan Sekerja telah dipertimbangkan oleh Perkhidmatan Awam. Jawatankuasa Kabinet pula berpendapat bahawa adalah lebih berkesan jikalau sistem baru diwujudkan untuk menyelesaikan pertikaian yang berbangkit dari perubahan gaji. Dengan itu maka Kerajaan telah menubuhkan Tribunal Perkhidmatan Awam sebagai sebuah badan rayuan untuk menyelesaikan pertikaian di antara Kerajaan dengan Kakitangannya. Bagi maksud ini, Parlimen telah meluluskan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 (Akta 186 1977) yang disiarkan dalam Warta Kerajaan pada 1 September 1977. Sesuai dengan peruntukan-peruntukan Akta tersebut, Peraturan-peraturan Tribunal Perkhidmatan Awam 1978 kemudiannya telah diumumkan melalui Warta Kerajaan sebagai P.U. (A): 39 pada 2 Februari 1978.

Mengikut perbekalan-perbekalan dalam Akta 186, tuntutan-tuntutan mengenai 'anomali' boleh dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja, Persatuan Pegawai-pegawai Awam atau Pegawai-pegawai Kerajaan secara perseorangan yang ditakrifkan sebagai orang-orang yang 'terkilan'. Kerajaan akan menyasiat tuntutan itu dan mengadakan rundingan dengan pihak terkilan. Sekiranya keputusan yang disampaikan dalam rundingan itu diterima oleh pihak yang terkilan, maka tuntutan yang tersebut

dianggap sebagai telah selesai. Sekiranya tuntutan itu tidak dapat diselesaikan maka adalah disifatkan bahawa suatu pertikaian telah timbul dan salah satu pihak yang terlibat boleh merujuk kes itu untuk dibicarakan di hadapan Tribunal Perkhidmatan Awam bagi mendapatkan keputusan muktamad.

Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam adalah Jabatan Kerajaan yang menerima dan menyiasat tuntutan anomali yang dikemukakan serta mengadakan rundingan dengan pihak terkilan yang berkenaan.

Bahagian Perundingan mempunyai dua peranan:

- (i) pertama ialah menerima dan menyiasat tuntutan anomali serta mengadakan rundingan dengan pihak terkilan,
- (ii) kedua ialah mewakili Kerajaan dalam perbicaraan di hadapan Tribunal Perkhidmatan Awam.

Bagi menjalankan tugas yang pertama, semua pegawai Bahagian Perundingan adalah dilantik untuk mewakili Kerajaan di bawah Seksyen 9 Peraturan-peraturan Tribunal Perkhidmatan Awam 1978 oleh ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Tentang tugas yang kedua pula, Pengarah dan Timbalan Pengarah sahaja diberi kuasa di bawah Seksyen 22 Akta 186 untuk mewakili Kerajaan dalam perbicaraan Tribunal.

Bahagian Perundingan dibahagikan kepada dua bidang iaitu:-

- (i) Bidang Awam bertanggungjawab bagi tuntutan daripada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Awam Negeri-negeri, Perkhidmatan Parlimen dan Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu;
- (ii) Bidang Berkanun bertanggungjawab bagi tuntutan daripada pegawai Badan-badan Berkanun, Kuasa-kuasa Tempatan dan Perkhidmatan Pelajaran.

Berkenaan Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia, satu daripada tujuannya ialah menambahkan berkesannya sistem pentadbiran awam bagi memajukan dan melaksanakan dasar kebangsaan dan rancangan-rancangan sebagaimana disebutkan dalam Rancangan Lima Tahun. Untuk mencapai tujuan ini dan tujuan-tujuan yang lain, INTAN menumpukan perhatian kepada latihan/pelajaran dalam polisi-polisi kemajuan, rancangan dan pelaksanaan teknik-teknik dan

menggunakan cara yang moden dalam pengurusan serta dalam menyebarkan konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan baru dalam organisasi dan pengurusan.

### Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan

Pusat Rekod Kakitangan Kerajaan telah ditubuhkan sebagai satu unit di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1 September 1977. Sebagai satu projek untuk mewujudkan satu Sistem Maklumat Personel, rancangan telah dimulakan semenjak bulan November 1976 lagi dengan kerjasama Biro Penyelidikan dan Perundingan INTAN. Pada 12 Januari 1977, satu rangka kasar sistem itu telah disediakan dan pada 25 Julai 1977 rangka sistem yang kemaskini telah disiapkan. Projek itu telah dilaksanakan pada 1 Julai 1977 iaitu serentak dengan pelaksanaan tanggungajaji Jawatankuasa Kabinet. Pada masa ini Pusat Rekod telah diletakkan sebagai satu cawangan di bawah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

● Tidak dapat dinafikan bahawa satu Sistem Maklumat Personel yang berkesan amatlah perlu diwujudkan. Negara kita sekarang mempunyai lebih kurang setengah juta kakitangan awam tidak termasuk polis dan tentera. Setengah juta kakitangan awam ini berada dalam berbagai skim perkhidmatan, tanggungajaji, kumpulan dan agensi-agensi. Tempoh pembangunan dalam negara kita sekarang memerlukan satu Sistem Maklumat Personel yang berkesan supaya tenaga-tenaga dan kemahiran-kemahiran yang ada dalam negara dapat dipergunakan secara optimum.

### Objektif/Tujuan

Pusat Rekod telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menjadikan satu sumber utama bagi satu Sistem Maklumat Personel yang berkesan yang boleh digunakan bukan sahaja oleh bahagian-bahagian di Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri tetapi juga oleh semua agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pengendalian kakitangan awam. Apabila diperkembangkan sepenuhnya, Pusat Rekod mempunyai tujuan seperti berikut:-

- (i) memberi maklumat untuk menganalisa kekurangan/kelebihan tenaga kerja sektor awam yang terlatih untuk perancangan tenaga manusia dari berbagai kemahiran yang diperlukan;
- (ii) menyediakan maklumat-maklumat personel untuk meng-

uruskan dengan berkesan tenaga manusia dan kemahiran yang didapati dalam sektor awam;

- (iii) menyediakan maklumat-maklumat untuk menganalisa perkara-perkara tertentu seperti skim perkhidmatan, syarat-syarat perkhidmatan dan perkara-perkara mengenai gaji;
- (iv) menyediakan maklumat-maklumat bagi membuat analisa implikasi kewangan apabila kerajaan ingin membuat kajian yang melibatkan gaji, elaun dan lain-lain perkara kewangan bagi kakitangan sektor awam;

### Jumlah Besar Bilangan Pegawai dan Kakitangan Awam

Di dalam tempoh yang kurang dari setengah tahun terakhir 1983 dan sehingga akhir Januari 1984, bilangan pegawai dan kakitangan awam telah meningkat dengan begitu pesat sekali. Sehingga 31.6.84 bilangan pegawai dan kakitangan awam adalah seramai 684,332 orang. Angka ini adalah merupakan pertambahan sebanyak 5,533 orang berbanding dengan jumlah pada 28.2.84

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan bilangan pegawai dan kakitangan awam bagi beberapa buah negeri sehingga 31.6.84 jika dibandingkan dengan jumlah pada 28.2.84. Wilayah Persekutuan mengalami kekurangan pegawai dan kakitangan seramai 805 orang, Johor mengalami kekurangan seramai 158 orang, Pahang 25 orang dan Melaka 13 orang. Kekurangan ini berlaku kerana pembekuan jawatan yang diakibatkan oleh kemelesetan ekonomi yang melanda negara dan dunia.

Namun begitu, Wilayah Persekutuan masih menduduki tempat yang paling atas dari seluruh kakitangan awam di Semenanjung pada 31.6.84 iaitu seramai 134,520 orang, diikuti oleh Perak, Selangor dan Johor yang masing-masing melebihi 60 ribu orang iaitu 72,062 orang, 71,264 orang dan 67,667 orang.

## BAB XIV

### AGENSI PUSAT KERAJAAN

#### Perbendaharaan

Perbendaharaan adalah bertanggungjawab bagi membuat dasar fizikal dan kewangan Kerajaan. Perbendaharaan menggunakan kadar bank untuk menentukan jumlah wang dalam pasaran dan juga menggunakan Belanjawan sebagai satu cara untuk mempengaruhi ekonomi.

Perbendaharaan juga bertanggungjawab untuk memungut hasil Persekutuan dan juga untuk menentukan dasar mengenai cukai dan eksais yang menjadi cukai Persekutuan. Ia juga bertanggungjawab mengenai perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya melalui berbagai Kementerian dan Jabatan.

Prinsip-prinsip asas kewangan awam adalah seperti berikut:-

- (i) Cukai, duti eksais dan bayaran tidak boleh dinaikkan kecuali dengan kuasa undang-undang Persekutuan atau Negeri.
- (ii) Semua wang yang didapati oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Negeri, hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan, kecuali jika ada undang-undang yang menetapkan bahawa wang itu boleh digunakan bagi sesuatu perkara yang tertentu.
- (iii) Kuasa perundangan hendaklah diperolehi untuk mengeluarkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan. Kuasa ini ialah melalui Akta Perbekalan bagi Perbelanjaan Persekutuan dan Enakmen Perbekalan bagi Perbelanjaan Negeri.



Suatu Akta atau Enakmen Perbekalan itu hanya dikehendaki jika perbelanjaan itu Perbelanjaan Biasa. Bagi Perbelanjaan Pembangunan kuasa didapati dengan cara mengemukakan syor di Dewan Parlimen. Wang untuk pembangunan didapati dari satu kumpulan wang yang dinamakan Kumpulan Wang Pembangunan. Punca pendapatan kumpulan Wang ini ialah dari:-

- (a) pemindahan wang dari Akaun Hasil;
- (b) pinjaman dari dalam ataupun luar negeri;
- (c) pemberian daripada kerajaan ataupun institusi-institusi luar negeri.

Kumpulan Wang Pembangunan adalah Kumpulan Wang Amanah yang dikelolakan oleh satu undang-undang yang dinamakan Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966. Tiap-tiap Negeri mempunyai Kumpulan Wang Pembangunannya sendiri.

Perbezaan antara Perbelanjaan Biasa dengan Perbelanjaan Pembangunan ialah Perbelanjaan Pembangunan adalah Perbelanjaan modal. Sebaliknya, Perbelanjaan Biasa ialah perbelanjaan berulang. Perbelanjaan untuk membina jalan adalah dimasukkan dalam Perbelanjaan Pembangunan tetapi perbelanjaan untuk menyenggaranya adalah dalam Anggaran Perbelanjaan Biasa.

Kebenaran mengeluarkan wang untuk Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Biasa hendaklah didapatkan tiap-tiap tahun.

Untuk menjalankan tugasnya, Perbendaharaan membahagikan kerjanya kepada dua bidang. Bidang yang pertama ialah ekonomi dan fizikal. Bidang kedua ialah pentadbiran dan perbelanjaan. Seorang Timbalan Ketua Setiausaha bertanggungjawab bagi tiap-tiap satu bidang itu.

Bahagian-bahagian di dalam bidang ekonomi dan kewangan ialah Bahagian Cukai, Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Bahagian Pentadbiran Insurans dan Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman. Bahagian di dalam bidang pentadbiran dan perbelanjaan ialah Bahagian Belanjawan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pinjaman Perumahan, Bahagian Kontrak dan Bekalan dan Unit Sistem Pengurusan Kewangan.

Bahagian Cukai merumus, melaksana dan mentadbir dasar cukai yang sedia ada, cadangan cukai-cukai baru bagi maksud keperluan hasil negara dan pembangunan perindustrian, mengawas jentera pentadbiran dan kutipan hasil. Bahagian ini juga bertanggungjawab

merundingkan dan membincangkan semula, jika perlu, perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dengan negara-negara lain.

Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa menganalisa dan menasihati mengenai perkembangan makro ekonomi dan dasar-dasar. Ini termasuk dasar-dasar institusi Kewangan Antarabangsa, perancangan ekonomi tahunan dan Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan.

Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta membantu dan menasihati Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan, Penguasa-penguasa tempatan dan Badan-badan Berkanun mengenai nilai-nilai harta bertanah di samping menyediakan laporan Pasaran Harta.

Bahagian Pentadbiran Insurans menyelia dan mengatur perusahaan insurans dan menasihati mengenai perkara-perkara insurans.

Bahagian Pengurusan Kewangan, Hutang dan Pinjaman menentu, melaksana dan mentadbir dasar-dasar mata wang, bank, penanaman modal Kerajaan, pinjaman dalam dan luar negeri, yaysan simpanan termasuk K.W.S.P. bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia, mengurus pinjaman Kerajaan pusat dan pinjaman Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat Kerajaan, badan-badan berkanun dan lain-lain.

Satu Bahagian yang diketahui oleh semua Kementerian dan Jabatan di bawah bidang pentadbiran dan perbelanjaan ialah Bahagian Perbelanjaan. Bahagian ini terkenal disebabkan semua Kementerian dan Jabatan mesti menghubungi Perbendaharaan untuk mendapatkan wang bagi perbelanjaan biasa dan perbelanjaan pembangunan. Setengah-setengah badan berkanun juga mesti mendapatkan wang daripada Perbendaharaan. Badan-badan berkanun ini ialah badan yang terpaksa berharap kepada Perbendaharaan untuk mendapatkan pemberian dan subsidi untuk menjalankan kerja-kerjanya.

Permohonan untuk mendapatkan wang perbelanjaan pembangunan diperiksa oleh pegawai-pegawai Perbendaharaan setelah berunding dengan pegawai-pegawai Bahagian Perancang Ekonomi. Cadangan untuk perbelanjaan biasa diperiksa oleh Perbendaharaan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Awal-awal lagi pada tiap-tiap tahun, Kementerian dan Jabatan Persekutuan diminta oleh Perbendaharaan untuk menyampaikan cadangan mereka bagi tahun hadapan. Cadangan-cadangan itu ialah bagi peruntukan gaji kakitangan Jabatan dan Kementerian, perbelanjaan berulang tiap-tiap tahun seperti per-

belanjaan membeli alatulis dan perbelanjaan khas bagi perbelanjaan-perbelanjaan kecil yang tidak diulang tiap-tiap tahun seperti perbelanjaan untuk membeli perabot pejabat dan juga mesin taip. Jabatan Perkhidmatan Awam dihubungi kerana Jabatan itu bertanggungjawab tentang kakitangan yang dikehendaki oleh Kementerian dan Jabatan. Sebaliknya, Bahagian Pelaksanaan, Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran dihubungi untuk memberi nasihat tentang organisasi dan pengurusan Kementerian dan Jabatan.

Anggaran perbelanjaan bagi pembangunan dan perbelanjaan biasa dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan. Tiap-tiap satu bahagian perbelanjaan dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa dan ahli Parlimen diberi peluang untuk membahaskan satu-satu bahagian perbelanjaan itu.

Dalam sesuatu tahun itu, boleh jadi terpaksa menambah perbelanjaan dan ini boleh dijalankan dengan mengadakan satu anggaran perbelanjaan tambahan. Anggaran ini juga hendaklah diluluskan oleh Parlimen dalam bentuk satu rang undang-undang Perbekalan Tambahan bagi perbelanjaan biasa dan satu ketetapan bagi perbelanjaan pembangunan.

Kesemua kertas Kabinet yang ada kaitannya dengan kewangan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan.

Bahagian Pentadbiran mengkaji perubahan gaji dan tuntutan berkaitan untuk kakitangan Kerajaan, pengurusan kewangan, perkara-perkara perjudian dan pentadbiran am.

Bahagian Pinjaman Perumahan pula mentadbir dasar-dasar dan peraturan-peraturan pinjaman perumahan untuk kakitangan sektor awam.

Sebelum merdeka dahulu boleh dikatakan Kerajaan menyediakan rumah bagi kesemua kakitangan daripada ketua-ketua jabatan hingga ke pekerja-pekerja bawahan. Selepas kemerdekaan, bilangan kakitangan bertambah ramai oleh kerana tugas-tugas baru seperti pertahanan dan hal-ehwal lagi sebagainya bertanggungjawab Kerajaan merdeka dan bukan lagi Kerajaan British. Selain itu Kerajaan mengutamakan perbelanjaan pembangunan meninggikan taraf hidup rakyat. Dan juga adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya kakitangan Kerajaan tidak lagi terpisah dengan rakyat jelata. Oleh itu Kerajaan mengambil keputusan supaya kakitangan Kerajaan membantu mempunyai rumah mereka sendiri. Bantuan ini ialah dengan cara memberi pinjaman wang dengan faedah yang rendah dan juga mendirikan rumah-rumah untuk dijual kepada kakitangan dengan harga yang

sangat berpatutan. Bahagian Pinjaman Perumahan di Kementerian Kewangan bertanggungjawab memberi kemudahan pinjaman wang. Untuk mendirikan rumah pula, satu syarikat ditubuhkan iaitu Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan. Syarikat ini ialah syarikat Kerajaan yang dikelolakan oleh mereka yang dilantik oleh Kerajaan. Sungguhpun demikian, sekarang satu bahagian besar daripada saham syarikat ini dimiliki oleh Permodalan Nasional Saham.

Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan merancang, memaju dan melaksana dasar-dasar untuk memperolehi, mentadbir dan membahagi-bahagi serta melupuskan bekalan Kerajaan.

Unit Sistem Pengurusan Kewangan memajukan dan menyelaras pelaksanaan sistem dan peraturan yang lebih berkesan dan cekap untuk pengurusan kewangan di dalam Kerajaan dan menyediakan perkhidmatan Prosesan Data Automatik dan nasihat Kejuruteraan terutamanya kepada Perbendaharaan.

Pejabat Akauntan Negara dianggap sebagai satu bahagian dalam Perbendaharaan dan juga sebagai satu Jabatan. Pejabat ini ialah sebahagian dari Perbendaharaan apabila ia menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan tanggungjawabnya bagi mengadakan, menyusun dan menjalankan sistem dan cara-cara akaun. Pejabat itu juga dianggap sebagai satu jabatan kerana Akauntan Negara ialah ketua kepada Kumpulan Akauntan. Ada di antara Kementerian dan Jabatan yang mempunyai akauntannya sendiri. Bagi Kementerian dan Jabatan tersebut, Akauntan Negara mempunyai akauntannya bekerja dengan Kementerian atau Jabatan itu.

Akaun Kerajaan Persekutuan diaudit oleh Juruaudit Negara. Juruaudit Negara hendaklah menyampaikan penyata tahunan akaun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan penyata-penyata ini hendaklah dibentangkan di Parlimen. Penyata akaun Kerajaan Persekutuan dikaji oleh Jawatankuasa Akaun Awam dan ketua-ketua Jabatan hendaklah hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam untuk menjawab apa-apa ulasan kurang baik daripada penyata Juruaudit Negara itu.

Untuk menentukan supaya Penyata itu ialah penyata yang tidak berat sebelah, Juruaudit Negara dilantik serupa dengan melantik seorang hakim dan dia tidak boleh diberhentikan daripada jawatannya kecuali dengan cara yang sama seperti melucutkan jawatan seorang hakim.

Satu daripada badan yang besar di bawah kelolaan Kementerian

Kewangan ialah Bank Negara Malaysia. Tugas Bank Negara ialah mengeluarkan mata wang dalam Persekutuan dan menyimpan cadangan untuk menjaga nilai mata wang tersebut. Bank Negara juga bertindak sebagai jurubank kepada Kerajaan. Selain itu, Bank Negara menggalakkan kestabilan kewangan dan struktur kewangan yang baik dan mempengaruhi kedudukan kredit bagi kepentingan Persekutuan. Bank Negara mengambil peranan yang besar tentang nilai mata wang dan juga kehendak-kehendak kewangan untuk pembangunan.

Selain daripada bahagian yang tersebut di atas, di bawah Kementerian Kewangan ada dua jabatan iaitu Jabatan Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Tugas Jabatan Hasil Dalam Negeri ialah menaksir dan memungut cukai pendapatan, cukai pendapatan petroleum, duti estet, duti sewa filem, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah. Tugas Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ialah memungut duti kastam, eksais, cukai jualan, cukai tokok dan cukai perkhidmatan. Jabatan ini juga bertanggungjawab mencegah gerakan-gerakan penyeludupan barang-barang termasuk dadah dan senjata api dan penyelewengan yang menyalahi undang-undang dan peraturan-peraturan cukai tersebut serta menguatkuasakan larangan import/eksport barang-barang. Disamping itu, jabatan ini juga melaksanakan dasar galakan perindustrian melalui perbekalan undang-undang yang ditadbirkan oleh Jabatan.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bank Simpanan Nasional juga adalah di bawah Kementerian Kewangan sungguhpun mereka ditubuhkan di bawah satu undang-undang. Tugas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ialah menerima caruman-caruman yang perlu dibayar oleh pekerja-pekerja dan majikan-majikan; melabur caruman-caruman dan mengkredit faedah kepada kira-kira perseorangan ahli-ahli; membayar keluar caruman-caruman yang terkumpul bersama faedah di atasnya kepada pekerja-pekerja yang berhak dan memproses keluaran-keluaran pencarum serta menguatkuasakan Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951.

Bank Simpanan Nasional memaju dan menggembleng simpanan, khususnya dari penyimpan-penyimpan kecil; menggalakkan tabiat berjimat cermat dan menyimpan wang dan mengadakan saluran bagi orang awam menyimpan wang. Bank Simpanan Nasional melabur simpanan itu di dalam bank dan menggunakan simpanan untuk membiayai pembangunan ekonomi negara dan memajukan kepentingan penyimpan dan pelanggan-pelanggan lain.

## BAB XV

### PERATURAN KHAS BAGI SABAH DAN SARAWAK

Negeri-negeri Sabah dan Sarawak mempunyai peruntukan perlembagaan khas yang tertentu yang berlainan dengan Negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Ini disebabkan Sabah dan Sarawak masuk dalam Persekutuan terkemudian daripada negeri-negeri lain iaitu pada 16 September 1963. Dan negeri-negeri itu menjadi sebahagian daripada Malaysia setelah diadakan perundingan-perundingan Perlembagaan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan British dan wakil-wakil daripada negeri Sabah dan Sarawak. Peraturan-peraturan Perlembagaan yang khas ini ada terkandung dalam Laporan Jawatan-kuasa antara Kerajaan 1962.

Sungguhpun demikian tidaklah pernah dimaksudkan bahawa peraturan-peraturan Perlembagaan khas bagi Sabah dan Sarawak itu akan digunakan selama-lamanya. Peraturan-peraturan Perlembagaan itu ialah bagi tempoh sementara sahaja. Sebenarnya Laporan itu menunjukkan bahawa perubahan akan dibuat dalam satu tempoh, iaitu setengah-setengahnya dalam tempoh 3 tahun dan yang lainnya dalam tempoh 10 tahun. Adalah jelas bahawa Persekutuan tidak akan bersatu sekiranya Sabah dan Sarawak terus mendapat peraturan-peraturan Perlembagaan yang khas baginya sendiri berbanding dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

Sebabnya maka ada peraturan-peraturan khas itu ialah memang ada perbezaan yang tertentu antara Negeri Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan. Perbezaan-perbezaan ini ialah dalam lapangan Politik, Pentadbiran, Pelajaran dan Ekonomi. Oleh hal yang demikian patutlah diadakan peraturan-peraturan khas bagi Sabah dan Sarawak untuk sementara

waktu oleh kerana masa adalah diperlukan bagi kedua-dua negeri ini menjadi sama kedudukannya dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan.

Dan lagi Sabah dan Sarawak diasingkan dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan oleh lautan yang besar dan pengasingan ini menyebabkan perhubungan antara Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain susah dan besar belanjanya. Oleh yang demikian orang Sabah dan Sarawak tidak dapat dengan senangnya bercampur gaul dengan orang dalam negeri-negeri di Semenanjung. Pada mulanya adalah dicadangkan supaya Malaysia mengandungi 15 buah negeri. Negeri-negeri itu termasuklah Sabah, Sarawak, Singapura dan Brunei. Pada suatu masa dahulu Singapura adalah satu bahagian daripada Persekutuan tetapi telah menjadi asing 2 tahun kemudian dalam bulan Ogos, 1965. Peraturan perlembagaan bagi Singapura adalah lain daripada Sabah dan Sarawak. Brunei tidak langsung jadi masuk dalam Persekutuan oleh sebab kegagalan mengenai perundingan Perlembagaan.

Peraturan-peraturan khas bagi Sabah dan Sarawak yang utamanya ialah dalam pembahagian kuasa perundangan. Pembahagian kuasa Perlembagaan ada dinyatakan dalam Jadual Yang Ke-9 Perlembagaan Persekutuan. Peraturan-peraturan utama yang lain yang khas bagi Sabah dan Sarawak adalah mengenai peruntukan kewangan.

Peraturan khas yang utama bagi Sabah dan Sarawak ialah dalam perkara Imigresen, Agama dan Pelajaran.

Dalam perkara imigresen misalnya ada peruntukan menghadkan orang Semenanjung Malaysia daripada masuk ke Sabah dan Sarawak, kecuali dengan syarat-syarat yang tertentu. Boleh dinyatakan bahawa cara ini tidak akan menyatupadukan Persekutuan sebab ia akan menghalang perjalanan warganegara dalam negeri. Tetapi pula boleh juga dikatakan bahawa jika orang-orang daripada Semenanjung Malaysia boleh dengan senangnya pergi ke Sabah dan Sarawak ada kemungkinan kepentingan orang-orang di negeri-negeri itu akan terjejas. Dari segi ekonomi dan juga pelajaran, orang-orang Semenanjung Malaysia adalah lebih terkemuka daripada orang-orang Sabah dan Sarawak dan jika sekiranya mereka dibenarkan masuk ke Sabah dan Sarawak dengan tidak terhad ada kemungkinan mereka terpaksa berlumba-lumba dengan orang-orang Semenanjung Malaysia dalam lapangan Ekonomi. Keadaan ini akan menyentuh kedudukan orang-orang yang telah lama tinggal di Sabah dan

Sarawak dan mereka akan marah kepada orang-orang Semenanjung Malaysia. Jika perkara ini timbul, tujuan utama untuk menyatupadukan negara Malaysia tidak akan dapat dicapai.

Satu lagi perbezaan ialah dalam lapangan agama. Sungguhpun agama rasmi di Persekutuan ialah agama Islam tetapi di Sabah dan Sarawak tidak ada Ketua Agama Islam. Dan di negeri-negeri lain di Persekutuan, Raja menjadi Ketua Agama di negeri mereka. Di negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, iaitu di Melaka dan Pulau Pinang, Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Agama Islam.

Dalam lapangan pelajaran pula ada juga perbezaan yang besar seperti di Semenanjung Malaysia penggunaan Bahasa Kebangsaan adalah lebih maju daripada penggunaan bahasa itu di Sabah dan Sarawak. Dasar dan sistem pelajaran di Sabah dan Sarawak adalah berlainan daripada di Semenanjung Malaysia dan jika ini dibiarkan berlanjutan perpaduan antara orang-orang Malaysia akan semakin sukar dicapai.

Peraturan-peraturan kewangan di Sabah dan Sarawak juga berlainan daripada di Semenanjung Malaysia. Boleh juga kita katakan bahawa sepatutnyalah Sabah dan Sarawak mempunyai peraturan khas tentang kewangan supaya dapat negeri-negeri itu maju lebih pesat daripada negeri-negeri yang lain di Persekutuan pada tahun-tahun permulaannya. Sungguhpun demikian, ada peruntukan untuk mengadakan peraturan baru bagi Sabah dan Sarawak apabila negeri-negeri itu telah mencapai peringkat kemajuan ekonomi di mana tidaklah perlu lagi bagi kedua-duanya mempunyai peraturan khas.

Dalam perkhidmatan awam pun ada beberapa perbezaan. Misalnya kebanyakan daripada kakitangan kerajaan di Sabah dan Sarawak yang bekerja di Jabatan Persekutuan masih lagi dikira sebagai pegawai negeri. Ini adalah benar juga bagi pegawai-pegawai yang dilantik ke Jabatan Persekutuan selepas tertubuhnya Malaysia. Lagi-pun kebanyakan Pegawai Persekutuan tidak boleh bertukar ke Sabah dan Sarawak. Mereka yang ada di sana adalah hanya dengan cara dipinjamkan. Oleh yang demikian, perhubungan antara pegawai-pegawai Semenanjung Malaysia dengan pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak adalah sangat sedikit sungguhpun mereka itu digalakkan berbuat demikian.

Pegawai-pegawai Semenanjung Malaysia tidak berapa suka bertukar ke Sabah dan Sarawak dan begitu juga bagi pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak tidak berapa suka bertukar ke Semenanjung Malaysia sebab perbelanjaan yang banyak jika mereka hendak balik



ke negeri mereka dan juga sukar hendak memberi pelajaran kepada anak-anak mereka. Pada masa sekarang tanggagaji pegawai-pegawai Semenanjung Malaysia berbeza dengan tanggagaji pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang memegang jawatan yang sama dan ini ialah juga sebabnya yang tidak menggalakkan pegawai bertukar di antara dua kawasan itu.

Berhubung dengan peraturan kewangan pula, ada beberapa pemberian yang khas kepada Sabah dan Sarawak dan lagi ada hasil cukai beberapa barang yang mereka ambil sungguhpun jika di Semenanjung Malaysia, hasil itu ialah hasil Persekutuan. Kesemua peraturan kewangan ini tertakluk kepada kajian semula dari masa ke semasa antara kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dengan kerajaan Persekutuan.

Sekarang ini sudah lebih 10 tahun lamanya Malaysia tertubuh dan usaha sedang dibuat untuk mengkaji semula Laporan Jawatan-kuasa Antara Kerajaan 1962 untuk mengetahui mana-mana peruntukan khas yang tidak perlu lagi diberi kepada Sabah dan Sarawak dengan tujuan supaya apa-apa peraturan khas yang tidak dikehendaki lagi bolehlah ditarik balik untuk kepentingan perpaduan Persekutuan.

Pada masa Sabah, Sarawak dan Singapura memasuki Persekutuan, ada ditubuhkan satu sekretariat di Jabatan Perdana Menteri dan sekretariat ini dinamakan Sekretariat Malaysia untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan Sabah, Sarawak dan Singapura. Selain itu, seorang Setiausaha Persekutuan telah dilantik bagi Negeri-negeri di Borneo. Pegawai ini bertugas di Sarawak dan Timbalannya bertugas di Sabah. Kemudian ada pula dua orang Setiausaha Persekutuan, seorang untuk Sabah dan seorang lagi untuk Sarawak.

Apabila sebahagian besar kerja-kerja permulaan berkaitan dengan penyatuan Sabah dan Sarawak telah diselesaikan maka Sekretariat Malaysia di Jabatan Perdana Menteri telah dibubarkan tetapi kedua-dua Setiausaha Persekutuan di Sabah dan Sarawak terus memegang jawatan mereka. Apabila Sekretariat Malaysia itu dibubarkan maka Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah dan Sarawak berhubung terus dengan ketua-ketua Jabatan mereka di Kuala Lumpur.

Sungguhpun demikian, dua agensi-masih mempunyai cawangan-nya di Sabah dan Sarawak. Agensi-agensi ini ialah Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan. Kedua-dua jabatan ini masih lagi berjalan sungguhpun Pejabat Perjawatan Persekutuan dan Pejabat

Kewangan Persekutuan di Sarawak telah pun disatukan menjadi Kementerian Hal-ehwal Sarawak. Selepas itu pejabat-pejabat ini diasingkan semula kerana Kementerian Hal-ehwal Sarawak telah dibubarkan. Sebab pejabat-pejabat cawangan ini ditubuhkan ialah supaya keputusan dapat diambil dengan segera di kedua-dua negeri itu dengan tidak payah lagi memanjangkan perkara-perkara itu untuk diputuskan di Kuala Lumpur.

Apa yang hendak dilakukan sekarang ialah menyamakan peraturan pentadbiran di Sabah dan Sarawak dengan peraturan pentadbiran di semua negeri di Persekutuan.

## BAB XVI

### WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN LABUAN

Pada 1 Februari 1974, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditubuhkan. Luas wilayah itu ialah lebih kurang 94 batu persegi dan dalam wilayah itu termasuklah ibu kota Kuala Lumpur yang lama.

Sebelum tertubuhnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ibu kota Kuala Lumpur ialah sebahagian daripada negeri Selangor. Ibu kota Kuala Lumpur pada masa itu adalah ibu negeri Selangor dan juga ibu negara Persekutuan. Sungguhpun Kuala Lumpur menjadi ibu negara Persekutuan pada masa dahulu tetapi Kerajaan Persekutuan pada ketika itu tidak mempunyai kuasa ke atas tanah di Kuala Lumpur. Pendek kata, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai apa-apa kuasa ke atas tanah dan perkara ini bertambah rumit oleh kerana Kerajaan Persekutuan berhasrat hendak memajukan ibu kota itu.

Satu perjanjian untuk menubuhkan satu Wilayah Persekutuan telah dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor pada 1 Februari 1974. Perkara I Perjanjian itu menyatakan seperti berikut:-

1. Mulai dari 1 Februari 1974 kawasan-kawasan yang diperihalkan dalam Perkara II hendaklah menjadi Wilayah Persekutuan, dan dengan itu kawasan-kawasan yang tersebut itu hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada negeri Selangor dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor hendaklah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara III, melepaskan dan berhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan ke atas kawasan-kawasan itu, dan segala kuasa dan bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia atau Majlis Per-

undangan Negeri bagi negeri Selangor dalam atau berkenaan dengan kawasan-kawasan yang tersebut itu hendaklah berakhir.

2. Persekutuan hendaklah menjalankan kedaulatan ke atas kawasan-kawasan yang tersebut itu dan segala kuasa dan bidang kuasa dalam atau berkenaan dengan kawasan-kawasan yang tersebut itu hendaklah pada Persekutuan.

Selepas diadakan istiadat menandatangani Perjanjian Kuala Lumpur, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah bertitah seperti berikut:-

“Sesungguhnya peristiwa hari ini adalah yang amat bersejarah bagi negara kita terutama bagi negeri Selangor. Dengan sempurnanya Perjanjian Kuala Lumpur ini ditandatangani maka semua kuasa dan hak kedaulatan Kerajaan beta dalam kawasan Kuala Lumpur dan sekitarnya adalah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi memulakan babak baru dalam sejarahnya sebagai Ibu Negara Persekutuan.”

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam titah baginda pula menyatakan seperti berikut:-

“Sesungguhnya peristiwa pagi ini merupakan detik sejarah yang penting yang membawa negara ini maju setapak lagi ke hadapan. Kelahiran Wilayah Persekutuan hari ini adalah satu titik kejayaan yang amat besar maknanya dalam perkembangan dan kemajuan negara ini sejak tertubuhnya Malaysia dahulu.

Beta sukacita menzahirkan betapa besarnya rasa terutang budi Kerajaan beta kepada Paduka Kakanda Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah berkenan menyerahkan semua kuasa dan hak kedaulatan atas ibu kota Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya yang kini merupakan Wilayah Persekutuan kepada Kerajaan Malaysia. Sesungguhnya ini adalah satu pengorbanan yang maha besar di pihak Kerajaan Negeri Selangor dan merupakan tanda kebijaksanaan, kemurahan hati serta pandangan jauh Paduka Kakanda Yang Maha Mulia Sultan Selangor demi kepentingan dan kesejahteraan negara Malaysia yang kita kasihi. Dengan yang demikian, ini boleh disifatkan sebagai contoh teladan yang

gemilang kepada sekalian oleh kerana untuk pertama kalinya dalam lingkungan Persekutuan dengan penuh kerediaan mengemukakan kepentingannya sendiri bagi kesejahteraan dan kemajuan Persekutuan."

Setelah Perjanjian itu ditandatangani maka suatu Perisytiharan telah diperbuat oleh Y.A.B. Perdana Menteri seperti berikut:-

"MAKA dengan nama ALLAH Yang Amat Pemurah lagi Mengasihani, saya, Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia, DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bahawa mulai daripada hari ini iaitu Satu haribulan Februari, Seribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Empat, bersamaan dengan Lapan haribulan Muharram, Tahun Hijrah Seribu Tiga Ratus Sembilan Puluh Empat, bahawa Wilayah Persekutuan yang mengandungi kawasan-kawasan yang ditunjukkan dalam Plan Warta No. 383, ditubuhkan."

Istiadat menandatangani Perjanjian antara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di hadapan Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Tuan-tuan Yang Terutama Gabenor ialah satu peristiwa yang bersejarah kerana dengan Perjanjian itu maka tempat yang tetap diadakan bagi Ibu Negara Persekutuan, Kuala Lumpur. Inilah satu peristiwa penting di dalam sejarah Persekutuan.

Dengan tertubuhnya Ibu Negara di Kuala Lumpur, sebuah jentera yang baru telah ditubuhkan untuk menjalankan bukan sahaja kerja-kerja yang telah pun menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan tetapi juga kerja-kerja Kerajaan Persekutuan yang baru mulai 1 Februari 1974.

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan telah dipinda untuk mensyaratkan perkara-perkara yang pada masa dulunya perkara Negeri menjadi perkara Persekutuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perkara-perkara itu termasuklah seperti berikut:-

- (a) Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, dan lain-lain;
- (b) Tanah;
- (c) Pertanian dan perhutanan;
- (d) Perkhidmatan-perkhidmatan lain bercorak tempatan.

Sempadan ibu kota bagi ibu kota Kuala Lumpur diperluaskan supaya sama dengan sempadan Wilayah Persekutuan. Oleh yang demikian seluruh Wilayah Persekutuan ialah juga ibu kota Kuala Lumpur.

Akta Ibu Negara Persekutuan 1960 meletak hak kuasa Kerajaan Tempatan di Kuala Lumpur kepada Kerajaan Persekutuan. Mengikut Akta itu, ibu kota ditadbirkan oleh Datuk Bandar. Dalam menjalankan kerja-kerjanya, sebuah Jemaah Penasihat telah ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada pesuruhjaya mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pentadbiran ibu kota yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dengan secara mengeluarkan Perintah dan mengenai apa-apa jua perkara yang disampaikan kepada jemaah itu oleh Menteri ataupun Pesuruhjaya Ibu Kota Wilayah Persekutuan. Perkataan "Pesuruhjaya" dalam Akta itu ialah Datuk Bandar.

Selain daripada itu Datuk Bandar juga menjalankan beberapa tugas yang tertentu mengikut Akta (Perancang) Ibu Kota Kuala Lumpur 1973. Mengikut undang-undang ini, tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur ialah untuk mengatur, mengawal dan merancang pembangunan kesemua tanah di Ibu Kota Kuala Lumpur dan penggunaan tanah dan bangunan. Kesemua kuasa ini terus terletak pada Datuk Bandar apabila Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditubuhkan.

Wilayah Persekutuan mempunyai matlamat-matlamat di peringkat tempatan dan juga negara. Manakala YB Menteri Wilayah Persekutuan bertanggungjawab bagi matlamat-matlamat negara Wilayah Persekutuan, Menteri Kerajaan Perumahan dan Kemajuan Tempatan terus bertanggungjawab bagi perkara-perkara kerajaan tempatan. Datuk Bandar Kuala Lumpur ialah ketua pentadbir yang bertanggungjawab bagi menjalankan kedua-dua matlamat itu.

Jentera Kerajaan untuk menjalankan matlamat-matlamat di peringkat negara dan tempatan di Wilayah Persekutuan ditunjukkan dalam rajah pada Lampiran J.\* Melihat daripada rajah itu, adalah nyata bahawa Datuk Bandar bertanggungjawab kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai perkara-perkara kerajaan tempatan dan kepada Jawatankuasa Kerja Tanah mengenai perkara-perkara tanah. Jawatankuasa Kerja Tanah itu dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

---

\*Senarai Organisasi Wilayah Persekutuan diberi pada Lampiran J.

Rajah itu juga menunjukkan bahawa ada tertubuh sebuah Jawatankuasa Kerja Tanah dan Jemaah Penasihat. Selain itu ada pula Jawatankuasa Teknik dalam jentera pentadbiran bagi Wilayah Persekutuan dan Pengerusi Lembaga Penasihat dan juga jawatankuasa Teknik ialah Datuk Bandar. Perkara tanah ialah tanggungjawab YAB Perdana Menteri. Tugas-tugas Lembaga dan Jawatankuasa itu adalah seperti berikut:-

#### **Jawatankuasa Kerja Tanah**

- (i) Merangka dan mengadakan dasar-dasar penggunaan yang baik bagi semua tanah dengan tujuan menjamin perancangan dan pembangunan yang berkesan bagi Wilayah Persekutuan selaras dengan tarafnya sebagai Ibu Negara Persekutuan dan juga selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.
- (ii) Menjalankan semua kuasa yang ada dalam undang-undang tanah berhubung dengan tanah di Wilayah Persekutuan.
- (iii) Memberi arahan teknik (technical direction) kepada Pengarah Tanah dan Galian (Wilayah Persekutuan)".

#### **Lembaga Penasihat**

"Memberi nasihat mengenai semua perkara (selain daripada tanah dan perancangan bandar) berhubung dengan pertadbiran Wilayah Persekutuan sebagai sebuah Bandaraya, sebagaimana yang harus diperintahkan oleh Yang di-Pertuan Agong menerusi arahan, dan mengenai mana-mana perkara yang dirujuk kepada Menteri atau Datuk Bandar".

#### **Jawatankuasa Teknik**

- (i) Membantu Dewan Bandaraya dalam usahanya untuk menyediakan Pelan Induk (Master Plan) bagi Kuala Lumpur.
- (ii) Menyelaras usaha-usaha perancangan dan pembangunan yang dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan dan badan berkanun yang ada hubungannya dengan Wilayah Persekutuan".

Berhubung dengan kerja-kerja awam pula, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab bagi kesemua kerja raya (jalan raya, bangunan

dan bekalan air) di Wilayah Persekutuan. Kerja-kerja membina jalan terus (through routes) dan jalan keliling (ring roads) dalam Wilayah Persekutuan. Kerja-kerja pembinaan jalan yang lain dijalankan oleh Dewan Bandaraya. Sungguhpun demikian penyelenggaraan semua jalan termasuk jalan terus dan jalan keliling adalah tanggungjawab Dewan Bandaraya. Mengenai bangunan, pembangunan dan penyelenggaraan kesemua bangunan Persekutuan di dalam Wilayah Persekutuan di dalam Wilayah Persekutuan adalah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya Persekutuan.

Berkenaan bekalan air pula, sungguhpun perkara ini ialah tanggungjawab Persekutuan, tetapi persetujuan telah dicapai oleh Kerajaan Persekutuan bahawa Kerajaan Negeri Selangor akan terus membekalkan air kepada pengguna-pengguna sehingga satu masa apabila peraturan-peraturan lain diadakan. Pendek kata bayaran air akan terus dipungut oleh Kerajaan Negeri daripada pengguna. Tentang perkara-perkara lain pula yang dahulunya adalah perkara Negeri seperti Pertanian dan Perhutanan, Kementerian yang berkaitan sekarang ini adalah bertanggungjawab penuh terhadap perkara ini kecuali perkara Parit dan Tali Air di Wilayah Persekutuan yang ada pada masa sekarang ini menjadi tanggungjawab Dewan Bandaraya. Kementerian-kementerian Persekutuan yang berkenaan yang sekarang ini memegang tanggungjawab yang baru bolehlah menjalankan tanggungjawab ini terus dari Ibu Pejabat ataupun pejabat-pejabat yang lain. Perkara-perkara yang kecil yang dahulunya dalam senarai tanggungjawab Negeri seperti pasukan bomba, rumah penginapan dan rumah lojing, tanah kubur dan tanah tempat bakar mayat, paun dan pencerobohan kerbau-lembu, pasar dan pasar berkala, dan mengeluarkan lesen bagi panggung wayang, wayang gambar dan tempat-tempat hiburan awam adalah tanggungjawab Datuk Bandar.

Berkenaan bekalan air pula, sungguhpun perkara ini ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Agama Islam di Wilayah Persekutuan. Satu Majlis Hal-Ehwal Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan telah pun ditubuhkan. Majlis ini telah mengambil alih tanggungjawab yang pada masa dahulunya dijalankan oleh Majlis Hal-Ehwal Agama Islam Negeri Selangor. Urusetia bagi Majlis ini ialah di Jabatan Perdana Menteri.

Wilayah Persekutuan Labuan telah ditubuhkan pada 16 April 1984 mengikut Akta Perlembagaan (Pindaan) 1984. Dengan berkuatkuasanya pindaan itu maka Labuan ditubuhkan sebagai Wilayah Per-



sekutuan Labuan dan bukan lagi sebahagian negeri Sabah. Sempadan sempadan negeri Sabah dengan pindaan itu telah diubah dengan mengeluarkan darinya Wilayah Persekutuan Labuan.

Dengan masuknya Labuan ke dalam Wilayah Persekutuan, maka Wilayah Persekutuan sekarang dinamakan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Untuk menjalankan pentadbiran, Wilayah Persekutuan Labuan diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan tempatan iaitu Majlis Bandaran yang diketuai oleh seorang Yang Dipertua yang bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan. Di Wilayah Persekutuan Labuan pun ada Jawatankuasa Kerja Tanah dan Jawatankuasa ini juga dipengerusikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan bertanggungjawab kepada YAB Perdana Menteri kerana tanah ialah dalam portfolio Perdana Menteri.

Mengikut perkara 3 Perlembagaan (Pindaan) (No.2) "Kawasan yang tersebut dalam seksyen 2 hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian daripada negeri Sabah, dan negeri Sabah hendaklah melepaskan dan terhenti daripada menjalankan apa-apa kedaulatan ke atas kawasan itu dan segala kuasa dan bidang kuasa Yang Dipertua Negeri dan Dewan Undangan Negeri Sabah dalam atau berkenaan dengan kawasan itu hendaklah berakhir".

Mengikut perkara 4 Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) "Persekutuan hendaklah menjalankan kedaulatan ke atas Wilayah Persekutuan Labuan tersebut dan segala kuasa dan bidang kuasa dalam atau berkenaan dengan Wilayah Persekutuan Labuan itu hendaklah terletak hak pada Persekutuan".

## BAB XVII

### PERANAN KERAJAAN DALAM MASYARAKAT BERBILANG BANGSA

Perlembagaan Persekutuan ialah hasil daripada tolak ansur di antara berbagai kaum yang duduk di Malaysia. Ini bukanlah berlaku hanya apabila kemerdekaan telah dicapai untuk Persekutuan Tanah Melayu; keadaan seperti itu juga telah berlaku apabila Sabah dan Sarawak memasuki Persekutuan menjadi Malaysia pada tahun 1973.

Pada masa Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan kaum-kaum yang besar ialah Melayu, Cina dan India. Tiap-tiap kaum itu ada mempunyai kepentingannya sendiri dan oleh itu, mereka terpaksa bertolak ansur sebab setengah-setengah kepentingan itu berlawanan.

Pada amnya orang Melayu terdiri daripada petani dan dengan hal yang demikian mereka duduk di luar bandar dan orang-orang Cina pula kebanyakannya ialah peniaga yang duduk di bandar. Orang India pula kebanyakannya bekerja di ladang-ladang getah yang besar.

Apa yang menyebabkan perbezaan ini bertambah jelas ialah kerana tiap-tiap kaum itu mempunyai agama yang berlainan dan latar belakang kebudayaan yang berlainan. Pada suatu masa dulu anak mereka pergi bersekolah di sekolah-sekolah yang berlainan; orang Cina pergi ke sekolah Cina, orang India pergi ke sekolah India dan orang Melayu masuk ke sekolah Melayu. Kuasa yang memberi perlindungan pada masa itu ialah kuasa British yang tidak langsung hendak menyatupadukan kaum-kaum itu oleh kerana perbuatan itu tidak akan mendatangkan kebaikan kepada pihak berkuasa. Sebenarnya mereka menghendaki kaum-kaum itu berbelah bagi supaya senang bagi mereka memerintah negeri ini.

Dalam mesyuarat-mesyuarat perbincangan Perlembagaan di antara kaum-kaum maka kedudukan penduduk di Semenanjung Malaysia pada masa itu ialah warganegara Persekutuan Tanah Melayu dan rakyat Raja-raja Melayu. Warganegara Persekutuan Tanah Melayu mempunyai hak sivil dan rakyat Raja-raja Melayu mempunyai hak politik. Mereka yang bukan rakyat Tanah Melayu mempunyai hak politik. Oleh kerana kekayaan pada masa itu adalah di tangan orang bukan rakyat Raja-raja Melayu maka persetujuan telah dicapai di antara kaum-kaum, iaitu mereka yang mempunyai hak sivil diberi hak warganegara yang penuh dan mereka pula bersetuju bahawa adalah tanggungjawab Kerajaan untuk meninggikan taraf kedudukan ekonomi rakyat Raja-raja Melayu supaya sama dengan warganegara bukan Melayu.

Hak-hak warganegara yang penuh boleh diberi dengan sertamerta oleh kerana ini boleh dijalankan dengan undang-undang tetapi perkara meninggikan taraf ekonomi rakyat Raja-raja Melayu mengambil masa yang panjang. Oleh sebab itulah diadakan peruntukan dalam Perlembagaan memberi kepada rakyat Raja-raja Melayu beberapa keistimewaan seperti tanah rizab Melayu dan juga kuota di dalam kerja-kerja perkhidmatan awam.

Untuk melaksanakan perjanjian ini maka Rancangan Pembangunan Yang Pertama ialah untuk mengadakan infrastruktur yang lebih baik bagi Semenanjung Malaysia dan Rancangan Pembangunan Kedua ialah untuk mengadakan jentera yang lebih baik untuk memasarkan barang-barang keluaran getah dan sebagainya. Rancangan Malaysia Yang Pertama ialah untuk menambah Keluaran Kasar Negara dan pendapatan per kapita warganegara Malaysia.

Ketiga-tiga rancangan ini tidak dapat memperimbangkan ekonomi rakyat Raja-raja dengan kedudukan ekonomi orang-orang lain dan dengan sebab itulah meletusnya peristiwa 13 Mei.

Terbit daripada keadaan itu maka timbullah Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk menyatupadukan kesemua rakyat dengan mengadakan dua tujuan besar iaitu menghapuskan kemiskinan dengan tidak kira keturunan dan menyusun semula masyarakat.

Apabila Sabah dan Sarawak memasuki Persekutuan, penduduk di negeri-negeri itu juga mempunyai kepentingan-kepentingan mereka sendiri. Di Semenanjung Malaysia Bumiputera ialah orang Melayu tetapi di Sabah dan Sarawak, Bumiputera ialah orang asal di negeri itu. Oleh sebab itu adalah tolak ansur yang tertentu apabila

Sabah dan Sarawak masuk Persekutuan Tanah Melayu menjadi Malaysia.

Oleh yang demikian terpulanglah kepada ketua bagi tiap-tiap keturunan menyatupadukan kaum-kaum mereka menjadi satu bangsa. Di Semenanjung Malaysia ini merupakan suatu perkara yang rumit oleh kerana jika tidak seimbang maka pergaduhan di antara bangsa akan berlaku. Di Sabah dan Sarawak pula jika kedudukan di negeri-negeri itu tidak diuruskan dengan sempurna, mereka akan makin lama makin renggang daripada Semenanjung Malaysia.

Pergaduhan di antara kaum sebenarnya telah berlaku di Semenanjung Malaysia dalam bulan Mei tahun 1969 apabila kedua-dua kaum terbesar iaitu kaum Cina dan kaum Melayu bergaduh di antara mereka. Pada masa itu adalah jelas bahawa satu kaum akan menguasai kaum yang lain dari segi ekonomi dan politik dan ini menimbulkan pertumpahan darah. Kejadian yang telah berlaku dalam tahun dalam tahun 1969 ini bukanlah satu kejadian yang baru di Semenanjung Malaysia oleh kerana tragedi seperti itu telah pernah berlaku selepas sahaja tamatnya Peperangan Dunia Yang Kedua.

Oleh hal yang demikian Kerajaan terpaksa mewujudkan suatu bangsa yang terdiri daripada kaum-kaum yang mempunyai kepentingan yang berlawanan. Dalam konteks inilah maka jentera Kerajaan terpaksa dijalankan. Ini terpaksa diutamakan kerana jika tidak ada perpaduan antara kaum dalam negara ini maka negara ini tidak boleh menjadi aman dan makmur.

Pada suatu masa dulu perkara yang diutamakan ialah pelajaran dan dasar pelajaran telah diadakan untuk melahirkan suatu bangsa yang bersatupadu pada masa hadapan. Sungguhpun demikian adalah didapati bahawa ini tidak mencukupi dan oleh yang demikian diadakan Dasar Ekonomi Baru dengan dua matlamat yang penting, iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan dengan tidak mengira bangsa.

Pada masa ini kumpulan-kumpulan kaum itu terbahagi mengikut pekerjaan mereka. Oleh itu adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyatupadukan kumpulan-kumpulan kaum ini supaya tiap-tiap kumpulan itu tidak terkongkong kepada sesuatu pekerjaan. Sebenarnya pada masa ini kalaulah seseorang Melayu pergi ke sesebuah bandar besar dia akan terasa dirinya sebagai orang asing. Begitu juga rasanya kepada seorang orang Cina apabila dia pergi ke kampung. Keadaan seperti ini akan juga dirasakan kalaulah orang-orang Melayu dan Cina pergi melawat ladang getah yang besar-besar

kerana pekerja-pekerja ladang getah kebanyakannya adalah terdiri daripada orang India.

Sungguhpun maksud Kerajaan itu baik untuk menyatupadukan semua kaum tetapi tujuan ini hendaklah difahami betul-betul oleh semua orang. Jika tidak, dasar Kerajaan akan ditentang. Kerajaan hendaklah berhati-hati supaya tidak mengambil apa-apa hak yang telah dimiliki oleh mana-mana orang jua pun.

Sebaik-baik setelah kemerdekaan dicapai, tujuan utama Kerajaan ialah perkembangan ekonomi kerana perkembangan ekonomi akan membawa kemakmuran kepada semua orang. Kementerian Luar Bandar telah ditubuhkan untuk mempesatkan perkembangan ekonomi di luar bandar. Perkembangan ekonomi adalah lebih lambat di luar bandar jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Oleh sebab itu perhatian yang berat ditumpukan kepada kawasan luar bandar supaya kawasan-kawasan itu dapat diusahakan perkembangan ekonominya dengan lebih pesat lagi.

Kemudian daripada itu Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya pembangunan di seluruh negara menjadi teratur dan seimbang. Kementerian ini dianggap sebagai satu Kementerian yang sangat penting daripada mula-mula lagi oleh kerana Menteri yang bertanggungjawab tentang Kementerian ini ialah Timbalan Perdana Menteri. Beliau juga bertanggungjawab bagi Bahagian Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana yang dinyatakan terlebih dahulu perkara yang diutamakan pada mulanya ialah untuk menggalakkan perkembangan ekonomi. Sungguhpun demikian adalah didapati bahawa perkembangan ekonomi sahaja tidak memadai. Sungguhpun industri-industri yang telah didirikan boleh menambah pekerjaan tetapi pekerjaan yang bertambah itu tidak mencukupi bagi semua orang. Kebanyakan daripada industri itu ialah industri yang banyak menggunakan modal. Apa yang dikehendaki ialah industri yang banyak menggunakan tenaga pekerja. Oleh hal yang demikian dasar itu telah diubah dengan mendirikan industri yang banyak menggunakan tenaga pekerja daripada industri yang banyak menggunakan modal supaya dapat memberi pekerjaan kepada penduduk yang kian bertambah ramai.

Oleh kerana berlakunya pergaduhan antara kaum dalam tahun 1969, Parlimen telah dibubarkan dan Majlis Gerakan Negara telah ditubuhkan yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa

itu. Majlis itu bertanggungjawab untuk memulihkan keadaan ketenteraman dalam negeri dan juga menyediakan keadaan supaya dapat dipulihkan demokrasi berparlimen. Satu Majlis yang dinamakan Majlis Perunding Negara telah ditubuhkan dan dijadikan sebagai suatu forum bagi perbincangan-perbincangan antara ketua daripada pelbagai parti 'sensitif' tidak boleh dibangkitkan di mana-mana jua termasuklah di Parlimen untuk mengelakkan daripada berlaku lagi perbalahan antara kaum.

Sekarang ini Barisan Nasional telah bersetuju untuk menyusun semula masyarakat dalam tempoh 20 tahun. Ini ialah satu tugas yang tidak mudah tetapi mustahak untuk Malaysia. Bahagian Pelaksanaan Penyelarasan dan Kemajuan Pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab bagi menentukan supaya kesemua agensi Kerajaan menjalankan apa-apa yang dikehendaki.

Satu lagi tujuan dasar ekonomi baru ialah untuk membasmi kemiskinan dengan tidak mengira kaum. Untuk melaksanakan matlamat ini kemajuan ekonomi memainkan peranan yang besar. Suatu keadaan tenteram hendaklah diadakan dalam negeri supaya pembangunan dapat dijalankan dengan lebih pesat lagi. Dalam pada itu juga negeri ini hendaklah bebas daripada ancaman dari luar.

Untuk mewujudkan keamanan dalam negeri supaya masa dan wang dapat ditumpukan kepada kemajuan ekonomi, maka falsafah parti yang berkuasa sekarang ini ialah mengadakan suatu gabungan parti, iaitu Barisan Nasional supaya dapat menumpukan lebih banyak tenaga bagi kemajuan ekonomi dan mengurangkan politik parti. Tempoh sesuatu Parlimen ialah 5 tahun selama-lamanya dan jika terdapat persaingan parti politik yang kuat maka kebanyakan rancangan parti itu hanya untuk matlamat jangka pendek sahaja. Masalah yang besar seperti menyatupadukan rakyat adalah suatu masalah yang berkehendakkan suatu rancangan jangka panjang untuk memupuknya.

Sesuatu negeri itu perlu bebas daripada ancaman dari luar negeri dan oleh itu sekarang ini Malaysia sedang memupuk konsep berkecuali di Asia Tenggara dan konsep ini dijamin oleh kuasa-kuasa besar. Adalah juga menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional supaya berbaik-baik dengan mana-mana negara yang hendak berbaik dengannya tidak kira apa fahaman politik sesuatu negara itu, asalkan negara itu tidak campur tangan berkenaan dengan hal-hal dalam negeri di-Malaysia.

Jentera pentadbiran Malaysia pada masa sekarang ini adalah ditumpu kepada melaksanakan dasar menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan. Dalam suatu jangka masa yang singkat sahaja, iaitu lebih sedikit dari sepuluh tahun, beberapa perubahan yang besar telah berlaku dalam jentera pentadbiran Kerajaan. Pada masa ini tumpuan kepada perkembangan ekonomi adalah lebih daripada masa-masa yang lalu tetapi ada besar perbezaannya, iaitu ia adalah suatu perkembangan ekonomi yang memupuk dan melahirkan suatu penyusunan semula masyarakat.

Jentera pentadbiran Kerajaan telah beransur-ansur bertukar daripada jentera pentadbiran yang mengutamakan keamanan dan pungutan hasil menjadi suatu jentera pentadbiran yang menghasilkan perkembangan ekonomi yang pesat dan sekarang ini mengambil peranan pula dalam aktiviti perusahaan. Sebenarnya Kerajaan sekarang betul-betul mengambil bahagian dalam aktiviti perdagangan. Pada masa dahulu Kerajaan hanya mengambil bahagian dalam usaha memupuk perkembangan ekonomi tetapi sekarang ia sendiri mengambil bahagian memajukannya.

Apa yang menjadi cabaran pada masa ini ialah segala-galanya perlu dilaksanakan dengan segera. Untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 20 tahun dengan modal, bilangan orang dan kekayaan bumi yang terhad adalah suatu tugas yang amat berat bebannya kepada sektor awam dan sektor swasta.

Ada perubahan yang besar tentang peranan Kerajaan dalam hal ini; dan ini juga membawa perubahan-perubahan yang besar kepada jentera pentadbiran Kerajaan. Orang-orang yang dikehendaki menjalankan jentera pentadbiran Kerajaan ini hendaklah membuat perubahan sikap untuk memainkan peranan-peranan yang baru pula.

Pada masa sekarang pengasingan antara sektor awam dengan sektor swasta masih lagi nyata. Sebagaimana yang dinyatakan terlebih dahulu pada masa sekarang ramai orang yang mempunyai kelayakan telah bertukar daripada bekerja dengan sektor awam kepada bekerja dengan sektor swasta. Keadaan ini akan berpanjangan. Sebenarnya pada masa sekarang kedudukannya ialah mereka yang berpeluang dapat pekerjaan di sektor swasta akan pergi ke sektor itu oleh kerana mereka didorong oleh hasil pendapatan yang lebih banyak lagi di sektor itu.

Masanya telah tiba bagi Kerajaan mengadakan suatu sistem yang baik untuk membahagi-bahagikan gunatenaga yang mahir khususnya di kalangan pengurusan dan ikhtisas antara sektor swasta dengan sektor awam. Kemahiran hendaklah dibahagi-bahagikan dengan cara yang saksama antara sektor awam dengan sektor swasta. Sektor awam dan sektor swasta hendaklah bekerjasama lebih rapat lagi untuk mencapai kemakmuran dalam negara ini. Sebenarnya tidak patut ada sesuatu kepentingan pun yang bertentangan antara sektor awam dengan sektor swasta.

Dalam masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaysia yang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat, Kerajaan hendaklah menyalurkan kegiatan ekonominya supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat yang terdiri daripada berbagai keturunan. Ini adalah suatu tugas yang baru. Kerajaan adalah dikehendaki bukan sahaja mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan bahkan juga hendaklah mengadakan pakar-pakar yang boleh memandu kegiatan ekonomi ke arah matlamat yang dicita-citakan. Suatu jentera pentadbiran hendaklah dibuat supaya kemudahan-kemudahan yang didapati daripada perkembangan ekonomi bukan sahaja dapat dinikmati oleh berbilang bangsa dengan cara yang adil tetapi juga oleh tiap-tiap peringkat masyarakat. Misalnya suatu jentera pentadbiran hendaklah diadakan untuk menentukan supaya peniaga tidak akan dapat menggunakan kekurangan bahan atau kedudukan monopoli mereka untuk kepentingan mereka sendiri dengan tidak kira apakah kesan perbuatan mereka itu kepada masyarakat. Mereka hendaklah sedar akan tanggungjawab mereka kepada masyarakat.

Akhirnya apa yang patut kita pentingkan ialah memupuk suatu masyarakat yang bahagia. Jika warganegara di sesuatu negara itu tidak puas hati dan tidak gembira, maka apa jua pun hasil yang diperolehi dari perkembangan ekonomi tidaklah bermakna. Kita mesti mengelak daripada mewujudkan suatu generasi warganegara yang hanya mementingkan kebendaan sahaja dan tidak menghirau kebajikan dalam hidup manusia yang telah begitu disanjung tinggi oleh nenek moyang kita.



Lampiran A

PEMBAHAGIAN JABATAN MENGIKUT SISTEM  
AHLI DALAM TAHUN 1951

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Perkhidmatan Awam  
Hal-ehwal dalam Negeri  
Hal-ehwal Kehakiman  
Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Perundangan  
Perkara-perkara Perlembagaan  
Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri  
Langkah-langkah Darurat  
Sekatan Kediaman  
Senjata, senjata api, ubat bedil dan bahan letupan  
Pencen dan ganjaran  
Penjara, Tempat pemulihan akhlak, Sekolah tahanan budak-  
budak  
Pendaftaran Syarikat (kecuali Kesatuan Sekerja)  
Orang pelarian dan orang tiada bernegeri  
Suruhanjaya Siasatan  
Jabatan Percetakan Negara  
Ejen Tanah Melayu  
Pingat dan Kurniaan (Awam dan Tentera)  
Penyata Tahunan Persekutuan

PEGUAM NEGARA

Hal-ehwal undang-undang  
Jabatan Amanah Raya, Jabatan Pentadbir Pesaka dan Penyim-  
pan Harta Musuh

Pendaftaran atau penubuhan perniagaan dan syarikat  
Perkara-perkara (selain dari perkara berhubung dengan Agama  
Islam atau adat istiadat Melayu) berhubung dengan per-  
kahwinan, perceraian, remaja, pengambilan anak angkat  
dan pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat  
Pesalah fujitif  
Buang negeri  
Perdagangan dengan musuh  
Patent, Tanda Dagangan dan Rekacipta

#### SETIAUSAHA KEWANGAN

Kewangan dan Akaun Awam  
Perbendaharaan  
Mata Wang  
Kastam dan Eksais  
Urusan Bank  
Kawalan Pertukaran Wang Asing  
Dasar Cukai  
Cukai Pendapatan  
Duti Harta Pusaka dan Setem  
Bank Simpanan Pejabat Pos  
Lembaga Pinjaman Wang  
Suruhanjaya Kerosakan Perang  
Pinjaman Kerajaan termasuk Premium, Bon dan Surat Janji-  
hutang  
Organisasi dan Kaedah  
Barang simpanan dan Kontrak Kerajaan

#### AHLI BAGI HAL-EHWAL DALAM NEGERI

Imigresen  
Perhubungan Awam  
Penyiaran  
Filem Unit  
Panggung Wayang  
Filem wayang gambar  
Percetakan dan penerbitan<sup>1</sup>  
Pembangunan luar bandar  
Kemajuan syarikat kerjasama  
Menjalan dan Menyeliakan Pilihanraya

Pendaftaran Negara  
Pendaftaran warganegara  
Pendaftaran Beranak, Mati dan Perkahwinan  
Banci  
Orang Asli  
Hubungan Negeri-negeri Tanah Melayu dengan Negeri-negeri  
Selat  
Kerajaan Tempatan  
Pergerakan Belia  
Urusan Haji  
Hari kelepasan am  
Rumah penginapan dan tuan punya rumah penginapan, rumah  
lojing  
Perkhidmatan Bomba  
Pecellong, jual lelong, penilai  
Tuan punya Pajak Gadai, peniaga barang terpakai, pemberi  
pinjaman wang dan peminjaman wang  
Timbang dan sukat

#### AHLI BAGI HAL-EHWAL EKONOMI

Perdagangan dan perusahaan (termasuk Persidangan-persi-  
dangan Barangan, Kumpulan Kajian dan perkara-perkara  
yang berkaitan)  
Dasar Kastam dan Tarif  
Import dan Eksport  
Bekalan  
Bahan api dan tenaga  
Kawalan makanan dan harga, catuan  
Perancangan ekonomi (Rancangan Colombo, Draf Rancangan  
Pembangunan, E.C.A., E.C.A.F.E., F.A.O., Point Four  
dan C.D. & W.)  
I.T.O. dan G.A.T.T.  
Perangkaan  
Petroleum dan cecair berbahaya  
Gantirugi  
Insurans

#### AHLI BAGI PERTANIAN DAN KEHUTANAN

Pertanian

Parit dan Tali Air  
Kehutanan  
Haiwan  
Mergastua  
Perikanan  
Mencegah Perbuatan Aniaya kepada Haiwan

#### AHLI BAGI KESIHATAN

Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan  
Kimia  
U.N.I.C.E.F., W.H.O.

#### AHLI BAGI PELAJARAN

Pelajaran  
Pertubuhan kebudayaan  
Muzium, arkib dan perpustakaan  
Etnologi, antropologi dan kajipurba  
Perlindungan tugu-tugu bersejarah  
Pusat Kebudayaan British  
Biro Penerbitan Berbagai Bahasa  
UNESCO

#### AHLI BAGI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN DAN KEMASYARAKATAN

Buruh  
Kesatuan Sekerja  
Pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja  
Kebajikan Masyarakat  
Loteri Perkhidmatan dan Kebajikan Masyarakat  
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
Kilang, tred berbahaya dan mudarat awam  
Khairat dan yayasan khairat

#### AHLI BAGI TANAH, GALIAN DAN PERHUBUNGAN

Tanah  
Galian (termasuk memeriksa alat jentera)

Pos  
Telekom  
Penerbangan Awam  
Ukur  
Ukur Kajibumi  
Perkhidmatan Kajicuaca  
Pengangkutan Jalan  
Pengangkutan Sungai

#### AHLI BAGI KERJA RAYA

Kerja Raya (termasuk jalan raya, bangunan dan bekalan air)  
Perancangan Bandar  
Perumahan

#### AHLI BAGI KERETAPI DAN PELABUHAN

Keretapi  
Pelabuhan  
Laut  
Perkapalan dagang, pelanggaran di laut, karaman dan salvej,  
pemandu dan keselamatan pelayaran  
Rumah api

Lampiran B

KAWASAN PILIHANRAYA

Johor	36
Kedah	28
Kelantan	39
Melaka	20
Negeri Sembilan	28
Pahang	33
Perak	46
Perlis	14
Pulau Pinang	33
Sabah	48
Sarawak	56
Selangor	42
Terengganu	32
	<u>455</u>

## Lampiran C

## KAWASAN PILIHANRAYA DEWAN RAKYAT

	Dewan Rakyat
Johor	18
Kedah	14
Kelantan	13
Melaka	5
Negeri Sembilan	7
Pahang	10
Perak	23
Perlis	2
Pulau Pinang	11
Sabah	20
Sarawak	27*
Selangor	14
Terengganu	8
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7
Wilayah Persekutuan Labuan	1
	<u>180</u>

\* Ulangkaji bagi 3 bahagian pilihanraya belum lagi selesai di Sarawak.

## Lampiran D

## KEANGGOTAAN DEWAN RAKYAT PADA 27 MAC 1985

## PARTI BERGABUNG (BARISAN NASIONAL)

		Nombor Kerusi	
UMNO	United Malays National Organisation	70	
MCA	Malaysian Chinese Association	23	
MIC	Malaysian Indian Congress	3	
BERJAYA	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah	14	
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu	8	
PPDS	Parti Bangsa Dayak Sarawak	6	
SUPP	Sarawak United People's Party	5	
GRM	Gerakan Rakyat Malaysia	5	
SNAP	Sarawak National Party	3	
	Ahli Terus	<u>1</u>	138

## PARTI-PARTI PEMBANGKANG

DAP	Democratic Action Party	10	
HAMIN	Hisbul Muslimin Malaysia	3	
PAS	Pan Malaysia Islamic Party	<u>1</u>	14
BEBAS		<u>2</u>	<u>2</u>
	Jumlah Kerusi		<u>154</u>



SENARAI MENTERI KABINET PADA 10 MEI 1986

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri  
(Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, SSDK, SSAP, SPMS, SPMJ, DP, DUPN, SPNS, SPDK, SPCM, SSMT, DUNM, PIS)
2. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar  
(Encik Abdul Ghafar Bin Baba)
3. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya  
(Dato' S. Samy Vellu, SPMJ, DPMS, PCM, AMN )
4. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri  
(Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail, SPMP, SSAP, PMK)
5. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian  
(Tengku Razaleigh Hamzah, DK, PSM, SPMK, SSAP, SPMS)
6. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama  
(Dato' Paul Leong Khee Seong, DPCM)
7. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos  
(Datuk Leo Moggie anak Irok, PNBS)
8. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam  
(Datin Paduka Rafidah Aziz, DPMS, AMN)
9. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
(Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud, SIMP, PNBS, JBS)
10. Yang Berhormat Menteri Pertanian  
(Datuk Seri Sanusi bin Junid, DSDK, DGSM, SMK)
11. Yang Berhormat Menteri Pertahanan  
(Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, DMPN, DJN KMN)

12. Yang Berhormat Menteri Penerangan  
(Dato' Rais Yatim, DSNS)
13. Yang Berhormat Menteri Kesihatan  
(Dato' Mak Hon Kam, DPMP, JMN)
14. Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah  
(Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam, DGSM)
15. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar  
(Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze, DA, PNBS)
16. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan  
(Dato' Shahrir bin Abdul Samad, DPMJ, PIS)
17. Yang Berhormat Menteri Pelajaran  
(Encik Anwar bin Ibrahim)
18. Yang Berhormat Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Datuk Dr. James P. Ongkili, SPDK, DIMP)
19. Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat  
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar, DPMS, SMT, PIS)
20. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob, SIMP, DSAP, JSM, SMP)
21. Yang Berhormat Menteri Kewangan  
(Encik Daim Zainuddin)
22. Y. B. Menteri Pengangkutan  
(Dato' Dr. Ling Liong Sik, DPMP)
23. Y. B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
(Dato' Chan Siang Sun, DIMP, JSM, AMN, PJK, JP)
24. Y. B. Menteri Buruh  
(Dato' Lee Kim Sai, DPMS, PPN)


SENARAI TIMBALAN MENTERI PADA 7 JANUARI 1986

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian  
(Dato' Goh Cheng Teik)
2. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan  
(Dato' K. Pathmanaban, DSNS, KMN)
3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh  
(Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman, DPMT, KMN,  
PJK)
4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh  
(Datuk William Lye Chee Hien, PGDK)
5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran  
(Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis)
6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan  
(Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji  
Mustapha, DSAP, PNBS, JMN)
7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian  
(Encik Luhah Wan)
8. Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan  
(Encik Mohd. Kassim bin Ahmed)
9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan  
Sukan  
(Datin Paduka Chow Poh Kheng @ Rosmary Chong, DPMS)
10. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana  
Menteri  
(Puan Hajah Sharifah Dora binti Dato' Syed Mohamed,  
SMJ, AMN, PIS, BSI)


11. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian  
(Encik Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, SMJ, PIS, BSI)
12. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
(Dato' S. Subramaniam, DSNS, SMJ)
13. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Dato' Dr. Tan Tiong Hong, DSAP)
14. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan  
(Puan Hajjah Rahmah binti Osman, JSM, SMS, AMN, PJK)
15. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan  
(Dato' Sabbaruddin Chik, DSAP, SMS)
16. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
(Puan Napsiah binti Omar)
17. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri  
(Encik Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, AMK)
18. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri  
(Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad, DPMP)
19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan  
(Dato' Oo Gin Sun, DSDK, SDK, AMK, JP)
20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan  
(Encik Ahmad Shah Tambakau, BSK)
21. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya  
(Dato' Zainal Abidin Zin, DPMP, PMP)
22. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama  
(Encik Megat Junid bin Megat Ayop, AMP, AMK)
23. Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos  
(Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, SMP, AMN)
24. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Menteri  
(Senator Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor, DPMT, JMN, SMT, PPT)
25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam  
(Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha)
26. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar  
(Encik Abdillah bin Haji Abdul Hamid)

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian  
(Senator Kee Yong Wee)
28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran  
(Senator Ng Cheng Kiat)
29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan  
(Encik Ng Cheng Kuai)

ORGANISASI KERAJAAN PERSEKUTUAN




CARTA ORGANISASI JABATAN PERDANA MENTERI



135

### CARTA ORGANISASI UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN JABATAN PERDANA MENTERI






Lampiran I

CARTA ORGANISASI MAJLIS TINDAKAN NEGARA



# CARTA ORGANISASI WILAYAH PERSEKUTUAN

Lampiran J



## BIBLIOGRAFI

1. Emerson, R., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, New York: Macmillan Company, 1937.
2. Hickling, R.H., *An Introduction to the Federal Constitution*, Kuala Lumpur: Federation of Malaya Information Service, 1960.
3. Mohamed Suffian bin Hashim, Tan Sri, *An Introduction to the Constitution of Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1972.
4. Montgomery, J.D. (Prof.) and Milton, J.E. (Prof) *Development Administration in Malaysia (Report to the Government of Malaysia)*. Kuala Lumpur: Jabatan Cetak Kerajaan, 1966.
5. *Panduan Bagi Kawalan Tatatertib Dalam Perkhidmatan Awam*, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kuala Lumpur: 1973.
6. Wilcox, Clair, *The Planning and Execution of Economic Development in South Asia*, (Cambridge, Mass.) Center for International Affairs, Harvard University, 1965.